Jilid II
BiL 38

Hari Isnin
3hb November, **1980**

# PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

## DEW AN RAKYAT
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

## PARLIMEN KELIMA
*Fifth Parliament*

## FENGGAL KEDUA
*Second Session*

## KANDUNGANNYA


PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:
Titah Jawapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kcpada Ucapan Tahniah [Ruangan 4771]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 4772]

USUL-USUL:
Akta Eksais, 1976—
Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1980 [Ruangan 4807]
Akta Kastam, 1967—
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9)9 1980 [Ruangan 4808]
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1980 [Ruangan 4808]
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1980 [Ruangan 4808]
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12), 1980 [Ruangan 4808]
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1980 [Ruangan 4808]
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1980 [Ruangan 4808]
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15), 1980 [Ruangan 4808]
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16), 1980 [Ruangan 4808]
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1980 [Ruangan 4808]
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1980 [Ruangan 4808]
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1980 [Ruangan 4806]
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20), 1980 [Ruangan 4806]
Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [4814]
Anggaran Pembangunan, 1981 [Ruangan 4814]

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 [Ruangan 4814]

MALAYSIA

# DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

*Penyata Rasmi Parlimen*

## PENGGAL YANG KEDUA

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, **P.M.N., S.P.MJ., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.MJ., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.MJ., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknoloji dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S.? P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI **BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

Menteri Kebajikan Am, PATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kiiala Langat).

„ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.MJ., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, s.p.ivi.p., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.MJ., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K.,, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.MJ., S.S.I.J., D.P.MJ., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.MJ., D.P.MJ. (Muar).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan^kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., s.M.s., P.C.M. (Sungei Siput).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOCHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).

„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S* (Saratok).

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M^S., J.M.N. (Shah Alam).

„ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

*m* Thnbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI ZAKARIAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T, K.MN, S.M.T., P.J.K. (Besut).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.MT., K.M.N. (Ulu Nerus).

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Umbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim),

„ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL **RAZAK, O.K.I.S., D.SA.P. (Pekan).**

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

^ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,. DATO CHIN HON NGIAN D.S.I.J. (Renggam).

Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.MJ., D.SJ.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.MJ., P.I.S. (Johor Bahru).

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).

Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN -.BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CBEB HIEN, A.S.D.K. (Gaya).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

n Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).

n Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).

M Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).

» Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).

* Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG ALIAS ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).

*, Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

„ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).

» TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

„ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).

TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bafaru).

n TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.MJ., S.S.I.J. (Tenggaroh).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).

DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., **P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).**

„ DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

„ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).

„ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).

TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).

„ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis),

„ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).

„ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

n TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).

„ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).

„ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHJM, A.M.P. (Batang Padang).

n TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

„ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
„ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
„ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Sedan).
„ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
„ TUAN V. DAVID (Damansara).
„ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang **Lupar).**
„ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
„ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
„ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
„ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
M TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
„ TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.L, J.P. (Ayer **Hitam).**
„ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
DATO' HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
„ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.N., P.P.M. (Rantau Panjang).
„ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
„ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
„ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
„ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
„ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
„ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
„ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
„ TUAN LEE KAW (Kluang).
„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
„ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
„ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
„ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
„ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. **(Gerik).**
TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., **P.B. (Nilam Puri).**
„ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, **D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir** Padas).

Yang Berhormat TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
„ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
„ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
„ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
„ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
„ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
„ DATO' NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
„ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.LM.P. (Tuafan).
„ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar)
„ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
„ TUAN P. PATTO (Menglembu).
„ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
„ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, DP.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
„ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
„ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
„ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
„ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
„ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
„ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
„ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
„ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
„ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
TUAN TING CHEK MING (Bruas).
TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
„ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
n WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
„ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
„ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
„ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
„ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., PJ.K. (Kuala Kangsar).
n DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
n DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
w TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, PJ.K. (Permatang Pauh).

# DEWAN RAKYAT

PBGAWAItPEGAWAI KANAH

**Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.**

**Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.**

**Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.**

**Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.**

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEM

**Penyunting: Yahya Manap.**

**Penolong Penyunting: P. B. Menbn.**

**Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.**

*Pemberita-pemberita:*

**N. R^maswamy.**
**Louis Yeoh Sim Ngoh**
**Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.**
**Suhor bin Husin.**
**Amran bin Ahmad.**
**Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.**
**Margaret Chye Kim Lian.**
**Puan Ng Chong Kin.**
**Puan Kong Yooi Thong.**
**Juliah binti Awam.**
**Supiah binti Dewak.**
**Ismail bin Hassan.**
**Shamsiah binti Mohd. Yusof.**
**Kalsom bin Ghazali.**

BENTARA MESYUARAT

**Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.**

MALAYSIA

# DEWAN RAKYAT

Isnin, 3hb November, 1980

*Mesyuargt dimulokan pada pukul 2 JO petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikcm Mesyuarai)*

## PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

### UTAH JAWAPAN D.YJV1.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG KEPADA UCAPAN TAHNIAH

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan mengutus surat kepada saya sebagai jawapan kepada surat yang telah dipersembahkan Kebawah Duli.

Bunyi suratnya:

"QAULUHUL-HAQ

Warkah al-iklas Watah Al-khair iaitu daripada Beta Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'Ayatuddin al-Mu'Adzam Shah, Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Mudah-mudahan barang diwasalkan oleh Tuhan Rabbul 'Alamin ke Majlis Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr) Syed Nasir bin Ismail, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I., Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Malaysia yang ada beristirehat al-khair pada masa ini di bandaraya Kuala Lumpur dengan beberapa selamat dan kesejahteraannya.

Wabakdah ehwal Beta memaklumkan kepada Tan Sri bahawa surat Tan Sri bertarikh 13hb Oktober, 1980 kerana menyampaikan ketetapan yang diambil oleh Dewan Rakyat yang bersidang pada 13hb Oktober, 1980 di atas perlantikan Beta sebagai Yang di-Pertuan Agong itu sudahlah Beta terima dengan selamatnya dan Beta adalah mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih jua.

Beta sesungguhnya merasa amat sukacita menerima ucapan tahniah daripada Dewan Rakyat dan lafaz ikrar taat setia terhadap Beta itu dan Beta meminta kelapangan Yang Berhormat Tan Sri untuk menyampaikan ucapan setinggi-tinggi terima kasih Beta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana membuat ketetapan yang termazkur itu.

Sekianlah sahaja Beta maklumkan serta disudahi dengan salam jua, adanya.

Termaktub di Istana Negara,

Kuala Lumpur.

Pada 30hb Oktober, 1980".

## JAWAPAN JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Thomas Salang Siden.

Tuan Sibat Miyut anak Tagong: *Tm®* Yang di-Pertua, soalan yang pertema.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang.

### HARGA GULA/BERAS

1. Tuan Sibat Miyut anak Tagong *(di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar iaitu ada peniaga-peniaga yang menyorokkan barang-barang, keperluan harian seperti gula dan beras dan hanya akan menjual kepada orang ramai jika mereka setuju membayar dengan harga yang tinggi. Misalnya di setengah bandar clan daerah pada masa kekurangan gula baru-baru ini gula dijual dengan harga $1.50 sekati.

Setiausaha Parlimen Kementenan **Perdagangan** dan **Perindustrian (Tuan Abdul** Rahim bin Datuk Thamby Chik) Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah menjawab soaJan yang hampir sama dengan soalan ini k tika beliau menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Tumpat pada 23hb Oktober, 1980 dan saya tidak ada tambahan kepada jawapan berkenaan.

< Taan. Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lee Kaw.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 2.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

## DADAH—LANGKAH MEMERANGI ANCAMAN

2. Tuan Fung Ket Wing *(di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan kepada pengumuman yang dibuatnya yang dadah merupakan musuh negara nombor satu, nyatakan langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk memerangi ancaman ini dan sejauh manakah Kementeriannya telah berjaya dalam usahanya itu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, fakta-fakta untuk jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat ini telah saya berikan dengan panjang lebar sewaktu menjawab soalan dan soalan-soalan tambahan bagi No. 9 pada 16hb Oktober, 1980. Saya tidak ada perkara-perkara baru untuk ditambah.

## PERKHIDMATAN JABATAN TELEKOM

3. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa orang ramai tidak puashati dengan perkhidmatan Jabatan Telekom khususnya mengenai membaiki kerosakan dan meter charges yang selalu berlaku kesilapan. Untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik dan cekap sama ada Kerajaan akan menimbangkan untuk menjadikan Jabatan Telekom sebagai satu badan berkanun atau badan swasta dan jika didapati mana-mana kakitangan yang tidak cekap hendaklah dibersarakan dan digantikan dengan kakitangan yang dedicated supaya dapat memberi perkhidmatan yang memuaskan kepada pengguna-pengguna telefon, iaitu tiap-tiap sen yang dibelanjakan dari public funds mestilah mendapat perkhidmatan yang memuaskan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat peratus laporan kerosakan telefon dan aduan meter charges yang diterima oleh Jabatan Telekom adalah kecil sahaja jika dibandingkan dengan jumlah 369,381 pengguna-pengguna telefon yang ada di seluruh negara. Mengikut statistik laporan kerosakan telefon dan meter charges bagi tiap tahun yang lepas adalah seperti berikut:

*Laporan Kerosakan Telefon*

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1977 | ... | 6,641 | 2.91% |
| 1978 | ... | 21,188 | 7.81% |
| 1979 | ... | 5,416 | 1.66% |

*Laporan Meter Charges*

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1977 | ... | 11,292 | 4.96% |
| 1978 | ... | 9,902 | 3.65% |
| 1979 | ... | 10,629 | 3.26% |

Jabatan Telekom memang sentiasa berusaha untuk membaiki kerosakan-kerosakan telefon dan meneliti semua laporan mengenai meter charges dengan seberapa segera yang boleh. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum keperluan perkhidmatan telefon telah berkembang dengan pesatnya dalam beberapa tahun ini dan perkembangan ini telah sedikit sebanyak menjejaskan kemampuan dan kebolehan Jabatan Telekom memberi perkhidmatannya.

Mengenai dengan cadangan untuk menjadikan Jabatan Telekom sebagai satu badan berkanun pula perlu saya jelaskan bahawa langkah seperti ini tidaklah semestinya dapat mengatasi semua masalah untuk memberi perkhidmatan telekommunikasi yang kini pesat bertambah. Buat masa ini Kementerian tidak dan belum lagi bercadang untuk berbuat demikian oleh kerana Jabatan Telekom sebagai sebuah Jabatan Kerajaan telah **dapat** memainkan peranan yang berkesan.

Tuaii Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau dapat memberitahu Dewan ini, pada biasanya berapa lama agaknya yang akan diambil oleh Jabatan Telekom untuk memperbaiki sesuatu kerosakan yang dilaporkan kepada Jabatan Telekom?

Toan Yang di-Pertua: Kerosakan yang mana-mana—tentu bergantung kepada jenis kerosakan itu.

Tuan Lee Lam Thye: Saya buat soalan tambahan ini oleh sebab sebagai Wakil Rakyat saya sentiasa menerima banyak pengaduan daripada orang ramai. Sungguhpun mereka telah membuat aduan kepada Jabatan Telekom dan selepas mereka telah mendapat nombor pengaduan, mereka dikehendaki menunggu lebih kurang 2-3 minggu, tetapi telefon itu belum diperbaiki. Oleh sebab itu, saya hendak mendapat tahu bolehkah Yang Berhormat Menteri itu memberitahu pada biasanya agak berapa lamakah tindakan diambil?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan angka keseluruhannya pada masa sekarang, tetapi kebiasaannya mengikut apa yang hendak diperbaiki tidak mengambil masa yang sangat lama, tetapi ada kemungkinan kalau kerosakan-kerosakan itu atas kerosakan sebab-sebab kabel yang besar, itu mungkin mengambil masa lama lagi dari biasa, tetapi kebiasaannya dalam 3-4 hari kebanyakannya sudah selesai.

Tuan Chan Teck Chan; Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada dua kes mengenai kerosakan telefon yang meletup yang berlaku di Melaka. Kalau sedar, apakah tindakan yang diambil untuk menggantikan .....

Tuan Yang di-Pertua: Ini apa yang meletup?

Tuan Chan Teck Chan: Ini telephone yang meletup macam bom, berlaku di Melaka, di Jalan Tun Tan Cheng Lock pada enam bulan lepas. Kalau Menteri sedar, apakah tindakan yang diambil untuk menyiasat telefon boleh meletup seperti bom itu?

Tuan Yang di-Pertua: Macam-macam hal di Melaka itu *(Ketawa).*

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar perkara itu berlaku di Melaka dan kita telah mengambil tindakan iaitu Jabatan Telekom menyiasat sepenuhnya.

## PETRONAS—KEHILANGAN QUARTERS TAPIS A

4. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Petronas telah menerima maklumat yang Quarters Tapis A bernilai $5 juta yang dilaporkan hilang di lautan dalam bulan Julai, 1977 dalam perjalanannya dari Poro Point, Filipina ke Malaysia telah kelihatan di Filipina dan apakah tindakan pihak Petronas serta juga pihak berkenaan Kerajaan termasuk Interpol telah ambil dalam perkara tersebut.

Perdana Menteri (Dato Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, Petronas tiada menerima apa-apa maklumat tentang Quarters Tapis A itu yang dikatakan telah dilihat di Filipina.

Quarters Tapis A yang hilang itu sebenarnya bernilai sebanyak M$3,280,000 dan bukan $5 juta seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kos kerugian Quarters itu telahpun dibayar balik oleh syarikat insuran dalam bulan November, 1977. Petronas tidak mengambil apa-apa tindakan lagi setelah pihak syarikat insuran berkenaan menyelesaikan tuntutan kerugian itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Petronas adakah pihak Kerajaan sedar atau mendapat maklumat-maklumat mengenai perkara bahawa Quarters Tapis A selepas dilaporkan sudah hilang di laud: ada dilihat di Filipina dan apakah tindakan agensi-agensi Kerajaan sudah diambil atas perkara itu?

Perdana Menteri: Bagi pihak Petronas sendiri tidak dapat maklumat yang terus selain daripada apa yang telah keluar dalam akhbar dan macam mana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, selain daripada itu tidak mendapat maklumat.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah benar bahawa kehilangan Quarters Tapis A itu bukan sahaja mengakibatkan kerugian seperti tuntutan gantirugi Quarters A itu tetapi memerlukan pembinaan quarters tapis sementara yang melibatkan berjuta-juta

ringgit. Kalau begitu, bolehkah Yang Amat (Bediormat Perdana Menteri memberitahu *iDmm* ini apakah jumlah perbelanjaan yang diperiMcan untuk mengadakan quarters sementara dan adakah belanja itupun dibayar oleh syarikat insuran?

Perdana Menteri: Petronas tidak ada menghadapi kerugian selain daripada harga Quarters Tapis A itu. Itulah sebabnya fetronas tidak mengambil tindakan lagi. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat perkara ini berbangkit yang ternampak Quarters Tapis A ialah baru-baru ini, benda ini berlaku pada tahun 1977.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan saya ialah dalam masa tahun 1977 bulan Ogos apabila ada laporan bahawa kehilangan Tapis Quarters A yang diperlukan untuk memulakan pengeluaran minyak di bidang tapis. Adakah benar bahawa ada quarters sementara dipesan supaya pengeluaran minyak boleh dijalankan dan bukankah ini mengakibatkan perbelanjaan-perbelanjaan tambahan dan adakah belanja tambahan itu pada masa tahun 1977 sehingga satu Quarters Tapis A yang baru dibina dibayar balik atau digantirugi oleh syarikat insuran.

Titan Yang di-Pertua: Saya fikir jawapan itu kepada soalan tambahan sudah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mengenai soalan lain daripada Quarters Tapis A itu soal lain daripada soalan asal.

## PEMAJU PERUMAHAN YANG RASUAB

5. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah pemaju-pemaju perumahan yang sedang di bawah penyiasatan oleh Biro Siasatan Negara kerana pelbagai kesalahan berhubung dengan rasuah sehingga akhir bulan September, 1980, bagaimanakah bentuk kesalahan-kesalahan itu dan sama ada ianya ada kaitan dengan kutipan wang teh daripada bakal-bakal pembeli rumah dan berapa banyak pemaju yang telah dibawa ke mahkamah sehingga sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato[5] Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua. sshinrr^a akhir bulan September, 1980 sejumlah 80 penyiasatan ke atas kes-kes pemaju perumahan dan kakitangannya telah dijalankan oleh BSN di seluruh negara. Sebahagian besar daripada tuduhan-tudiihan yang disiasat itu ialah mengenai perkara tidak puas hati daripada pembeli-pembeli rumah. Rupa bentuk kesalahan-kesalahan yang diteruskan penyia^atannya adalah seperli berikut:

*(a)* menyalahgunakan wang tempahan;

(ft) memungut bayaran wang rasuah atau yang lebih dikenali ramai sebagai duit teh (under the counter) daripada pemohon-pemohon dan tidak mengeluarkan resit rasmi;

(c) pemaju perumahan tanpa lesen memungut wang tempahan seolah-olah niereka itu telah mempunyai lesen; dan

*(d)* menipu pembeli-pembeli dengan cara memungut wang tempahan daripada mereka manakala tanah di mana rumah itu hendak di bina tidak wnjud.

Setakat ini 5 orang kakitangan firma pemaju-pemaju perumahan itu dibawa be mahkamah kerana kesalahan rasuah. Seoraug telah didapati salah, dua orang telah dibebaskan dan dua orang lagi masih lagi dalam perbicaraan.

Tuan Lee Lam Thye: Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa setakat akhir bulan September BSN telah menjalankan 80 kes penyiasatan dan hanya 5 kes yang telah berjaya dibawa ke mahkamah. Di sini suka saya bertanya kepada beliau apakah sebenarnya kesusahan yang dihadapi oleh pihak BSN untuk menyiasat terhadap pemaju perumahan yang rasuah oleh kerana saya fikir banyak orang ramai yang sedia untuk memberi maklumat dan menyampaikan bukti-bukti kepada pihak BSN untuk menyiasat.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman Tuan Yang di-Pertua, hendak mendapatkan bukti-bukti di dalam kes yang dilaporkan itu terpaksa memakan masa. Kedua, dengan bilangan pegawai-pegawai penyiasat yang ada berbanding dengan banyaknya kes yang sedang disiasat itupun satu lagi faktor yang terpaksa memakan masa di dalam penyiasatan,

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, adakah kes-kes yang dibawa oleh BSN ke mahkamah i'u akan dibatalkan lesen pemaju perumahannya,

Data[9] Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kes-kes yang dibawa ke mahkaniah ini dilaporkan kepada Kemen* terian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan terpulanglah kepada Kementerian Perumahan sama ada hendak batal ataupun tidak lesen-lesen pemaju-pemaju yang ber- keiiaan itu.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedari bahawa kenyataan pembayaran "under the counter" sedang ber- laku di mana-mana pun, baik dalam kalangan pemaju swasfa atau projek-projek perumahan usahasama di antara SEDC juga. Jika Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, maka apakah tindakan telah diambil untuk men- cegah perkara ini berlaku kerana ini adalah merupakan satu cara rasuah juga.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, boleh Yang Berhormat ulang sekali lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Ya* cuba ulang sekali lagi.

Tuan Chan Tack Chan: Soalannya begini, oleh kerana kenyataan pembayaran "under tie- counter** biasanya? adMah berlaku di kalangan pemaju perumahan swasta dan juga berlaku dalam projek-projek perumahan usahasama di antara SEDC dengan sekfor swasta, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, maka apakah sebab jarang ad& satu kes ditangkap atas under counter pay- ment itu.

Dato" Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab berkenaan dengan under the counter payment tadi.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang •di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah pem- bayaran under the counter in berlaku kerana keperluan perumahan lebih mendesak dari supply pembinaan perumahan yang berlaku di negara ini.

Dato? Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yane di-Pertua, itu adalah daripada sebab- sfcbabBya'*

Tuan Lee Lam Thye: Berkenaan dengan kutipan "wang teh" ataupun apa yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri "duit teh" under the counter, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak BSN bercadang untuk mengadakan satu langkah yang berkesan untuk menangkap pamaju-pemaju perumahan yang ada mene- rima duit teh under the counter dan itu ialah supaya pegawai-pegawai BSN berlagak se- bagai bakal-bakal pembeli rumah, boleh pergi kc syarikat perumahan untuk memohon rumah dan dengan itu boleh mendapat tahu sama ada syarikat itu ada menerima duit teh under the counter.

Tuan Yang di-Pertua: Cara BSN melak- sanakan tugasnya ada bermacam-maeam cara, bukan itu sahaja. Yang Berhonnat hendak menjawab pertanyaan itu?

Dato* Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, banyaklah cara yang diguna- kan untuk: menangkap dan mendapatkan bukti-buk^ yang dikehendaki sekiranya ada komplen yang banyak daripada orang ramai meng#takan satu-satu pemaju itu telah mem- motoon payment under the counter dan kalau perkara ini dilaporkan kepada BSN, maka bolehlah ditahankan perangkap seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat D&tuk Stephen Robert Evans.

Tuan Au How Cheong: Titan Yang di- Pertua, soalan No. 6.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Telok Anson.

## PENGELUARAN MINYAK UNTUK KEGUNAAN SENDIRI

6* Tuan Au How Cheong *(di bawah* S.O. *24* (2)) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada lebih ekonomik bagi Malaysia dengan menjadi negara pengeluaran minyak untuk memproses dan menapis beberapa peratus minyaknya sendiri di mana akan membantu mengurangkan harga minyak yang mahal di negara kita daripada bergantutfg 100% petroliam diimpot dari negara asing.

**Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,** saya telah menjawab soalan seperti **ini** beberapa kali dahulu bila menjawab soalan No. 4 daripada Ahli Yang Berhormat **dari** Kuala Lumpur Bandar pada 13-10-80 dan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat **yang** lain terdahulu daripada itu. Saya tidak **ada** apa-apa tambahan kepada jawapan-jawapan saya itu.

## GURU-GURU MENGAJAR MURID LEMBAM

7. **Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa orangkah jumlah Guru-guru sekolah rendah yang telah diberi kursus untuk mengajar murid-murid lembam dan berapa orang yang sedang berkhidmat khusus kerana mengajar murid-murid lembam ini.

Timbalan Menteri Pelajaran **(Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir tahun 1979 guru-guru yang telah mendapat kursus dan berkhidmat mengajar murid-murid lembam melalui rancangan pendidikan pemulihari di sekolah-sekolah rendah ialah seramai **316** orang. Pada tahun 1980 seramai 482 orang lagi guru diberi lairsus dalam bidang pendidikan pemulihan. Tidak ada guru yang berkhidmat khusus kerana mengajar murid-murid lembam. Apa yang dijalankan sekarang ialah guru-guru yang diberi latihan ini menggunakan kaedah menga'ar yang khusus terhadap sebilangan kanak-kanak di sekolah-sekolah mereka mengajar yang didapati memerlukan bimbingan khas untuk pemulihan, di samping menjalankan tugas-tugas sebagai guru biasa.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana tanggungjawab untuk mengajar murid-murid lembam ini adalah lebih berat jika kita bandingkan dengan guru-guru lain, apakah mereka lepas latihan kursus untuk mengajar murid-murid lembam ini ada diberi tambahan elaun khas kepada mereka ataupun mendapat satu kenaikan gaji sebagaimana yang diberi kepada guru-guru latihan STTL

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, guru-guru yang telah mengikuti kursus untuk mengajar murid-murid yang lembam **ini** adalah **di**kehendaki mengajar di sekolah-sekolah seperti biasa, seperti guru-guru yang lain **juga.**

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapa lamakah tempoh kursus itu **di**adakan.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada dua jenis kursus iaitu pertamanya kursus tambahan satu tahun di Maktab Perguruan Ilmu Khas di Kuala Lumpur dan selain daripada itu kita ada kursus-kursus yang dijalankan yang makan masa lebih pendek lagi.

**Tuan** Hussein **bin** Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, walaupun guru-guru tersebut adalah diminta untuk mengajar sepertimana guru-guru mata pelajaran lain, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan adakah beliau dapat menimbang kalaupun tidak jangka masa pendek yakni dalam jangka masa panjang supaya guru-guru yang ditugaskan untuk mengajar murid-murid lembam ini agak diringankan sedikit daripada beban tugas yang lain sama ada beban tugas akademik ataupun yang bukan akademik.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul** Razak: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian bereadang untuk memberi penekanan kepada usaha kita untuk mengajar murid-murid yang lembam. Cadangan Yang Berhormat itu akan diberi pertiiiibangan sewajarnya.

## PETRONAS DAN ESSO PRODUCTION MALAYSIA INCORPORATED

8. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri memberi ciri-ciri utama perjanjian perkongsian minyak yang dimeteri di antara Petronas dengan Esso Production Malaysia Inc. dan sama ada beliau akan membentangkan perjanjian perkongsian pengeluaran itu di dalam Parlimen untuk maklumat Ahli-ahli Parlimen dan orang ramai.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, perjanjian perkongsian pengeluaran minyak antara PETRONAS dan Esso Production Malaysia Incorporated adalah satu dokumen yang confidential yang mengandungi svarat-syarat perkongsian termasuklah jangka masa

kontrak, formula perkongsian, latihan bagi warganegara Malaysia dan Iain-lain syarat yang tertentu.

Untuk menjaga kepentingan PETRONAS adalah tidak wajar perjanjian itu dibentang dalam Parlimen. Perjanjian itu mengandungi berbagai rahsia perniagaan. Walau bagaimanapun, saya bersedia memberi ciri-ciri umum seperti berikut:

(1) jangka masa perjanjian itu ialah 20 tahun dan mengikut keadaan tertentu jangka masa itu boleh dilanjutkan;

(2) sekiranya selepas 5 tahun tidak terdapat apa-apa minyak di kawasan-kawasan mencarigali minyak yang ditetapkan, kawasan-kawasan itu akan diserahkan balik kepada Kerajaan.

(3) Di mana yang boleh barang-barang buatan Malaysia dan perkhidmatan-perkhidmatan tempatan akan digunakan.

(4) Pihak EPMI adalah dikehendaki mengambil pekerja dan melatih rakyat Malaysia untuk tujuan menggantikan , pegawai expatriate secepat yang mungkin.

(5) Minyak yang dikeluarkan akan dibahagikan seperti berikut:

(i) Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berkenaan akan mendapat royalti pada kadar 10% dari Keluaran Kasar bagi minyak dan 10% dari Jualan Kasar bagi gas. Dengan itu Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri masing-masing mendapat 5%.

(ii) Pihak EPMI boleh mendapat balik kos perbelanjaan mencarigali, pembangunan dan pengeluaran hingga ke paras 20% daripada Keluaran Kasar setahun bagi minyak dan 25% bagi gas jenis "non-associated".

(iii) Keuntungan sehpas pembayaran royalti dan pembayaran balik kos mencarigali, pembangunan dan pengeluaran akan dibah^ri antara PETRONAS dan EPMI mengikut nisbah 70:30.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam perkara perjanjian perkongsian di antaia EPMI dan PETROiNAS banawa dalam perjaianan ini dapat 4 tahun EPMI sudah dapat balik kos perDelanjaan dan juga kos exploration aan apa yang akan didapati oleh EPMI ialah untungan yang bersih (neat profit). Jkalau tidak, berapa tahun EPMI akan boleh dapat recover balik kos development dan exploiation cost?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua^ itu betul. Mengikut perjanjian sebagaimana yang saya sebutkan tadi, pihak EPMI boleh mendapat balik kos perbelanjaan, mencarigali, pembangunan dan pengeluaran hingga ke paras 20% daripada Keluaran Kasar setahun bagi minyak dan 25% bagi gas. Ini ialah bila masa perbincangan menentukan iaitu syarikat minyak itu mendapat balik modainya seberapa cepat yang mungkin dan selepas itu bergantunglah kepada bekalan ataupun reserve minyak yang ada di dalam sesuatu kawasan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan awal tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan iaitu dalam perkara yang keempat pihak EPMI akan mengambil pekerja-pekerja tempatan seberapa yang dapat dan untuk melatih pekerja-pekerja tempatan untuk menggantikan pegawai-pegawai expatriate dalam jangka masa yang panjang. Soalan saya ialah setakat hari ini apakah pihak Kerajaan berpuas hati dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak EPMI dalam melatih pegawai-pegawai tempatan untuk menggantikan pegawai-pegawai expatriate pada satu masa yang akan datang?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah dalam perhatian PETRONAS supaya dilatih rakyat Malaysia, diberi kerja dan diberi latihan supaya seberapa yang boleh dan secepat mungkin pegawai-pegawai expatriate ini diundurkan. Itu adalah dalam pandangan kita.

Tuan Lim Kit Siang: Barangkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak faham soalan saya. Sungguhpun Mas di bawah perjanjian perkongsian EPMI boleh dapat balik kos perbelanjaan dan kos exploration daripada minyak yang dikeluarkan, soalan saya ialah sama ada EPMI sudah

dapat recoup kos perbelanjaan dan kos exploration sehingga tarikfa ini, dan kalau tklak* sudah sampai berapa peratus? Bukankah benar bahawa EPMI boleh dapat balik semua kos perbelanjaan di dalam 3 tahun dan setepas *M* dalam tempofa yang ti&ggal 17 tahun seinuanya ialate clean

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab dengan tepatnya sebafo berkena&a dengan $ama ada di& dapat basMk fcos itu adalafa mengikut kawasan* fc^wasannya* Saya minta notis hendak menjawab soalan semaoan* itu, saya tidak dapat H^aiwab deiigan tepat

Tuan Chan Teck Cham Soalan tambahan* Titan Speaker. Saya ingin bertanya Yang Ant^t Berhormat Pfcrdana Menteri iaitu *M&** tfiandangkan perjanjian perkongsiani yang beptu must&hak ini mungkinkah Kerajaan akan bertindak untuk meagkaji semulfc perjanjian perkongsian ini supaya mereka boleh memperolehi keuntungan-keuntungan yang berlebihan daripada EPMI? Nampakiiya sekarang *petfmfim* patkongsiaii ini haitya nienguniungkaa lebih hanyak pihak EPML

Perdana Menteri: Sehingga M Kerajaan belttmlafr bereadang untuk mengkajt balifc perjaftfjiaii iUto*

ToettrLim'-Kit Siaiig: Izinkan saya rephrase soalan saya tadi. Bolehkah Yang Amat Ber* hormat Perdana Menteri memberitahu Efewan ini berapa kos perbelanjaan dan kos exploration sudah dibelanjakan ol h EPMI setakat ini dan berapa sudah direeover balik oleh EPMI setakat ini? Ini akan menunjukkan bagaimana kedudukan perkara ini:

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah irteiipatakan soalan seumpama ini berkehendakkaii notis.

Perdana Menteri: Barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak faham bahawa perbelanjaan irfi mengikut kawasan-kawasannya. Jadi kita hendak tahu yang itu kaw&san mana, berapa kos yang telah dibelanjakan, berapa yang sudah dapat balik fasal bukarinya semua kawasan dikira satu; tetapi adalah mengikut kawasan-kawasart

Tuan Lim Kit Siang: Pada keseluruhannya, setakat ini berapa sudah d.bdanjakan dan berapa sudah dapat balik* Itu satu petunjuk yang kedua mengikut kawasan-kawasan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bcrkehendakkan notis;

## ASEAN— RANCANGAtf PERTUKARAN PELAJAR-PELAJAR

9. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada terdapat apa-apa raneangan untuk mengadakan rancangant penukaran pelajar-pelajar ASEAN untuk menggalakkan persefahaman yang lebih baik dan biasiswa-biasiswa di antara negara-negara dalam komunis ASEAN.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang BerhOrtftat seitieiiiatng ada raneangan pertukaran pelajar-pelajar antarat negara-negara ASEAN. Sejak tahun 1977, dalam usaba untuk rittiiipereratkaft lagj perhubungan dan semarigat kerjasaifta di antara rtegara-negara ASEAN, Kerajaart Malaysia telah meriawarkan biasiswa setiap tahun fcepada negara-negara ASEAN yang lain untuk kursus-kursus Ijazah Pertama dan Ijazah Latnjutan di tftiive^siti-univa^iti ftsrilpatari. $ebagai balasaii fie~gai& Singapufa dan Thailand telah menawarkaA biasiswa untuk kursus-kursus Ijazah Pertama/Ijazah Lanjutan dan kursus-kursus pendek. Negara Indonesia dan Filipina belum lagi menawarkan apa-apa hadiah latihan. Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan untuk meluaskan raneangan ini dari masa ke masa jika dianggap perlu.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Untuk memperkukuhkan seffiangat ASEAN ini adakah Malaysia akan mencadangkan bahawa sebuah Universiti ASEAN ditubuhkari di Malaysia supaya pelajar-pelajar dari negara-negara ASEAN boleh datang ke Malaysia di bawah projek Universiti ASEAN ini.

Tuaii Yang di-Pertua: Seal asalnya ialah b^rkenaan dengan penukaran pelajar-pelajar, bukan universiti. Ini luar daripada soal asal.

Tuan Au How Chedttg: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya bilangan

scholarship-scholarship yang ditawarkan oleh Universiti-universiti kita bagi negara-negara yang lain.

Dato' Mohamed Najib bin **Tun** Haji **Abdul** Raak: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh memberi bu ir-butir yang lebih terperinci:

Pada tahun 1977 kita telah menawarkan kepada negara Thailand dalam bidang Ph. D.

Pada tahun 1979 kepada negara Indonesia 2 orang pelajar untuk mengikuti kursus Sarjana, satu daripada FiPpina untuk mengikuti kursus pendek, 3 daripada Thailand untuk kursus Sarjana dan seorang lagi dari Singapura untuk kursus Ph. D.

Pada tahun 1980 4 dari Indonesia bagi kursus Sarjana dan seorang daripada Thailand untuk kursus Sarjana.

Tsian Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh anggota dari Seremban ialah mengenai rancangan penukaran pelajar-pelajar ASEAN. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran kerana saya tahu dengan adanya penukaran "Canada World Youth" di kalangan dua belas negara dunia yang mengikuti akan pertukaran pelajar di antara negara-negara tersebut. Adakah negara-negara ASEAN ini mempunyai cadangan untuk mengadakan pertukaran pelajar-pelajar umpamanya 3 bulan, 6 bulan di antara negara-negara ASEAN, umpamanya pelajar-pelajar dari Malaysia ke Indonesia selama 6 bulan seramai 20-30 orang pelajar mengenai pembangunan yang berlaku di Indonesia ataupun pelajar-pelajar daripada Filipina datang ke Malaysia untuk mengkaji pembangunan di sini selama 3-4 bulan seramai 20-30 orang.

Dato' Mohamed Najib bin **Tun** Haji **Abdul** Razak: Tuan Yang di-Pertua, selama ini, inilah yang dijalankan penukaran daripada negara-negara ASEAN untuk melawat pembangunan dan sebagainya.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sama ada ban*uan biasiswa yang dikeluarkan itu adalah daripada Kerajaan-kerajaan negara-negara ASEAN ataupun yayasan-yayasan, dan kedua apakah Kementerian Pelajaran Malaysia ataupun Kerajaan Malaysia akan mencadangkan untuk menubuhkan sa^f^u tabung ataupun yayasan di antara negara-negara ASEAN bagi menggalakkan persefahaman di kalangan pelajar-pelajar di negara itu.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pembiayaan rancangan pertukaran pelajar-pelajar ini adalah dikelolakan oleh Kerajaan dan setakat ini belum ada lagi cadangan untuk mewujudkan satu tabung bersama.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulangi lagi akan pertanyaan tadi mengenai dengan penukaran pelajar bukan biasiswa. Umpamanya yang saya maksudkan bukan Kerajaan kita mengeluarkan biasiswa untuk negara-negara ASEAN tetapi penukaran pelajar yang mengambil masa selama 3-6 bulan satu rombongan pelajar-pelajar yang berlaku dan ini kepada saya lebih berkesan dalam rancangan mempereratkan pelajar-pelajar ASEAN dalam penukaran pelajar-pelajar.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, memang dari masa ke semasa pelajar-pelajar dari negara-negara ASEAN ada membuat lawatan. Rancangan ini boleh diperluaskan dari masa ke semasa.

## PETRONAS-PERJANJIAN MENGENAI GAS BERSEKUTU (ASSOCIATED GAS)

**10.** Tuan **Mohd. Bakri** bin **Abdul** Rais minta Perdana Menteri menyatakan bahawa baru-baru ini Petronas telah menandatangan satu perjanjian dengan Kerajaan Negeri Sabah mengenai gas cccair selama 20 tahun yang akan menelan belanja sebanyak $1 billion dan pengeluaran lebih kurang 60 M cubic feet sehari, sejauh manakah pengeluaran gas cecair dan cara pemasaran yang dibuat oleh Petronas setakat ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perjanjian yang ditandatangani pada 31-7-80 di antara Petronas dan Kerajaan Negeri Sabah ialah mengenai gas bersekutu (associated gas) dan bukan gas cecair asli (liquified natural gas). Associated gas ialah gas asli yang terdapat bersama-sama dengan minyak di satu-satu telaga minyak. Sementara non-associated gas ialah gas asli yang

terdapat secara berasingan. Jumlah associated gas yang dikeluarkan di luar pantai Sabah adalah lebih kurang 68 juta kaki padu standard tiap-tiap hari.

Pada masa ini kebanyakan daripada gas ini dibakar di luar pantai. Walau bagaimanapun, usaha sedang dibuat untuk membawa gas ini ke Labuan untuk penjanaan kuasa dan kegunaan industri-indusfri. Di Sarawak jumlah associated gas yang dikeluarkan adalah lebih kurang 131 juta kaki padu, standard tiap-tiap hari. Sebanyak lebih kurang 10 juta kaki padu standard dibekalkan ke kawasan Miri dan Lutong untuk pelbagai kegunaan.

Sebahagian daripada gas itu digunakan juga untuk operasi di luar pantai iaitu di kawasan-kawasan mencarigali minyak dan yang bakinya dibakar. Yang menjadi masalah ialah tidak terdapat permintaan yang cukup di kawasan itu untuk menggunakan semua gas yang dikeluarkan. Gas yang dikeluarkan dari kawasan Lukonia Tengah adalah jenis gas cecair asli dan ianya akan dibekalkan ke loji LNG dan loji baja di Bintulu. Persediaan telah dibuat untuk penjualan gas cecair ini kepada pembeli-pembeli di negeri Jepun mulai tahun 1983.

Di Trengganu pula jumlah gas yang dikeluarkan tiap-tiap hari ialah sebanyak lebih kurang 71 juta kakipadu standard. Persediaan sedang dibuat untuk membawa gas ke pantai untuk dibekalkan kepada sebuah stesen janaletrik yang akan dibina di Baka yang memerlukan lebih kurang 71 juta kaki padu gas sehari. Persediaan sedang juga dibuat untuk membawa lebih banyak lagi gas ke pantai selaras dengan pertambahan permintaan di kawasan itu.

## BANTU AN **KETENTERAAN** KEPADA THAILAND

**11.** Tuan Haji Ampong **bin** Haji **Puyon** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Malaysia masih tetap dengan pendiriannya untuk memberi bantuan ketenteraan kepada Thailand jika diserang dari luar selain daripada perjanjian keselamatan sempadan apakah lata mempunyai perjanjian pertahanan dengan Thailand dengan negara-negara di rantau ini.

Tuan Abe Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, jawapan mengenai bantuan ketenteraan kepada Thailand telahpun dijawab secara bertulis pada 28 Oktober yang lalu semasa menjawab soalan yang lebih kurang sama daripada Ahli Yang Berhormat dari Sandakan. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

Mengenai perjanjian dengan Thailand, Malaysia tidak mempunyai apa-apa perjanjian pertahanan dengan negara itu melainkan perjanjian kerjasama keselamatan bagi menghapuskan pengganas-pengganas komunis, di sempadan Malaysia/Thailand.

Tuan Yang **di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ismail bin Said.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 12.

Tuan Yang **di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

## FELDA—CARA POTONGAN KEPADA PENEROKA

**12. Tuan Hussein bin Mahmood** *(di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan memandangkan bahawa keadaan inflasi hari ini dan kejatuhan harga kelapa sawit baru-baru ini telah menimbulkan kesulitan kepada peserta-peserta FELDA, sudahkah Kementerian ini mengkaji semula cara potongan yang dikenakan. Jika sudah, apakah hasilnya.

**Dato[9] Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, cara potongan yang dikenakan kepada peneroka-peneroka FELDA adalah sentiasa dikaji dari masa ke semasa dengan tujuan supaya peneroka-peneroka tidak mengalami apa-apa kesulitan dan sebaliknya akan memperolehi pendapatan yang berpatutan. Tindakan seperti ini adalah diambil bukan sahaja semasa pihak peneroka menghadapi tekanan inflasi tetapi juga apabila timbul satu-satu masalah dari segi pengeluaran dan Iain-lain lagi. Walau bagaimanapun, bagi masalah inflasi sekarang khususnya dengan kenaikan harga baja dan kejatuhan harga minyak kelapa sawit baru-baru ini FELDA telah mengambil beberapa tindakan terhadap sistem potongan yang dilazimkan seperti mengubahsuaikan kadar

kutipan bayaran, penggunaan baja dan juga sistem kutipan tunggakan. Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh FELDA ini telah mengurangkan sedikit kerumitan yang dihadapi oleh pihak peneroka-peneroka.

Tuan Hussein bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam menghadapi tekanan inflasi kepada peneroka-peneroka FELDA ini adakah di antara langkah-langkahnya pihak Kementerian bersedia menangguhkan pembayaran kembali terhadap pembayaran hutang yang dikenakan ke atas peneroka-peneroka pada tiap-tiap bulan. Sekiranya pendapatan peneroka telah sampai kepada suatu tahap di mana difikirkan pembayaran hutang itu mungkin akan menjejaskan kehidupan mereka.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana keadaan pada masa ini belumlah sampai setakat mana yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi maka buat masa ini perkara ini belum dapat ditimbangkan lagi.

## KEGELINCIRAN KERETAPI TANAH MELAYU

13. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab dan jumlah kegelinciran keretapi Tanah Melayu serta jumlah kerugian yang dialami dalam tahun 1979/1980.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Perua, butir-butir yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

| (i) *Jumlah kegelinciran* | *Perbelanjaan/ kerugian* |
|---|---|
| Tahun 1979—126 | $ 760,608.64 |
| Tahun 1980—138 (sehingga **saatini)** | **1,061,486.81** |

Anggaran perbelanjaan/kerugian tersebut tidak termasuk kerugian yang ditanggung oleh KTM akibat kehilangan hasil disebabkan oleh gangguan-gangguan tren serta harta KTM yang musnah.

Kegelinciran tersebut adalah disebabkan:

| | *1979* | *1980 {sehingga saat ini)* |
|---|---|---|
| (i) Kecacatan gerabak ... | 46 | **45** |
| (ii) Kecacatan landasan ... | 32 | **14** |
| (iii) Kelalaian kakitangan | 17 | **20** |
| (iv) Muatan berlebihan atau tidak seimbang | 12 | **9** |
| (v) Terlanggar binatang ... | 2 | — |
| (vi) Disyaki perbualan khianat . . . . . . . . . . | 5 | **5** |
| (vii) Lain-lain sebab | 12 | **6** |
| (viii) Dalam penyiasatan ... | — | **39** |
| Jumlah ... | 126 | **138** |

**Tuan** Alias bin Md. AH: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalah Menteri tadi jelaslah bahawa sebahagian besar daripada kegelinciran ini berpunca daripada sebab-sebab manusia (human factor). Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian yang berkenaan untuk meningkatkan kemampuan dalam bidang latihan dan meningkatkan efficiency pegawai-pegawai atau kakitangan yang terlibat dalam kerja-kerja mengendalikan keretapi.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, KTM pun telah ambil tindakan disiplin terhadap kakitangan-kakitangan yang menyeleweng dalam tugas-tugas mereka. Untiik menaikkan lagi kecekapan kakitangaii, program latihan intensif pun sedang dijalattkan.

Tuan Haji Molid. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Adakah bilangan yang disyaki itu diikuti dengan penyiasatan?

Dr Goh Cheng Teik: Ya.

Tuan Hussein bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam perangkaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi kedapatan kelalaian 17 pada tahun 1979 dan 20 pada tahun 1980 dan muatan lebih 12 pada tahun 1979 dan 9 pada tahun 1980. Ini merupakan faktor-faktor kemanusiaan. Soalan saya apakah tindakan yang telah diambil kepada

pegawai-pegawai yang terlibat yang termasuk di dalam faktor-faktor kemanusiaan tadi.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya pun telah jawab soalan itu, tindakan disiplin pun telah diambil.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Menurut jawapan dari-^ pada Timbalan Menteri tadi sehingga hari ini, tahun 1980 ada terdapat 45 kes berkenaan dengan kegelineiran keretapi yang disebabkan oleh kerosakan gerabak. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sebab-sebab kelambatan yang dialami oleh KTM untuk mendapat gerabak-gerabak yang baik atau gerabak-gerabak yang baharu.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, KTM pun telah membeli gerabak-gerabak yang baru dan merekapun telah sampai. Walau bagaimanapun, salah satu sebab ialah KTM terpaksalah menjalankan pentadbirannya sebagai satu badan yang berkanun dan tentulah ada had kewangan yang dihadapi oleh badan ini. Walau bagaimanapun, KTM sedang berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan di Kerajaan supaya mendapat pertolongan dari segi kewangan.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Menurut penerangan yang didapati daripada kakitangan KTM di antara satu sebab yang penting ialah landasan yang kurang baik atau bengkok dan juga tidak cukup inspektor-inspektor yang cekap untuk menyiasat landasan-landasan tiap-tiap hari. Adakah benar ini dan jikalau benar apa langkah untuk mengatasi masalah ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, tidak benarlah bahawa inspektor-inspektor tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, KTM pun telah mendapati alat-alat moden supaya menguatkan awasan landasan yang berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat KTM sedang menjalankan ^ kerja menyelenggarakan landasan-landasan di mana yang perlu dan di dalam Rancangan Malaysia Keempat, KTM dijangka mendapat peruntukan $100 juta untuk membaharui landasan-landasannya dan $15 juta untuk Hienyelenggarakan landasan-landasan di mana yang perlu.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed** Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menjelaskan bahawa jumlah kerugian yang d.tanggung oleh Keretapi Tanah Melayu meningkat daripada tahun 1979 sebanyak $760,000 lebih kepada $1.06 juta dalam tahun 1980. Saya cuma ingin tahu sama ada kerugian-kerugian ini dilindungi oleh insurans ataupun tidak, dan sekiranya tidak, mengapa?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan not is.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjaga keselamatan rail keretapi juga merupakan satu daripada sebabnya, jadi mengapa rail keretapi di negeri ini didapati pendek dan bersambung. Saya dapati rail keretapi di negeri Jepun tidak bersambung, terus dan bunyinya pun tidak bising. Jadi, apakah kita her dak membuat perubahan supaya rail kere api kita ini dibuat lebih kemas dan tidak bersambung, sebagaimana terdapat di negara Jepun?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, itu tertakluk kepada keupayaan kewangan KTM dan perkara ini sedang dirundingkan.

## ATACI BURUH DI LUAR NEGERI

14. Tuan Ting Chek Ming *(di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk mengadakan ataci-ataci buruh di kedutaan-kedutaan kita di luar negeri terutama sekali di negara-negara yang penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara-negara tersebut.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang bercadang untuk menempatkan ataci-ataci buruh di beberapa buah kedutaan kita di luar negeri. Buat masa ini Kerajaan akan menempatkan seorang atari buruh di kedutaan kita di Geneva. Pegawai tersebut akan dihantar ke Geneva pada akhir bulan ini.

Tuan Haji Ikhvvan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sava ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat walaupun setakat hari ini

kita tidak ada ataci buruh di kedutaan-kedutaan kita di luar negeri, apakah Kementerian beliau sedar bahawa ada pemimpin-pemimpin trade union di Malaysia telah memperhina negara ini, telah mengkritik dan menyatakan tidak ada kebebasan buruh dalam negara ini dan berbagai-bagai perkataan yang buruk terhadap Kerajaan Malaysia, tuduhan-tuduhan dan sebagainya. Bolehkah beliau memberi tahu Dewan ini kalau sekiranya pihak Kementerian tahu akan tindakan mereka di luar negeri, apakah juga tindakan balas pihak Kerajaan dan Kementerian terhadap tindakan mereka di luar negeri itu.

Datuk K. Patbmanaban: Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar bahawa ada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang telah menuduh Kerajaan tentang berbagai-bagai perkara tetapi saya rasa publisiti Kerajaan sendiri telah dapat mengatasi beberapa tuduhan yang salah itu dan kita harap dengan adanya ataci buruh seperti ini dan juga kerjasama daripada Kementerian Luar Negeri kita dan kedutaan-kedutaan kita dan rombongan-rombongan yang kita hantar ke beberapa negara kita akan dapat mengatasi publisiti buruk dengan publisiti yang baik.

## BILIK SEMBAHYANG BAGI MURID-MURID SEKOLAH

15. Tuan Haji Ampong bin Puyon *(di bawah S.O. 24 (2))* minta Menteri Pelajaran menyatakan:

*(a)* sama ada beliau sedar bahawa sekolah-sekolah rendah dan menengah di Sabah yang mempunyai ruang atau bilik atau surau untuk mereka belajar sembahyang serta tempat menunaikan sembahyang;

*(b)* jika ya, sama ada beliau akan menimbang mengadakan sebuah bilik sembahyang atau surau di Sekolah Menengah Abdullah di Semporna yang mempunyai murid seramai 1,800 orang dan beberapa orang Guru Agama tetapi oleh kerana tidak ada kemudahan tersebut murid-murid yang beragama Islam tidak dapat menunaikan sembahyang; dan

(c) sama ada beliau sedar tentang kekurangan guru-guru Agama di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Sabah dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil mengenai perkara ini.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan:

*(a)* Kementerian saya sedar bahawa ada sekolah-sekolah Rendah dan Menengah di Sabah yang mempunyai ramai murid-murid beragama Islam tidak ada bilik atau surau untuk mereka belajar dan menunaikan sembahyang. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang mengkaji cara perlaksanaan yang sesuai bagi mengadakan kemudahan-kemudahan sembahyang berdasarkan kepada Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran.

*(b)* Sekolah Menengah Abdullah di Semporna telahpun disediakan sebuah bilik sembahyang, tetapi b lik itu terletak di bangunan asramanya.

(c) Saya juga sedar tentang kekurangan guru-guru agama di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Sabah. Hal ini adalah kerana Negeri Sabah tidak dapat mengeluarkan guru agama yang cukup, dan kebanyakan guru agama yang ada adalah diamb 1 daripada Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, langkah-langkah akan diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk menghantar guru agama daripada Semenanjung ke Sabah apabila memperolehi calon-calon guru yang layak. Pada tahun 1979 Kementerian menghantar 130 orang guru agama, bagi tahun 1980, 88 orang sahaja dan adalah diharap bahawa bagi tahun 1981 lebih ramai lagi akan dapat dihantar. Penubuhan sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sabah oleh Kementerian Pelajaran adalah juga sebagai langkah jangka panjang untuk menyediakan calon-calon yang layak untuk dilatih dalam Maktab Perguruan Islam serta menjadi guru agama di Sabah, oleh rakyat Sabah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 25 adalah diberi di bawah ini).*

RUMAH AWAM KOS REND AH

16. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah rancangan untuk membina rumah-rumah kos rendah di Sabah dan Sarawak dan bagaimanakah rumah-rumah tersebut ditempatkan dan sama ada pendatang haram dan pelarian Philipina akan ditimbangkan untuk penempatan; jika benar, mengapa.

Data' Dr Neo Yee Pan: Kerajaan bercadang membina lebih banyak lagi rumah-rumah awam kos rendah di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dan jua Iain-lain negeri dalam Rancangan Malaysia Keempat. Sasaran unit bagi rancangan tersebut belum dapat ditentukan lagi tetapi adalah dijangka bahawa jumlah bilangan akan ditingkatkan berbanding dengan sasaran unit Rancangan Malaysia Ketiga.

Lokasi-lokasi projek perumahan awam kos rendah adalah berdasarkan di antara lainnya mengikut keperluan perumahan di kawasan-kawasan tertentu. Di sini Kerajaan Negeri adalah lebih mengetahui tentang keperluan perumahan di negerinya sendiri. Jadi pada umumnya Kementerian menerima senarai projek-projek yang dihantar oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, dan meneliti tentang kesesuaian tapak-tapak yang dicadangkan itu.

Pembahagian rumah-rumah di Negeri Sabah dan Sarawak akan berdasarkan garis-garis panduan yang telah diberi oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Negeri-negeri. Kerajaan Negeri boleh menokok tambah garis panduan tersebut bersesuaian dengan keadaan negeri masing-masing.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyediakan jadual bagi menguruskan setiap langkah dalam proses pembahagian rumah awam kos rendah selaras dengan kemajuan pembinaan rumah-rumah itu, supaya pemohon yang berjaya memiliki rumah dapat memasuki rumahnya, sebaik sahaja rumah itu slap. Kerajaan-kerajaan Negeri dikehendaki menghantar senarai pemohon-pemohon yang berjaya kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pelarian-pelarian Filipina dan pendatang haram adalah tidak layak mendapat rumah awam kos rendah.

PENUMPANG AIRBUS DI KOTA KINABALU

17. Tuan Abbah bin Mengimbal minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa biasanya sehingga 2 atau 3 atau lebih masa yang diambil untuk menguruskan penumpang-penumpang dari airbus yang turun di Lapanganterbang Antarabangsa Kota Kinabalu jika ya, apakah tindakan segera yang diambil untuk memperbaiki kesesakan ini.

Dr Goh Cheng Teik: Bangunan terminal yang sekarang di Lapanganterbang Kota Kinabalu adalah berkeupayaan untuk menampung psrkhidmatan pesawat-pesawat setakat jenis B707 sahaja yang boleh membawa penumpang maksima seramai 150 orang bagi sesuatu penerbangan. Oleh kerana adanya pertumbuhan terafik yang begitu pesat yang telah tidak diduga, pihak MAS telah mengadakan perkhidmatan pesawat "wide-bodied" Airbus yang boleh membawa 246 orang penumpang untuk memenuhi keperluan orang ramai. Dengan yang demikian, keadaan ini telah menimbulkan kesesakan sementara dalam mengurus keberangkatan dan ketibaan penumpang-penumpang di bangunan terminal tersebut.

Walau bagaimanapun, langkah serta-merta telahpun diambil untuk mengatasi kesesakan itu. Sebanyak $1.5 juta sedang dibelanjakan bagi memperbesarkan Dewan Ketibaan dan Berlepas Bangunan Terminal yang ada dan kerja-kerja ini dijangka siap pada akhir tahun ini.

Sebagai langkah jangka panjang pula sebanyak $3.7 juta telah diperuntukkan bagi membina sebuah Bangunan Terminal yang baru yang akan dapat menampung keperluan perkhidmatan pesawat-pesawat besar (wide-bodied aircrafts). Projek ini dijangka siap pada bulan September 1983.

KEKURANGAN GULA/BERAS

18. Tuan Kamaluddin bin Maamor minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian

menyatakan sebab-sebab kekurangan gula di negara baru-baru ini dan apakah tindakan jangka panjang yang telah, sedang dan akan dilakukan oleh Kementerian ini bagi mempastikan masalah kekurangan bahan-bahan keperluan utama seperti gula, beras, dan sebagainya tidak berulang lagi di masa-masa hadapan.

Tuan Abdul Rahim bin Datek Tliamby Chik: Bahagian pertama soalan ini adalah hampir sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pada 14hb Oktober, 1980 yang saya telah menjawabnya dan saya tidak ada apa-apa tambahan.

Untuk menjawab bahagian yang kedua soalan itu sukacita saya menyatakan di sini bahawa Kementerian saya melalui Bahagian Penguatkuasa telah dan akan terus mengambil langkah-langkah untuk menentukan barang-barang keperluan utama adalah mencukupi. Antara langkah-langkah yang telah dan akan terus dijalankan ialah:

(i) Mempergiatkan pemeriksaan ke atas kedai-kedai yang menjual barang-barang itu untuk memastikan kegiatan sorok tidak dilakukan dengan membuka lebih banyak cawangan Bahagian Penguatkuasa dan mengambil lebih ramai lagi pegawai-pegawai penguatkuasa;

(ii) Mengisytiharkan 20 jenis barang-barang keperluan sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan 25 lagi jenis barang-barang keperluan musim perayaan;

(iii) Membenarkan import barang-barang keperluan untuk menampung keperluan tempatan seperti besi dan mancis sekiranya didapati bekalan barang-barang itu adalah tidak mencukupi.

## SKIM SUBSIDI TAN AM AN GET AH/ KOKO/LADA HITAM

19. Tuan Sibat Miyiit anak Tagong minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada lebih banyak wang akan disediakan untuk skim subsidi bagi tanaman getah, koko dan lada hitam terutamanya di kawasan Balleh dan JSelaga memandangkan peruntukan sekarang tidak dapat memenuhi permintaan petani-getani tempatan

- Menteri-Pertanian (Dato' Sheriff Ahmad): Di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan Negeri Sarawak telah menambahkan peruntukan untuk skim-skim tanaman getah, koko dan lada hitam.

Dalam skim tanaman getah akan dinaikkan sebanyak 130% iaitu dari $15.6 juta dalam Rancangan Malaysia Ketiga kepada $39.9 juta dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Dalam skim subsidi koko pula akan dinaikkan sebanyak 18.3% iaitu dari $16.9 juta dalam Rancangan Malaysia Ketiga kepada S20 juta dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Skim subsidi lada hitam juga akan ditambah sebanyak 14.4% dari $23.6 juta dalam Rancangan Malaysia Ketiga kepada $27 juta dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Dari perubahan skim-skim tersebut, kawasan Balleh dan Belaga akan juga mendapat faedahnya bagi memenuhi permintaan petani-petani di kawasan tersebut.

## PERKHIDMATAN NASIONAL UNTUK MEMPERTAHANKAN NEGARA

20. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Pertahanan menyatakan betapa hebatnya ancaman luar begini kepada keteguhan negara khasnya dari Vietnam dan langkah-langkah yang telah diambil untuk mempertahankan negara kita berdasarkan ancaman begini dan sama ada beliau akan menimbangkan permulaan perkhidmatan nasional wajib kepada semua rakyat jelata yang berkebolehan sebagai satu daripada langkah-langkah.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Kerajaan memang sedar tentang terdapatnya ancaman-ancaman luar terhadap keamanan Negara kita. Oleh itu, Kerajaan adalah sentiasa mengkaji dari masa ke semasa keadaan Angkatan Tentera kita supaya sejajar dengan keadaan keselamatan di seluruh negara dan di sekitar rantau ini, bukan sahaja dari segi kelengkapan pertahanan, tetapi juga dari segi kekuatan anggota, latihan dan penggunaan kemampuan.

Hasil dari kajian-kajian yang telah dibuat, kita telahpun membentuk rancangan-rancangan pertahanan yang difikirkan lengkap dan praktik iaitu setimpal dengan kemampuan Negara untuk menghadapi ancaman-ancaman dari luar dan dalam Negeri demi kepentingan, keselamatan, kedaulatan dan keutuhan negara kita. Rancangan-rancangan pertahanan yang dikemaskini itu termasuklah rancangan-rancangan seperti berikut:

(i) Memperkemaskan struktur organisasi dan pemerintahan (Command) Angkatan-angkatan Tentera;

(ii) Menambah kekuatan tenaga Angkatan Tentera;

(iii) Memperkemas dan meninggikan mutu iatihan peperangan;

(iv) Menambah dan mengemaskinikan kelengkapan senjata-senjata dan peralatan yang sesuai dengan keperluan Angkatan Tentera;

(v) Memperkuat serta memperkemaskan jentera logistik untuk membantu pasukan-pasukan;

(vi) Memperkemas dan menambah pasukan simpanan dan Sukarelawan Angkatan Tentera; dan

(vii) Membuat kajian doktrin yang sesuai bagi Angkatan Tentera di dalam menghadapi bentuk ancaman yang sentiasa berubah.

Pada masa ini tentera kita adalah dibekalkan dengan berbagai kelengkapan moden termasuk senjata-senjata dan peralatan setanding dengan keperluan dan kemampuan Negara.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita telah memperuntukkan perbelanjaan yang besar untuk pertahanan negara mulai dari Rancangan Malaysia Ketiga dan akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Langkah pembesaran dan perkembangan, termasuk pembelian kelengkapan yang lebih moden dan "sophisticated" untuk kegunaan ketiga-tiga Ferkhidmatan Angkatan Tentera, telah dan sedang dijalankan untuk melaksanakan rancangan-rancangan yang telah saya sebutkan itu.

Bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, iaitu mengenai nasional telahpun dijawab semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Mantin pada 28hb Oktober, 1980 di Dewan Yang Mulia ini. Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

## LEMBAGA AMANAH KOLEJ ISLAM MALAYA

21. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat kecuaian dalam mengendalikan pengurusan harta benda Kolej Islam Malaya itu, misalnya pengurusan rumah-rumah kepunyaan Kolej tersebut di Jalan Chawan, Petaling Jaya dan jika sedar apakah tindakan yang diambil oleh beliau untuk mengatasi masalah tersebut.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembaga Amanah Kolej Islam Malaya tidak cuai dalam mengendalikan pengurusan harta benda Kolej Islam Malaya itu. Sebenarnya rumah-rumah kepunyaan Kolej Islam Malaya di Jalan Chawan, Petaling Jaya adalah sudah buruk, dan oleh itu Lembaga tersebut telah mengambil keputusan untuk meruntuhkan semua bangunan tersebut itu dan akan mendirikan bangunan baru yang dijangka akan lebih menguntungkan. Pembinaan bangunan baru itu adalah sedang dalam perancangan, dan dijangka ianya dapat dilaksanakan tidak lama lagi.

## GURU SEMENTARA UNTUK LATIHAN PERGURUAN

22. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk mengadakan kursus Iatihan kepada semua guru-guru sementara yang masih ada terutama sekali kepada mereka yang telah berkhidmat beberapa tahun supaya mereka menjadi guru yang berkelayakan.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Kementerian saya tidak bercadang untuk memberi kursus Iatihan perguruan asas kepada semua guru-guru sementara. Perlu saya menjelaskan di sini bahawa perlantikan guru-guru sementara tidak menjamin mereka itu diberi kursus untuk menjadi guru yang berkelayakan.

Walau bagaimanapun, memandangkan ramai di antara guru-guru sementara memiliki kelayakan-kelayakan akademik yang sesuai

dan mereka pun telah lama berkhidmat, Kementerian saya telah mengadakan rancangan Kursus Perguruan Asas dalam masa cuti bagi guru-guru sementara yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Di bawah rancangan ini semua guru-guru sementara yang telah mula berkhidmat pada atau sebelum bulan Januari 1977 dan masih berkhidmat dengan tidak putus-putus pada 1-2-1979 telah ditawarkan mengikut Kursus Perguruan Asas dalam masa cuti sekiranya mereka membuat permohonan dan didapati memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Pengambilan peserta kursus yang terakhir di bawah rancangan ini ialah pada bulan April 1979 dan kumpulan ini akan tamat latihan pada bulan Disember 1981.

Dengan berakhirnya rancangan ini guru-guru sementara yang masih belum mengikuti kursus perguruan asas hendaklah memohon mendapat latihan melalui kursus sepenuh masa di maktab-maktab perguruan mengikut saluran-saluran biasa.

## HAN SEOK CHIN—LAPORAN POLIS

23. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap laporan polis yang dibuat oleh Cik Han Seok Chin berumur 20 tahun dari 202, Kampung Baru Bakri, Muar, yang ia telah dipukul di kalayak ramai oleh tiga orang anggota polis di Kampung Baru Bakri pada 26hb Ogos, 1980 yang mana perkara tersebut juga telah menjadl sabjek dalam surat sava kepada Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Mohammad Ghazali bin Sliafie): Kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu sudahpun dijalankan penyiasatan oleh pihak polis dan perkara ini telah dirujukkan kepada Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur.

## PERSIDANGAN BERCORAK ISLAM DI LUAR NEGERI—WAKIL MALAYSIA

24. Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

*(a)* adakah Kerajaan sedar bahawa acapkali terdapat persidangan yang bercorak Islam di luar negeri Malaysia diwakili oleh Badan-badan Pertubuhan/Perseorangan yang tidak melalui Kerajaan, jika sedar, apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan ke atas wakil-wakil itu setelah mereka balik ke tanah air; dan

*(b)* adakah Kerajaan bercadang pada masa-masa yang akan datang sebarang Persidangan di luar negeri yang bercorak Islam, hendaklah Kerajaan Malaysia menghantar wakil-wakil daripada pihak Kerajaan sendiri atau melalui Kerajaan.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato* Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Bagi menjajawab soalan (a), Kerajaan memang sedar adanya orang perseorangan dan juga pertubuhan yang telah menghadiri persidangan bercorak Islam di luar negeri tanpa melalui Kerajaan. Pihak Kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas ke atas sesiapa sahaja yang didapa i menjalankan apa-apa kegiatan yang boleh mengancam kesefamatan negara sama ada semasa berada di dalam negeri atau di luar negeri.

Bagi soalan *(b)* pula Kerajaan memanglah akan menghantar wakil ke persidangan bercorak Islam di luar negeri sekiranya jemputan ke persidangan tersebut dibuat melalui Kerajaan.

Adalah di luar kuasa Kerajaan untuk mengarah atau mensyaratkan sesuatu badan atau pertubuhan di luar negeri menghantar jemputan cuma kepada Kerajaan memandangkan pertubuhan yang menganjur persidangan tersebut adalah suatu badan bebas. Dengan hal yang demikian, adalah sukar bagi Kerajaan menyekat pertubuhan ini daripada menjemput ses'apa sahaja yang mereka fikirkan wajar ke persidangan yang mereka sendiri anjurkan dan juga sukar bagi pihak Kerajaan mempa^tikan sama ada oran^-orang perseorangan/pertubuhan ada mendapat dan menerima jemputan dari badan-badan di luar negeri yang menganjur persidangan itu.

Walau bagaimanapun, jikalau adanya badan-badan Pertubuhan yang tidak dibenarkan bcgabun^/berhubung dengan badan-badan Pertubuhan luar negeri, mengambil bahagian di dalam sesuatu persidangan di luar negeri tanpa mendapat izin Kerajaan, maka bererti ianya telah melanggar undang-undang yang ada, dan Kerajaan boleh mengambil tindakan sewajarnya.

LAWATAN AMIR KUWAIT KE MALAYSIA

25.'Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil yang telah dicapai dari segi ekonomi, kebudayaan dan hubungan diplomatik dari lawatan Amir Kuwait ke Malaysia baru-baru ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen AI-Haj: Lawatan Negara Duli Yang Maha MWia, Amir Kuwait ke negara kita, baru-baru ini, di samping mencerminkan, perkembangan hubungan rapat antara Malaysia dan Kuwait juga telah memberi galakan kepada perkembangan hubungan ekonomi dan kebudayaan yang lebih rapat antara kedua-dua buah negara.

Di dalam bidang ekonomi, beberapa projek bersama Malaysia/Kuwait telah dilancarkan, yang utama sekali ialah penubuhan sebuah Syarikat Usaha Sama (Joint Venture) antara Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) dengan sektor swasta Kuwait dengan mempunyai permodalan yang diluluskan sebanyak 250 juta ringgit. Satu lagi usaha sama ialah Malaysia Arabian Container Line (MACOL) antara Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) dengan sebuah Syarikat Perbadanan Kuwait. Perbincangan mengenai kerjasama yang lebih luas juga telah diadakan antara Petroleum Nasional Malaysia (PETRONAS) dengan Perbadanan Petroleum Nasional Kuwait.

Di dalam lapangan kebudayaan, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk mengerat dan memperluaskan lagi kerjasama dalam bidang pengajian tinggi petroleum, dan pelajaran bahasa Arab.

Lawatan itu juga memberi peluang kepada kita untuk menerangkan konsep keamanan dan kestabilan di rantau Asia Tenggara, bagaimana dimanifestasikan di bawah konsep ZOPFAN, dan juga kerjasama serantau melalui ASEAN. Sebenarnya kita telah bertukar-tukar pendapat mengenai beberapa isu serantau dan antara bangsa masakini yang mempunyai kepentingan bersama bagi kita. Sokongan Kuwait kepada pendirian ASEAN mengenai pertauliahan Demokratik Kampuchea dan usul tentang Kampuchea di Persidangan Agung Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini jelas menunjukkan aspek positif lawatan itu.

Pendek kata, jelas sekali lawatan itu telah mengeratkan hubungan ekonomi, kebudayaan dan politik yang sedia wujud dan mengisyaratkan kerjasama yang lebih luas di semua lapangan. Tindakan susulan akan diambil oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan. Kita juga berharap sektor swasta kita juga akan mengambil peluang tentang suasana yang baik yang diwujudkan oleh lawatan itu untuk mengeksploitasikan potensi kerjasama yang saling menguntungkan kedua-dua negara.

## USUL-USUL

### AKTA KASTAM, 1967

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19) 1980 dan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No, 20) 1980**

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakhak padanya oleh seksyen-kecil 11 (2), Akta Kastam 1967„ Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19) 1980 dan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20) 1980 masing-masing yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut ST. 99 tahun 1980 dan Kertas Statut ST. 104 tahun 1980 disahkan.

Perintah-perintah Duti Kastam adalah bertujuan untuk meminda kadar-kadar duti impot atas barang-barang berikut:

(i) minuman keras;

(ii) tembakau;

(iii) alat-alat muzik;

(iv) alat-alat timbang;

(v) alat-alat pembesar suara, amplifier dan mikrofon; serta

(vi) alat-alat asas industri perfileman.

Kadar-kadar duti impot yang baru adalah seperti yang disenaraikan dalam Perintah-perintah tersebut yang telah disampaikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penimahan dan Kerajaan Tempatan **(Datuk Haji** Zakaria **bin Haji** Abdel Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usui dikemuka bagi diputuskan, dan disettujukan.

Diputuskan.

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakhak padanya oleh seksyen-kecil 11 (2), Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19) 1980 dan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20) 1980 masing-masing yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut ST. 99 Tahun 1980 dan kertas Statut ST. 104 Tahun 1980 disahkan.

**AKTA EKSAIS, 1976**

**Perintah Duti Eksais (Pindaan)**
(NO. 2) 1980

**Dato** Mak Hon Earn: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakhak padanya oleh seksyen-kecil (2) seksyen 6, Akta Eksais, 1976. Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1980 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut 100 Tahun 1980 disahkan.

Perintah Duti Eksais adalah untuk meminda kadar duti eksais ke atas dua jenis barang yang dikilangkan di negara ini. Barang-barang yang dimaksudkan ialah minuman keras dan rokok. Duti eksais ke atas minuman keras adalah dinaikkan sebanyak 10% daripada $1.14 selitre kepada $1.25 selitre sementara duti eksais ke atas rokok dinaikkan sebanyak 20% daripada $3.64 sekilogram kepada $4.37 sekilogram. Kadar kenaikan ini adalah sama dengan kadar kenaikan duti impot ke atas minuman keras dan rokok.

Tujuan meminda kadar-kadar ini telahpun dihuraikan di dalam Ucapan Belanjawan 1981 pada 17hb Oktober, 1980 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Zakaria bin **Haji Abdul** Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usui dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakhak padanya oleh seksyen-kecil (2) seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1980 yang telah dibentangkan di hadapan Mali's ini sebagai Kertas Statut 100 Tahun 1980 disahkan.

**AKTA KASTAM, 1967**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan)**
**(NO. 9), 1980**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan)**
**(NO. 10),** 1980

**Perintah Duti Kastam (Pindaan)**
**(NO. 11), 1980**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan)**
**(NO. 12), 1980**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan)**
**(No. 13), 1980**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan)**
**(NO. 14), 1980**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan)**
**(NO. 15), 1980**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan)**
**(NO. 16), 1980**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan)**
**(NO. 17),** 1980

Perintah Duti Kastam (Pindaan)
(NO. **18), 1980**

Dato Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh seksyen kecil (2) Seksyen 11. Akta Kastam, 1967, Perintah-perintah berikut:

(i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1980

(ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1980

(iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1980

(iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1980

(v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1980

(vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1980

(vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1980

(viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16) 1980

(ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17) 1980

(x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18) 1980

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas Statut Bil. ST. 75, 76, 77, 78, 79, 80, 81, 82, 83 dan 84 tahun 1980 disahkan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1980 adalah bertujuan untuk mengenakan duti impot sebanyak 70 sen kilogram ke atas "leaf springs". "Leaf springs" ini adalah merupakan bahagian komponen dan alat ganti kepada kenderaan perdaganqan. Dengan adanya pengeluaran barang ini maka ianya akan membanyakkan lagi bahagian-bahagian komponen pengeluaran tempatan untuk kegunaar* pemasangan kereta perdaganean dan juga meningkatkan lagi industri pengeluaran tempatan bagi barang-barang ganti. Dengan itu pengenaan duti import yang b[a]rUuu°n untuk memberi perlindur>gan tarif kepada perusahaan tempatan bukan saha'a banyak memberi faedah kepada negara ini s^perti yane diferinpVan tetani iu^a untuk sent'a*a menaa^ai harga keluaran b^ranp t*mpnt<m supaya menentukan ianya adalah berpatutnn.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1980 adalah bertujuan untuk menghapuskan pengenaan cukai tokok 5% ke atas "coated and uncoated writing and printing paper". Kertas jenis ini yang banyak digunakan bagi membuat buku tulis, buku teks dan Iain-lain bahan bacaan juga tidak dikenakan duti import. Dengan pengharasan cukai tokok ini adalah diharapkan bahawa buku tu*is, buku teks dan Iain-lain bahan bacaan akan meniadi lebih murah lag* atiunnn sekurang-kurangnya harganya tidak dinaikkan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1980 yang bertujuan untuk mengurangkan duti import dari 35% dan 20% ke atas "sluice valves/gate valves" dan mengenakan duti import sebanyak 20% ke atas "housing for sluice valves/gate valves" tersebut. Pengurangan duti import ini adalah merupakan usaha Kerajaan untuk mengurangkan kadar duti perlindungan ke atas perusahaan yang telah lama tertubuh di negara ini. Perusahaan membuat "sluice/gate valves" ini telah ditubuhkan pada tahun 1972. Dengan perlaksanaan duti tersebut adalah diiangkakan bahawa harga barang-barang ini di pasaran tempatan akan lebih berpa[f]utan kerana kemungkinan tandingam dari barang yang sama yang diimport dari luar negeri jika barang keluaran tempatan dinaikkan harganya. Sementara pengenaan duti ke atas "housing for sluice/gate valves" tersebut adalah bertu'uan untuk m*n<>eanti[v]annya dengan! psnghapusan larangan import ke a[+]as barang ini.

Perintah D^ti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1980 adalah bertuiuan untuk mengurangkan duti imoort ke atas bateri-bateri untuk kegunaan kenderaan seperti berikut:

(i) B^teri untuk motosikal dari 50% kepada 30%.

(ii) Bateri mempunyai bekas plastik un[f]uk kereta mo'or dari 50% atau 88 sen sekilograrn kepada 30% atau 88 sen sekilogram yang mana lebih tinggi.

(iii) Bahasian-bahagian bateri juga diturunkin kadar dutinya kepada 30% a*au 88 sen sekilogram yang mana lebih tinggi.

Langkah mengurangkan duti-duti tersebut adalah merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk mengurangkan tingkat per* lindungan tarif kepada perusahaan yang telah lama ditubuhkan di negeri ini. Sebagaimana diketahui perusahaan membuat bateri telah mula ditubuhkan semenjak tahun 1960 lagi. Dengan pengurangan duti ini adalah diharapkan supaya harga-harga bateri keluaran tempatan akan juga turut berkurangan kerana tandingan dari bateri-bateri yanf* diimport dari luar negeri akan menyebabkan pengurangan harga pasaran.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1980 yang meng-nakan duti imoort 15% ke atas hampas kacang soya adalah bertujuan

memberikan perlindungan tarif kepada perusahaan mengeluarkan hampas kacang soya (soyabean meal). Perlindungan tarif ini adalah bertujuan membantu pengusaha tempatan dengan mengurangkan kesan pertandingan hebat daripada pedagang-pedagang Singapura dan juga kesan pengaruh harga biji kacang soya yang berubah-ubah dengan cepat di pasaran dunia terhadap perusahaan yang baru sahaja memulakan operasinya di negara ini. Perusahaan ini memberi beberapa faedah kepada pengguna tempatan kerana ia dapat membekalkan hampas kacang soya dalam keadaan lebih baru (fresh) kepada pengguna-pengguna tempatan berbanding dengan yang diimport yang telah lama di dalam pelayaran dan juga pada harga yang lebih stabil. Selain daripada itu pengguna-pengguna tempatan tidak lagi perlu mengadakan siok yang besar kerana ia boleh dibeli daripada kilang pada bila-bila masa sahaja dan ini dapat meringankan beban modal pusingan mereka. Perlindungan tarif ini akan disemak dengan tujuan mengurang atau menghapuskannya apabila keadaan didapati sesuai berbuat demikian.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1980 ini adalah bertujuan untuk mewujudkan kod tarif berasingan bagi kayu merah (red wood) dan kayu keras bercampur (mixed heavy hardwoods). Ini adalah perlu memandangkan bahawa jumlah eksport bahan-bahan tersebut, terutamanya ke negara-negara Timur Tengah, sekarang ini telah meningkat dan oleh sebab itu pengelolaan dan kawalan ke atas perniagaan bahan-bahan itu mestilah diadakan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1980 adalah bertujuan untuk mengecualikan gas pemasak (LPG), yang jatuh di bawah nombor-noftibor kepala tarif 27.11 100, 27.11 190 dan 27.11 200 dari pembayaran cukai tokok. Langkah ini adalah merupakan sebahagian daripada tindakan Kerajaan untuk menyekat kenaikan harga gas pemasak kepada pengguna-pengguna yang telah dilaksanakan pada 16hb Ogos, 1980.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16) ini adalah bertujuan untuk menyamakan perusahaan makanan haiwan dengan Iain-lain perusahaan perkilangan yang juga tertakluk kepada cukai tokok. Walau bagaimanapun pengecualian sebahagian cukai tokok (i.e *3%)* sebagaimana jusa diberikan kepada Iain-lain perusahaan perkilangan yang mengeluarkan barang-barang perlu adalah diberikan kepada perusahaan ini dengan cara mereka membuat permohonan kepada Perbendaharaan. Pengecualian ini adalah juga diberikan kepada penternak-penternak yang ada membuat sendiri makanan untuk ternakan mereka. Dengan ini maka faedah pengecualian cukai dapat dipastikan diterima oleh mereka yang berkait langsung dengan perusahaan ternakan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17) 1980 adalah bertujuan untuk mengurangkan kadar duti import ke atas mancis ke paras setakat hanya 10% lebih tinggi daripada paras kadar duti eksais ke atas mancis keluaran tempatan. Pada masa yang lalu kadar duti import ke atas mancis adalah terlalu tinggi berbanding dengan kadar duti eksais dan ini adalah merupakan perlindungan tarif yang agak berlebihan terhadap perusahaan mancis tempatan. Pada kadar duti import yang lama tersebut, pengimportan mancis daripada luar negeri, boleh dikatakan tiada langsung. Ini bererti perusahaan mancis tempatan fidak menghadapi sebarang tandingan. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa perusahaan mancis adalah merupakan salah satu perusahaan yang tertua di negara ini iaitu ianya telah bermula sejak tahun 1932. Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah mendengar tentang adanya kekurangan bekalan mancis di pasaran tempatan bambini ini. Dengan kadar duti import yang lebih rendah sekarang ini, mancis daripada luar negeri dijangka akan mula diimport ke negara kita dan dengan demikian masalah kekurangan mancis di pasaran tempatan dapatlah diatasi. Kadar du*i import yang baru ini, walau bagaimanapun, tidaklah terlalu rendah bahkan mencukupi untuk memberikan perlindungan tarif kepada perusahaan mancis tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18) 1980 ini adalah bertujuan menghapuskan duti import atas jentera pertanian dan bahagian-bahagiannya yang masing-masing terletak di bawah nombor kepala tarif 84.24.400 dan 84.24.900. Penghapusan duti import atas kedua-dua nombor kepala tarif tersebut adalah memandangkan yang ia telah lama diujudkan iaitu semenjak tahun 1969. Di samping itu penghapusan duti import tersebut tidak akan menjejaskan pengeluar jentera per^f^anian tempatan kerana tiada pengeluar tempatan yang membuat jentera pertanian di biwah nombor kepala tarif tersebut. Penghapusan duti import ini adalah dijangka akan merendahkan kos bagi proses pemodenan sektor pertanian di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Zakaria bin Haji **Abdul** Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usui atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan, Usui yang ketiga di bawah Aturan Urusan Mesyuarat hari ini sekarang terbuka untuk perbahasan. Oleh sebab tiada siapa yang hendak mengambil bahagian di dalam Usui ini maka saya kemukakan sekarang untuk diputuskan.

Usui dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, perintah-perintah berikut:

(i) Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 9), 1980;

(ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 10), 1980;

(iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 11), 1980;

(iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 12), 1980;

(v) Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 13), 1980;

(vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 14), 1980;

(vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 15), 1980;

(viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 16), 1980;

(ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 17), 1980;

(x) Perintah Duti Kastam (Pindaan), (No. 18), 1980

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statute Bil. 75, 76, 77, 78, 79, 80, 81, 82, 83 dan 84 tahun 1980 disahkan.

# USUL

## WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Shariffi Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.00 malam.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usui dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.00 malam.

# RANG UNDANG-UNDANG

## RANG UNDANG-UNDANG **PERBEKALAN, 1981**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaliah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (Hari Kesembilan).

DAN

# USUL

## ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usui yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada $8,477,158,169 dibelanjakan daripada

Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1981, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 36 tahun 198Q, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. (Hari Kesembilan).

*Perbahasan disambung semula.*

Taaa Yang di-Perhia: Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga pada hari Jumaat waktu ditangguhkan Dewan ini 45 orang Ahli Yang Berhormat telah rnengambil bahagian di dalam perbahasan belanjawan ini iaitu termasuk Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu baru sahaja memulakan ucapannya pada masa ditangguhkan Dewan ini dahulu. Masa Majlis ini ada hanya 180 minit sahaja lagi sebelum ditangguhkan hari ini jam 7.00 malam, saya akan benarkan hanya 20 minit tidak lebih bagi tiap-tiap seorang Ahli Yang Berhormat yang akan bercakap.

Dari senarai yang saya catitkan di sini ada 9 ahli yang sudah berdiri beberapa hari untuk rnengambil bahagian akan diberi peluang.

Saya harap Ahli Yang Berhormat menepati waktu tak lebih daripada 20 minit bagi tiap-tiap seorang. Sekiranya perlu lepas daripada jam 8.00 mungkin dibenarkan 15 minit seorang untuk memberi peluang tiap-tiap ahli yang telah berhasrat rnengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan ini.

Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu menyambung ucapannya.

*4.00 ptg.*

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Tuan Yang di-Pertua, pada petang Jumaat yang lain saya telah bercakap tentang perlunya kita menambahkan peruntukan belanjawan keselamatan negara oleh kerana adanya ancaman memperluaskan pengaruh oleh pihak Soviet Union di kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tindakan agresif Vietnam dengan galakan dari Soviet Union ke atas Kampuchea dalam bylan Disember 1978 dan penaklukan secara langsung oleh Soviet Union ke atas Afghanistan dalam bulan Disember 1979 adalah dua peristiwa hitam yang memaksa kita menilai semula sikap kita tentang pertahanan negara.

Sejak merdeka 23 tahun lalu kita sentiasa berpegang kepada sikap bahawa makanan bagi rakyat adalah lebih penting dari senapang. Kita secara bijak telah menggunakan kekayaan yang telah diberikan oleh Tuhan untuk membangun negara dan memberi suatu kehidupan yang lebih sempurna untuk rakyat. Sekarang kita perlulah mengasuh fikiran rakyat kita bahawa apabila kita telah mencapai satu tingkat kehidupan yang wajar maka kita perlu pula memberi perhatian yang lebih besar kepada pertahanan negara. Fikiran rakyat mestilah diasuh supaya menyedari bahawa tingkatan hidup yang telah kita capai itu mungkin akan musnah dan kita akan kembali kepada suatu kehidupan zaman tahun empat puluhan kalau ^kita tidak berdaya mempertahankan diri kita dari ancaman penaklukan kuasa luar.

Kita hendaklah mengasuh fikiran rakyat kita bahawa kita masih menghadapi penjajahan yang merupakan lanjutan dari amalan kuasa penjajah Barat di zaman kuno. Kita masih ingat bagaimana Ahli-ahli pengembara Barat, kerana ingin berjasa kepada raja-raja mereka, telah menggunakan kekuatan senjata untuk menakluki negara-negara kecil yang lemah. Mereka menurunkan mana-mana pemimpin yang tidak mereka sukai dan menaikkan orang-orang yang boleh mengikut telunjuk mereka. Ini mereka lakukan untuk melemahkan kepimpinan peribumi supaya dapat digantikan dengan sistem pemerintahan kolonial.

Kuasa penjajah zaman kuno juga memaksa negara-negara lemah mengadakan perjanjian persahabatan dengan kuasa kolonial itu yang akhirnya menjadi landasan untuk mereka menakluk negara-negara tersebut secara halus.

Sekarang, di zaman moden ini, kita melihat semula putaran sejarah. Kita melihat penaklukan kuasa besar ke atas negara kecil. Kita melihat kepimpinan peribumi digantikan satu demi satu oleh kepimpinan patung-patung.

Apakah pilihan yang ada pada kita sebagai sebuah negara kecil dengan jumlah rakyatnya cuma 13 juta? Pilihan kita ialah untuk menjadi sebuah negara yang berkecuali. Kita berharap dengan sikap seperti ini kuasa-kuasa besar akan menghormati kita dan tidak akan melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan kedaulatan kita. Harapan ini sedikit sebanyak telah menghasilkan natijah yang kita kehendaki iaitu kita berjaya melambatkan proses campurtangan ke atas negara kita.

Namun demikian, sejak akhir-akhir ini sudah ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa taufan penjajahan tidak mengenal harapan rakyat peribumi. Jelaslah kita tidak boleh bergantung semata-mata kepada suatu harapan. Kita mestilah mengadakan "options" untuk kita pilih bila tiba waktunya.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa sebagai sebuah negara kecil Malaysia tidak mampu dari segi tenaga manusia untuk mengadakan satu angkatan tentera yang besar. Pada masa ini kita mempunyai seramai 66,000 orang askar regular dan 214,000 orang para-miiiter. Walaupun selepas mengambil kira pembesaran yang dicadangkan ini kita tentunya masih jauh di belakang kekuatan tentera Vietnam yang berjumlah 1 juta askar regular dan 1.5 juta para-militer.

Bagaimanapun seperti yang kita pelajari dari sejarah di Asia Barat satu angkatan tentera yang besar tidak semestinya boleh menjamin kemenangan dalam peperangan. Oleh itu, matlamat kita dalam usaha pembesaran angkatan tentera ini mestilah ke arah pembentukan satu angkatan yang padu atau compact yang boleh "bergerak seperti arnab dan menyengat seperti tebuan". Untuk mencapai tingkat keupayaan seperti ini kita perlu mempunyai alat-alat dan senjata-senjata yang sesuai. Kita hendaklah berhenti membelanjakan wang untuk memberi kapal-kapal jenis "prototype" atau alat-alat yang pengeluarannya sudah direntikan atau tidak lagi dijamin pengeluaran seterusnya. Lebih-lebih lagi kita perlu berhenti dari membeli kelengkapan yang sudah terpakai.

Perkara yang berlaku di Woodlands dalam mana berpuluh-puluh kapal laut tentera kita tersadai sehingga bertahun-tahun menunggu diperbaiki adalah satu perkara yang merisaukan kita. Saya berharap hal seperti ini tidak akan berulang lagi di masa depan.

Dalam usaha membentuk satu pasukan yang padu kita perlu berusaha menambah keupayaan berjuang pada soldadu kita untuk menjadikan mereka sentiasa tahan lasak. Saya cadangkan supaya latihan yang integrated lebih sering diadakan. Untuk ini penyertaan penuh pasukan polis hutan, pasukan tentera wataniah, pasukan Relawan Rakyat dan juga pasukan simpanan, adalah penting. Latihan seperti ini bukan sahaja berguna untuk para commander kita mencari kelemahan dan menilai prestasi pasukan masing-masing, tetapi juga meningkatkan kewaspadaan dan kelasakan mereka. Ada komen-komen yang mengatakan bahawa tentera kita adalah sajak, cantik ketika berbaris. Mereka adalah seperti bunga-bunga yang menarik. Komen seperti ini tidak sedap didengar, dan kerana itu perlu para askar kita mengikis imej seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebutkan tadi tentang harapan kita untuk dihormati sebagai sebuah negara berkecuali. Harapan ini sebenarnya adalah harapan serantau yang didukung oleh 200 juta rakyat. Namun demikian, saya percaya adalah juga menjadi harapan rakyat ASEAN untuk melihat ketahanan di rantau ini kukuh sentiasa. Kita telah mengisytiharkan bahawa ASEAN bukanlah satu pakatan tentera. la semata-mata bertujuan untuk bekerjasama dalam bidang ekonomi dan sosial. Walau bagaimanapun, ini tidak bererti kita tidak boleh bekerjasama dalam bidang ketenteraan dan keselamatan. Kerjasama secara bilateral telah berjalan sejak lama dulu dan latihan-latihan tentera secara dua penjuru telah banyak diadakan.

Saya ingin mencadangkan di sini supaya latihan dua penjuru itu diperluas menjadi latihan lima penjuru. Latihan seperti ini patut diadakan tiap-tiap tahun meliputi ketiga-tiga cabang angkatan tentera negara-negara ASEAN.

Saya juga ingin mencadangkan supaya dalam usaha memperbesar angkatan tentera masing-masing para perancang pertahanan hendaklah mengambil kira keperluan pertahanan secara serantau yang melampaui batas negara masing-masing. Usaha yang lebih tegas hendaklah dibuat bagi menyeragamkan alat pertahanan yang digunakan oleh kelima-lima angkatan tentera ASEAN. Matlamat kita mestilah untuk mewujudkan

suatu keadaan "complimentary and interchangeability" alat-alat dan senjata bagi menghadapi sesuatu keadaan yang mungkin memerlukan kita berbuat demikian kelak.

Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan The International Institute for Strategic Studies, London bagi tahun 1977-1980 jumlah angkatan tentera negara-negara ASEAN meningkat sedikit sahaja dari tahun 1975 kepada tahun 1980 iaitu dari 628,000 askar regular kepada 693,000 orang. Kalau dicampur dengan pasukan simpanan dan para-militer maka jumlah kekuatan tentera cuma 1.8 juta orang, berbanding dengan 2.5 juta orang tentera Vietnam.

Saya tidak bermaksud di sini supaya negara-negara ASEAN menyamakan bilangan tenteranya supaya setanding dengan Vietnam. Kita bukan bertujuan hendak berperang dengan Vietnam atau dengan manamana pihak juga. Namun adalah penting bagi negara-negara ASEAN seluruhnya melengkapkan diri dengan kelengkapan yang lebih tinggi kemampuannya untuk mengimbangi jumlah tenaga yang kecil itu.

Seperti yang saya katakan sekejap tadi Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dan negaranegara ASEAN tidak sama sekali bermaksud hendak menjadi "war-mongers". Hasrat kita untuk berkecuali adalah satu hasrat yang tulin. Kita percaya kepada teori bahawa sebuah ASEAN yang berkecuali adalah lebih baik untuk kuasa-kuasa besar itu sendiri daripada sebuah ASEAN yang pro-America atau pro-China atau pro-Soviet.

Sebuah ASEAN yang berbentuk pakatan ekonomi adalah lebih baik dari sebuah ASEAN yang berbentuk pakatan tentera. Namun demikian, sebuah ASEAN yang diceroboh tidak mungkin boleh berkecuali dalam erti kata yang sebenarnya.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah beihati-hati supaya di dalam kita menghadapi perluasan pengaruh Soviet Union di rantau ini kita membenarkan pada keselamatan kita dijagohi oleh satu kuasa besar yang lain seperti Republik Rakyat China.

Kenyataan pemimpin-pemimpin China di Bangkok tidak lama dulu yang menyatakan bahawa mereka akan membantu Thailand kalau diserang tidak patut dianggap sebagai sesuatu yang boleh mententeramkan fikiran kita. Sebaliknya ia harus dianggap sebagai suatu kenyataan yang boleh meletakkan rantau ini di dalam suatu keadaan yang lebih rumit.

Kenyataan seperti ini tentunya Tuan Yang di-Pertua, dianggap oleh Soviet Union sebagai bukti bahawa ASEAN sekarang sudah condong kepada Republik Rakyat China. Ini mungkin boleh dijadikannya alasan untuk memngkatkan kegiatannya di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia sebaliknya tentulah tidak rela keluar daripada mulut harimau masuk pula ke mulut buaya. Kita tahu Parti Komunis China masih belum menarik balik sokongannya terhadap kegiatan-kegiatan Parti Komunis Malaya. Sebenarnya biarlah kita berterus terang di sini bahawa rakyat kita masih mencurigai niat Peking yang sebenarnya.

Hakikat bahawa Republik Rakyat China sekarang sudah berbaik-baik dengan Amerika tidak semestinya menjadi satu faktor untuk kita menerima Peking sebagai rakan di dalam keselamatan kita.

Hal seperti ini bukan sahaja tidak dapat diterima kerana sebab-sebab yang saya sebutkan tadi, tetapi juga tidak dapat diterima kerana sebab-sebab di dalam negeri kita sendiri. Campurtangan China terhadap wilayah ini akan menjejaskan suasana hidup yang berbilang kaum di Malaysia.

Oleh yang demikian saya kuat berpegang kepada pendapat bahawa keselamatan ASEAN hendaklah dijagohi oleh negaranegara ASEAN sendiri. Kalau ASEAN terpaksa meningkatkan kerjasamanya di dalam bidang ketenteraan dan keselamatan di samping kerjasama ekonomi dan sosial, maka itu dilakukan semata-mata kerana kita tidak ada pilihan lain, kerana itulah satu-satunya cara untuk kita mengawal pengecualian kita dan mencegah persatuan ini dari condong kepada satu-satu kuasa besar yang tertentu.

Malah kalau kerjasama di dalam bidang ketenteraan dan keselamatan seperti ini memaksa kita mengadakan satu pakatan tentera pada akhirnya, saya tidak akan bangun di sini kelak untuk menentangnya kerana pada anggapan saya tidak ada sesuatu yang jelik dan kotor kalau negara-negara kecil dan lemah terpaksa memandukan tenaga dan

sumber-sumbernya untuk mempertahankan maruah dan kedaulatan mereka, masing-masing baik secara perseorangan atau secara collective.

Ttsan (Timhalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Serian.

*4.16 ptg.*

Tuan Richard Damping Anak Laki (Serian): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong perbelanjaan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada beberapa hari yang lepas.

Dalam tahun 1981 perbelanjaan itu adalah menarik kepada seluruh negara Malaysia dan saya hendak membangkitkan lima perkara yang tersebut, iaitu kerjaraya, pertanian, pelajaran, barang-barang keperluan dan bekalan air.

Tuan Yang di-Pertua. saya suka mengatakan di Dewan yang mulia ini Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri sudahlah sampai masanya dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk bertindak dan memperbaiki semua kerja-kerja yang kurang berkesan seperti kenderaan yang begitu lama, ada yang 17 tahun hingga 20 tahun sampai hari ini belum lagi ditukar, ini menyebabkan pekerja-pekerja lambat, sebab kenderaan itu sudah buruk dan kelambatan dalam memperbaiki kereta itu berminggu-minggu dalam garage.

Kedua pertanian. Pertanian di Sarawak melalui Kerajaan Persekutuan lebih-lebih di kawasan saya bergantung kepada pertanian, tanahnya subur, lada hitam, getah, kelapa sawit, koko, padi dan Iain-lain. Adakah Kerajaan Persekutuan memperuntukkan wang tambahan bagi Sarawak untuk petani-petani yang menanam padi dua kali setahun? Begitu juga lada hitam yang menguntungkan kepada orang-orang yang menggunakan lada, minyak kelapa sawit, koko dan Iain-lain.

Pada pendapat saya lada hitam sekarang harganya terlampau turun, baja yang menghidupkan pokok lada terlampau tinggi, adakah ini mendatangkan untung kepada petani-petani yang sangat rajin, begitu juga tiang yang digunakan untuk tanaman lada sangat mahal.

Sekarang harga tiang lada satu batang $3.50 hingga $4.50, baja $50.00 satu bag, harga lada hitam satu pikul $148.00. Adakah ini menguntungkan petani-petani yang susah menjaga hingga 3 tahun baru dapat buahnya. Adakah harga lada yang seperti ini memberi faedah untuk membeli tiang dan baja? Bahkan cukai lada hitam yang dicukai oleh Kerajaan tiap-tiap satu kilo sangat tinggi. Adakah Menteri yang berkenaan bercadang mengurangkan cukai lada hitam itu supaya harga satu kati boleh menguntungkan kepada petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran di Sabah dan Sarawak adalah 68% yang mendapat pelajaran bahasa menerusi Bahasa Inggeris. Ini bolehlah dikatakan 100%, tetapi malangnya sekolah-sekolah yang di luar bandar seperti kampung-kampung yang jauh dari bandar menimbulkan masalah iaitu perkataan bahasa sendiri seperti Bidayu dan Iban. Guru yang mengajar patut dilatih dengan secukup-cukupnya supaya dapat mengelak murid-murid yang belajar bahasa, begitu juga kelas-kelas dan bangunan-bangunan sekolah yang di luar bandar tidak sempurna.

Suka saya mengatakan di Dewan ini supaya Kementerian yang berkenaan memberi perhatian supaya bangunan-bangunan sekolah yang sudah lama dapat diperbaiki dan dinding dapat dicat baru.

Di kawasan saya banyak lagi sekolah-sekolah meiiggunakan atap daun apong, daun sagu atau sago dan tanah tidak sempurna. Apabila murid-murid bermain, debu tanah naik ke atas muka, kena mata. Saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan mengambil berat tentang perkara ini secepat mungkin. Saya berpendapat demikian kerana saya sendiri ada melihat, kalau Yang Berhormat Menteri kurang percaya, marilah bersama saya datang melihat tempat yang saya katakan di atas tadi.

Tuan Yang di-Pertua, barang-barang keperluan. Suka saya menyatakan di Dewan yang mulia ini lebih-lebih lagi di kawasan saya yang selalu berlaku kekurangan beras. Ini adalah barang-barang yang diperlukan tiap-tiap hari. Lembaga Padi dan Beras Sarawak hanya mengeluarkan beras yang buruk sekali. Sudahlah beras itu buruk, susah pula hendak berjumpa dengan pegawai-pegawai LPN yang mengeluarkan beras dari gudang beras itu. Adakah Menteri sedar

perkara ini supaya rakyat Malaysia sempurna hid up dengan makanan sehari demi setahun?

Begitu juga kekurangan gula. Dua bulan yang lepas hingga hari ini di kawasan saya berebut-rebut membeli gula dan hanya diberi satu hingga dua kati sahaja, tetapi ada juga orang yang tidak mendapat langsung. Oleh itu saya merayu kepada Menteri yang berkenaan adakah ini disebabkan kekurangan gula ataupun Kerajaan tidak mampu membeli barang-barang yang diperlukan oleh rakyat dalam sehari demi setahun?

Begitu juga tembakau dan minuman keras. Bagi saya sendiri memang setuju supaya harga dinaikkan. Pada pendapat saya kenaikan itu menimbulkan banyak masalah bagi petani-petani yang berpendapatan rendah. Sudahlah barang-barang yang diperlukan sehari demi setahun sudah dinaikkan harga, tembakau dan arak pun dinaikkan harga. Selepas Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan, rakyat sudah berkata arak dan rokok dinaikkan oleh Kerajaan, lebih baik membeli candu dan heroin. Ini akan mengakibatkan dadah merebak ke seluruh negara Malaysia.

Mengenai bekalan air, yang sangat menarik sekali iaitu apabila saya mengetahui bahawa Kerajaan menyediakan sebanyak $162 juta untuk membiayai bekalan air bagi tahun 1981. Sungguhpun itu adalah satu angka yang amat menggalakkan tetapi memandangkan begitu banyak tempat-tempat yang belum menikmati kemudahan asas itu, misalnya dalam kawasan saya masih terdapat tidak kurang daripada 100 tempat yang beium lagi dapat bekalan air.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya membesarkan peruntukan bagi bekalan air ini. Saya ingin merakamkan kekhuatiran saya kerana telah mendengar bahawa kesemua rakyat dalam negara kita akan mendapat air iaitu pada tahun 2005. Ini bermakna setengah-setengah rakyat harus menunggu hingga 25 tahun untuk mendapat bekalan itu.

Dalam ucapan Belanjawan ada disebutkan kesemua rakyat harus menunggu sehingga tahun 1990 untuk menikmati kemudahan itu. Itupun bererti setengah-setengah rakyat harus menunggu selama 10 tahun. Adakah jelas rakyat harus menunggu satu masa yang amat panjang untuk mendapat kemudahan-kemudahan yang boleh membaiki kegiatan dan kehidupan kita?

Oleh yang demikian, saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya peruntukan yang lebih besar dapat disediakan supaya rancangan bekalan air dapat dicepatkan.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tean (Timfoalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Balik Pulau.

*4.25 ptg.*

'Tuan Shanisuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong ucapan Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tempoh hari.

Berdasarkan ucapan dan bahasan-bahasan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Dewan sama ada dari pihak Pembangkang lebih-lebih lagi Ahli Kerajaan, keseluruhannya mengaiu-alukan Belanjawan itu sambil memberi sokongan penuh niereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan ini, saya sangat tertarik hati mendengar ucapan rakan saya Yang Berhormat dari Damansara. Perkara yang menarik hati saya dalam ucapannya itu ialah tentang dakwaannya dan pengakuannya bahawa beliau seorang bumiputra. Ahli Yang Berhormat dari Damansara ini dalam ucapannya mengatakan beliau tidak faham apa itu bumiputra dan bukan bumiputra. Saya ingin tabu sama ada beliau itu betul-betul tidak faharn atau pura-pura tidak faham.

Sejarah Ahli Yang Berhormat itu biasa masuk dan keluar dari Dewan ini; pernah menang dan pernah kalah. Jadi dakwaan beliau mengatakan tidak faham itu tidak dapat kita terima sama sekali. Perkara bumiputra dan bukan bumiputra ini sudah selesai, pada anggapan saya sudah selesai dan tidak patut diungkit-ungkit lagi di dalam Dewan ini.

Dakwaan dan pengakuan beliau sebagai seorang bumiputra itu berdasarkan penjelasan sebuah kamus. Ahli Dewan yang ternama dari Parti Pembangkang ini merujukkan perkara bumiputra dan bukan bumiputra ini kepada kamus; bukan kepada Perlembagaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kata beliau mengikut penjelasan kamus, "bumiputra" adalah seorang anak negeri dan dengan itu dia juga

seorang bumiputra. Begitu simple dan mudah sekali asas yang digunakan oleh Yang Berhormat rakan saya dari Damansara itu untuk menjadi seorang bumiputra. Tuntutannya supaya diperakukan sebagai seorang bumiputra hanya berasaskan makna atau istilah bumiputra yang dipetik dari sebuah kamus.

Tuan Yang di-Pertua, jika demikianlah telatah Ahli Yang Berhormat dari Damansara itu, kemungkinan besar pada masa yang tidak lama lagi beliau akan mendakwa pula bahawa beliau adalah seorang Inggeris, kerana namanya adalah sama dengan nama orang Inggeris. Menurut kamus, nama dia ialah nama yang lazimnya digunakan oleh orang-orang Inggeris atau orang-orang Eropah, oleh sebab itu maka dia juga seorang Inggeris. Dia tidak peduli apa orang lain kata; dia selalu percaya yang dia seorang Inggeris. Kalau Kerajaan Inggeris kata dia bukan orang Inggeris, dia tidak peduli, kerana dia yakin dia seorang Inggeris. Ini perkara yang mungkin berlaku tidak lama lagi melihat telatah dan gelagat yang telah dibuat oleh rakan saya dari Damansara itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi setengah orang dakwaan Ahli dari Damansara itu yang beliau adalah seorang bumiputra itu adalah satu perbuatan yang sia-sia dan tidak patut dilayan. Sebaliknya, pada anggapan saya dakwaan beliau itu adalah satu perbuatan mempersenda dan memperolok-olokkan Perlembagaan Negara. Beliau telah menyentuh dan memperkatakan perkara sensitif, satu percubaan mengungkit-ungkit perkara yang telah dipersetujui sebelumnya. Kita sama-sama telah maklum bahawa Yang Berhormat dari Damansara itu bukan orang baru dalam Parlimen. Oleh yang demikian, kenyataan bahawa beliau tidak berapa faham istilah bumiputra dan bukan bumiputra itu tidak dapat kita terima sama sekali. Saya ingin memberi ingatan kepada beliau jangan cuba bermain dengan api, buruk padahnya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh tentang ucapan sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda di mana dalam ucapan beliau telah mensarankan supaya Kerajaan mengambil sikap yang lebih liberal di atas bahasa. Beliau mahu supaya amalan menggunakan berbagai bahasa seperti yang dijalankan semasa negeri kita belum merdeka dahulu diamalkan semula. Bukan setakat empat bahasa sahaja, malah beliau meminta supaya ditambah satu bahasa lagi iaitu bahasa Thai. Papan-papan tanda dan kenyataan hendaklah mengandungi bahasa-bahasa tersebut untuk memberi kemudahan kepada para pelancung dan diplomat-diplomat, tambah beliau lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda itu ialah seorang politikus yang veteran, negarawan, diplomat yang ulung, businessman yang berkelibar, tetapi bila beliau mengajak kita berundur ke belakang tentang perlaksanaan dasar pelajaran, terutama yang mengenai Bahasa Kebangsaan, saya menjadi bingung. Beliau menganggap langkah yang dijalankan oleh Kerajaan lebih tepat lagi Kementerian Pelajaran menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang tunggal di sekolah-sekolah kita itu satu langkah yang berpandangan sempit di dalam dunia ini. Tambahan beliau lagi semangat nasionalism yang sempit terutama di dalam soal bahasa tidak memberi sebarang faedah.

Tuan Yang di-Pertua, dasar pelajaran yang berjalan atau yang telah dilaksanakan sekarang ini adalah dasar pelajaran yang berasaskan Penyata Razak. Dasar Pelajaran Kebangsaan yang termaktub di dalam Akta Pelajaran 1961 itu berasaskan Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Kedua-dua dokumen ini menitikberatkan aspek-aspek yang berkaitan dengan perpaduan negara. Saya mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, membacakan petikan itu:

> "Tujuan Dasar Pelajaran di dalam negeri ini ialah bermaksud hendak menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar".

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat perpaduan negara ini maka Dasar Pelajaran Kebangsaan itu digubal begitu rupa dan saya yakin para penggubal Dasar Pelajaran sedar tentang wujudnya masyarakat majmuk di negara ini, masyarakat berbilang kaum, ugama dan bahasa. Mempunyai masyarakat berbilang kaum, ugama dan bahasa tentulah terdapat berbagai-bagai perbezaan pendapat dan sikap dan ini mudah menimbulkan salah faham yang boleh membawa kepada tercetusnya pergaduhan kaum.

Jadi, kesimpulannya dasar pelajaran itu digubal adalah untuk mencapai matlamat perpaduan negara melalui sistem pendidikan dalam mana Bahasa Malaysia menjadi bahasa pengantar yang utama.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita berbalik kepada cadangan Yang Berhormat tadi yang berkehendakkan kita menggunakan berbagai bahasa maka perlaksanaan dan rancangan yang telah dijalankan selama ini akan menjadi sia-sia belaka. Saya masih ingat bagaimana sukar dan susahnya Kerajaan hendak melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah dan di jabatan-jabatan Kerajaan pada peringkat permulaannya. Satu kempen secara besar-besaran telah dilancarkan seluruh negara . Kempen ini Kempen Bulan Bahasa namanya. Kalau saya tidak silap, Dewan Bahasa dan Pustaka diberi tanggungjawab sepenuhnya menjayakan Kempen tersebut. Ketika itu Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir menjadi pengarahnya. Tidaklah berlebihan jika saya katakan hasil usaha gigih Dewan Bahasa dan Pustaka yang dikepalai oleh Pengarahnya maka Kempen Bulan Bahasa itu telah mendapat kejayaan dan orang yang bertanggungjawab menjayakan telah diberi gelaran "Panglima Bahasa".

Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun 1970 ^Bahasa Malaysia digunakan di Darjah Satu bagi semua sekolah-sekolah Kebanqsaan dan Rendah Kebangsaan dan pada tahun 1975 Bahasa Malaysia telah berjaya menjadi bahasa pengantar yang tunggal di semua Sekolah Kebangsaan dan Rendah Kebangsaan. Proses menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar tunggal di Sekolah Kebangsaan dan Re^n^dah Kebangsaan dan seterusnya di Sekolah Menengah Kebangsaan berjalan dengan lancar mengikut jadual dan pada tahun ini murid-murid di semua sekolah menengah akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia yang menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya dan tidak ada lagi peperiksaan MCE yang kita menggunakan bahasa pengantar Inggeris.

Di samping kejayaan perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan itu di sekolah-sekolah, baru-baru ini pihak Universiti Kebangsaan telah berjaya mengeluarkan siswazah-siswazah jurusan perubatan yakni doktor-doktor yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Kebolehan dan prestasi yang ditunjukkan oleh doktor-doktor keluaran Universiti Kebangsaan Malaysia itu sama tarafnya dengan doktor keluaran Universiti Malaya dan Iain-lain universiti.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai seluruh rakyat dari semua kaum telah yakin dan memberi kepercayaan yang penuh terhadap Dasar Pelajaran itu. Jumlah majalah-majalah dan akhbar-akhbar yang berbahasa Malaysia telah meningkat edarannya. Pembacanya bertambah berlipat kali ganda. Semuanya ini membuktikan lagi bagaimana kuatnya sokongan dan sambutan rakyat terhadap Dasar Pelajaran Negara ini. Maka dengan itu, saya menyeru pihak Kerajaan, khasnya Kementerian Pelajaran jangan merasa bimbang, takut-takut atau teragak-agak melaksanakan Dasar Pelajaran untuk mencapai matlamat yang telah kita tetapkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sentuh ialah mengenai pembinaan dan perumahan. Dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Mulia tempoh hari beliau telah menyebutkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk memperuntukkan sejumlah $260 juta untuk rumah awam kos rendah.

Dalam hubungan ini saya ingin menarik perhatian pihak Kerajaan bahawa kebanyakan rumah-rumah awam kos rendah ini hanya boleh dimohon dan dimiliki oleh mereka-mereka yang berpendapatan rendah iaitu yang bergaji $500 ke bawah. Sebaliknya pegawai-pegawai Kerajaan yang berpendapatan $500 ke atas hingga $1,000 tidak diperuntukkan rumah. Mereka ini tidak pula dapat membeli rumah-rumah yang dibina oleh pihak swasta oleh sebab harganya tidak mampu dan pinjaman dari pihak Kerajaan yang mereka dapat juga tidak mencukupi untuk membeli rumah-rumah yang dibina oleh pihak swasta. Sebaliknya pihak Kerajaan hanya menumpu rumah awam kos rendah ini kepada mereka yang berpendapatan $500 ke bawah. Apakah jadi kepada nasib-nasib mereka yang berpendapatan $500 ke $1,000? Oleh yang demikian, saya berharap dan saya suka mencadangkan supaya pihak Kerajaan mengkaji kemungkinan membina rumah awam kos sederhana, yang ditujukan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang berpendapatan $500 ke $1,000. Ini mustahak, Tuan Yang di-Pertua, kerana mereka ini kebanyakan sehingga sekarang belum lagi dapat memiliki rumah walaupun masa mereka berkhidmat dengan Kerajaan tinggal

tidak berapa lama lagi. Saya harap pihak Kerajaan akan memberi perhatian yang berat dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang mengenai perumahan ini ialah sebab-sebab harga rumah ini meningkat tinggi. Faktor yang utama yang kita dapati hari ini berlaku mengapa harga rumah menjadi begitu tinggi ialah kerana pemaju-pemaju mengambil masa yang begitu lama untuk menyiapkan rumah-rumahnya. Ini berlaku kerana kekurangan buruh-buruh yang mahir dalam bidang pembinaan. Projek-projek perumahan tumbuh di merata-rata tempat sebaliknya buruh-buruh yang mahir dalam bidang pembinaan ini sangat kurang dan mereka ini menjadi rebutan pihak pemaju. Jadi, oleh sebab berlaku persaingan dan perebutan tentang buruh-buruh mahir kepada pemaju-pemaju perumahan maka banyaklah projek-projek perumahan yang terbengkalai, yang tertinggal tidak dapat dibangunkan dan ini meiibatkan kos pembinaan itu begitu tinggi. Sebab pemaju-pemaju perumahan ini mendapat pembiayaan dari bank dan tentulah biia mengambil masa yang lama, faedahnya akan meningkat, dan ini bukan ditanggung oleh pihak pemaju-pemaju perumahan, segala kos yang meiibatkan perumahan ini semuanya akan dibebankan kepada pembeli-pembeli.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru pihak Kementerian Buruh supaya dapat mengadakan atau membesarkan pusat-pusat latihan buruh-buruh mahir terutama yang mengenai bidang perumahan ini. Melatih ramai lagi pekerja-pekerja supaya menjadi tukang simen yang mahir, tukang kayu yang mahir dan tukang besi yang mahir untuk memenuhi keperluan pembangunan yang berjalan pesat sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan dan pendapat saya mengenai Belanjawan tahun 1931 dan dengan itu saya menyokong sepenuhnya ucapan Belanjawan tersebut.

Team (Tlmbalam) Yang dl-Peirlsia: Yang Berhormat dari Labuk Sugut.

*4.45 ptg.*

TOSH Haji Ampong bin Puyon (Labuk Sugut): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kerana membentangkan Belanjawan **1981** dengan penuh mantap dan kukuh dalam menghadapi suasana ekonomi dunia sekarang. Dengan demikian, saya menyokong penuh Anggaran Belanjawan sebanyak $23,077 juta yang telah dibentangkan oleh Menteri berkenaan pada 17hb Oktober, 1980.

Saya berpendapat Anggaran Belanjawan yang telah dibentangkan itu tidak sesiapa dapat menafikan keadilan dan sifat tanggungjawab Kerajaan terhadap rakyat di negara ini terutama sekali golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Tidak keterlaluan jika dikatakan mereka yang menentang Anggaran Belanjawan ini merupakan golongan yang anti-rakyat yang berpendapatan rendah dan mereka yang mempunyai sikap seperti ini hendaklah diambil perhatian dan jika perlu dihapuskan demi kepentingan rakyat jelata di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian saya ingin mencadangkan beberapa perkara di Dewan yang mulia ini agar rancangan-rancangan yang dijalankan untuk tujuan pembangunan akan dapat dinikmati oleh rakyat seluruh negara khasnya di negeri Sabah dan Sarawak.

Memandangkan sejumlah $8,477 juta diperuntukkan untuk Belanjawan Pembangunan maka saya memohon jasa baik dari Kerajaan untuk membubuh tar jalanraya-jalanraya di Sabah terutama sekali di kawasan saya dari Batu 38 Sandakan ke daerah Beluran dan daerah Telubit dan daerah-daerah Ranau ke Malisau supaya kegiatan para petani di kawasan tersebut dapat berjalan dengan lancar di samping dapat meninggikan taraf ekonomi mereka. Ini memandangkan kesulitan perhubungan jalanraya menyebabkan ekonomi di kawasan tersebut tidak dapat berjalan dengan lancar menyebabkan kawasan-kawasan berkenaan masih mundur jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain seperti yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Jalanraya di kawasan tersebut adalah sangat menyedihkan kerana selalu sahaja berlumpur ketika hari hujan dan ini menyusahkan rakyat. Oleh yang demikian, saya berharap kepada pihak yang berkenaan memberi prioriti yang khusus untuk memajukan kawasan tersebut agar nikmat pembangunan dapat dinikmati oleh penduduk di kawasan tersebut. Begitu juga dengan lapanganterbang Sandakan yang pada pandangan saya perlu Kerajaan mempercepatkan kerja-kerja membesarkannya ini bagi mempastikan perkembangan ekonomi akan berlaku dengan pesat

dan dapat menggalakkan pelaburan dengan lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Kerajaan memberi peruntukan yang banyak kepada pembangunan pertanian dan tanah iaitu kira-kira SI,968 juta maka saya mencadangkan sebahagian daripada peruntukan itu ditumpukan kepada negeri Sabah dan Sarawak. Ini termasuk memperluaskan rancangan-rancangan pembangunan tanah FELDA, FELCRA dan projek-projek seumpamanya dengan lebih pesat lagi. Ini bagi mempastikan kaum bumiputra di Sabah dapat menikmati projek pembangunan Kerajaan seperti dinikmati oleh penduduk-penduduk di Semenanjung Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merayu kepada Kerajaan supaya memberi bantuan subsidi kepada petani-petani di Sabah dengan seberapa segera yang boleh bagi mempastikan petani-petani di negeri Sabah dapat menikmati subsidi yang diumumkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan peruntukan sebanyak $559 juta untuk memperbesarkan lagi perusahaan awam miskipun peruntukan ini kecil jika dibandingkan dengan perkembangan yang dicapai oleh sektor swasta. Namun demikian, peruntukan sebanyak $60 juta kepada UDA, $45 juta kepada SEDC-SEDC dan $70 juta kepada PERNAS hendaklah digunakan dengan sepenuhnya dan mempastikan peruntukan tersebut tidak hanya menguntungkan sebilangan kecil usahawan bumiputra sahaja dan ianya hendaklah diberi keutamaan kepada mereka yang benar-benar berkemampuan yang diperlukan dalam semua aspek. Saya bangkitkan perkara ini disebabkan ramai peniaga tuiin bumiputra yang bersungut amat sukar untuk mendapatkan pinjaman walhal ada di antara mereka yang tidak serius menjalankan perniagaan dapat pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah clisebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain mengenai masalah perumahan, maka di sini saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan membuat satu peraturan yang keras agar rakyat asing tidak boleh memiliki rumah di negara ini. Ini bagi menghindarkan perbuatan spekulasi perumahan di samping mempastikan rakyat di negara Malaysia dapat memiliki rumah. Di samping itu juga saya mencadangkan supaya projek-projek perumahan yang baharu diperuntukkan kepada kaum bumiputra sekurang-kurangnya 50% manakala rumah murah 70% daripada yang dibina.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan di sini disebabkan masalah perumahan ini merupakan masalah sensitif kepada semua kaum di negara ini dan jika ini berlaku ia akan memberi kesan kepada kestabilan politik di negara yang berbilang bangsa ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah pelajaran, saya mengalu-alukan peruntukan sebanyak $425 juta yang diberikan untuk tahun 1981. Saya berharap peruntukan sebanyak itu dapat digunakan dengan sepenuhnya untuk memperbaiki taraf pelajaran di seluruh negara terutama di luar-luar bandar seperti terdapat di negeri Sabah dan Sarawak. Ini termasuk untuk menyediakan mereka dengan kelengkapan makmal dan kemudahan-kemudahan lain seperti yang terdapat di sekolah-sekolah bandar. Langkah ini perlu diambil perhatian bagi mempastikan murid-murid luar bandar akan menikmati kemudahan pelajaran yang sama taraf dengan sekolah-sekolah di bandar. Pada pandangan saya kelemahan pelajar-pelajar luar bandar khasnya di Sabah yang ramai adalah berpunca dari masalah ini yang mana mereka itu diketepikan. Saya berkata demikian, berlandaskan dari kajian saya terhadap sekolah di kawasan saya di Labuk Sugut yang mana kemudahan-kemudahan seperti makmal atau sebagainya adalah amat berkurangan. Dengan demikian, saya berharap kepada Kementerian Pelajaran hendaklah memberi perhatian kepada sekolah-sekolah kebangsaan di kawasan tersebut agar ianya sampai ke tahap yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dasar luar Malaysia, di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kerana dipiiih menjadi salah seorang deligasi pendamai negara-negara Islam untuk mendamaikan negara Iran/Iraq yang telah menjangkau hampir 2 bulan dari sekarang. Pemilihan Perdana Menteri kita menjadi wakil kepada 40 buah negara Islam tidak syak lagi negara kita ini diberi penghormatan besar oleh negara-negara Islam. Saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia akan dapat memberi sumbangan yang berguna kepada deligasi pendamai tersebut berlandaskan pengalaman-pengalamannya dalam memimpin rakyat kita yang berbilang kaum ini. Memandangkan kepercayaan yang telah diberi

oleh negara-negara Islam tersebut maka adalah penting Malaysia memberi kata pemutus inasalah Baitulmukaddis supaya sikap kita sebagai sebuah negara Islam tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada usaha-usaha gigih yang dijalankan oleh ASEAN dalani mempertahankan Regim Pol Pot di pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Namun demikian, saya berpendapat adalah baik bagi kita mencari jalan yang kukuh dan berkesan bagi mencari alternative dari Regim yang ada sekarang ini. Dengan demikian, kita akan dapat menghindarkan diri dari dikaitkan dengan Regim Pol Pot yang telah banyak membunuh rakyat termasuk umat Islam sendiri di Kampuchea. Oleh itu, saya menyokong penuh usaha yang sedang dijalankan oleh Thailand sekarang untuk memujuk Putra Norodom Sihanouk memainkan peranan penting dalam menyelesaikan masalah Kampuchea. Di samping itu negara-negara ASEAN hendaklah terus meyakinkan Vietnam bahawa ASEAN tidak menggugut kestabilan Vietnam, dengan demikian kita akan terhindar daripada caturan negara kuasa besar dalam rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat selagi masalah Kampuchea itu tidak diselesaikan percaturan kuasa besar akan terus berlaku di rantau ini dan ini sudah tentu akan menggugat akan kestabilan di rantau ASEAN sendiri.

Saya juga ingin mencadangkan kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah memikirkan sesuatu kepada petani-petani di kampung yang mempunyai tanah kurang dari 5 ekar supaya diberi tanah tambahan untuk mempastikan tanah yang diusahakan itu ekonomikal sedikit. Ini disebabkan jika diberi tanah berkenaan, saya bimbang kaum petani ini tidak akan menikmati hasil yang lumayan sebagaimana terdapat di FELDA, ataupun FELCRA. Disamping itu saya mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya memberi tender-tender terutama tender FELDA kepada bumiputra sahaja. Ini disebabkan apa yang saya terima laporan FELDA hanya memberi tender lebih kurang 30% sahaja kepada bumiputra. Perbuatan seperti ini amat menyedihkan dan ia perlu diperbaiki dengan segera kerana sebagai sebuah ejensi Kerajaan sepatutnya tender yang diberi hendaklah sekurang-kurangnya 70%.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada pihak yang terlibat agar rayuan dan permintaan serta cadangan saya ini dapat dipertimbangkan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Hilir Perak.

*5,57 ptg.*

**Tuan Kamaluddin bin Maamor (Hilir** Perak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Belanjawan 1981 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Belanjawan ini telah menitikberatkan golongan yang berpendapatan rendah dan sambil mengalu-alukan Belanjawan ini izinkan saya mengemukakan beberapa perkara yang saya fikir perlu agar strategi Belanjawan 1981 dapat memberi manfaat yang sebenarnya kepada golongan yang berpendapatan rendah terutama sekali kepada mereka di luar bandar yang lebih jauh ketinggalan dari semua aspek pembangunan dari mereka di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, ramai di antara rakan-rakan Yang Berhormat saya di dalam Dewan yang mulia ini telah menyuarakan berkenaan dengan pembinaan rumah kos rendah. Belanjawan ini telah mencadangkan sejumlah $260 juta sebagai tabung pusingan bagi pembinaan rumah kos rendah di setiap negeri dan sebanyak $157 juta adalah dicadangkan bagi projek-projek sambungan perumahan kos rendah. Saya mengalu-alukan cadangan ini tetapi pada hakikatnya hanya golongan mereka yang di bandar sahaja yang dapat menikmatinya oleh kerana pada keseluruhannya pembinaan rumah kos rendah terdapat di bandar-bandar kecil ataupun besar tetapi tidak di kampung tradisional Melayu di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan yang Kerajaan telah mengadakan rancangan pemulihan kampung tetapi pertolongan $1,000 yang diberikan itu hanya kepada mereka yang betul-betul miskin. Apakah halnya dengan mereka pekebun-pekebun kecil, petani-petani, peniaga kecil, belia dan beliawanis yang diiktiraf sebagai golongan yang berpendapatan rendah tetapi tidak diiktiraf sebagai golongan yang miskin yang boleh mendapat bantuan membaiki rumah mereka sebanyak $1,000 itu dan dari rancangan pemulihan kampung. Mereka yang saya sebutkan itu memerlukan juga rumah-rumah ataupun kemudahan pinjaman

bagi membaiki rumah mereka yang sedia ada sebagaimana juga mereka di bandar. Bagi tujuan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

(1) Kerajaan hendaklah mengutamakan pembinaan rumah kos rendah di kampung tradisional Melayu di luar bandar ataupun di pinggir bandar ataupun di bandar besar di mana kampung-kampung tradisional Melayu itu berada.

(2) Kerajaan hendaklah mengenepikan sebahagian daripada jumlah tabung pusingan sebanyak $260 juta itu bagi pinjaman kepada mereka di kampung tradisional Melayu termasuk kampung tersusun sama ada di luar bandar atau dalam bandar ataupun di pinggir bandar bagi membina rumah di atas tanah sendiri atau membaiki, atau memodenkan rumah-rumah yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pembinaan rumah kos rendah ini serta kemudahan pinjaman yang mengenakan faedah yang rendah bagi membina, membaiki ataupun mempermodenkan rumah-rumah kepada penduduk kampung tradisional Melayu, saya yakin dan percaya bahawa pembangunan ekonomi dan sosial di luar bandar dan di kampung tradisional Melayu di pinggir bandar dapat dipercepatkan, ini juga akan mengurangkan penghijrahan belia dan beliawanis ke bandar-bandar.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada kenaikan subsidi padi. Kenaikan subsidi padi ini dari $2 ke $10 akan memberi manfaat kepada lebih 120,000 penanam padi. Sebagai seorang Ahli Parlimen yang mewakili kawasan jelapang padi Sungai Manik dan Seberang Perak, saya mengalu-alukan kenaikan ini, tetapi saya berasa tidak senang hati dengan ketiadaan rancangan Kerajaan bagi menggalakkan penerimaan kenaikan subsidi padi ini melabur wang tunggakan mereka itu. Saya khuatir segala tunggakan kenaikan subsidi ini yang diterima oleh pesawah padi dibelanjakan begitu sahaja tanpa dilaburkan.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Kerajaan merancangkan supaya Pelancaran Tabung Amanah Pelaburan Nasional Yang Pertama dapat dilancarkan serentak dengan kenaikan subsidi padi ini. Jika sekiranya pelaburan nasional ini tidak mampu ataupun berupaya bagi melancarkan tabung pertamanya, adalah wajar bagi Kerajaan membenarkan Amanah Saham MARA Berhad yang lebih dikenali oleh petani-petani melancarkan tabung yang ke 12nya. Saya yakin dan percaya ramai dari petani-petani yang menerima tunggakan kenaikan subsidi padi ini akan melaburkan wang mereka itu di tabung yang sepatutnya dilancarkan serentak dengan pengumuman kenaikan subsidi padi ini. Walau bagaimanapun, masih tidak kelewatan bagi Kerajaan menimbangkan cadangan saya ini dan sekurang-kurangnya membenarkan Amanah Saham MARA Berhad melancarkan tabung barunya pada akhir tahun ini ataupun awal tahun depan sebelum tunggakan subsidi padi ini habis dibelanjakan oleh petani-petani. Jika sekiranya Kerajaan enggan membenarkan Amanah Saham MARA Berhad melancarkan tabung barunya, saya mohon kepada pihak berkenaan memberitahu Dewan yang mulia ini sebab-sebab mengapa Amanah Saham MARA Berhad yang begitu berjaya dan dikenali seluruh kalangan rakyat bumiputra tidak dibenarkan melancarkan tabung-tabung barunya walhal pelaburan nasional belum ada ura-ura hendak melancarkan tabung pertamanya di tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Tahun Taksiran Cukai Pendapatan 1977 dan sebelumnya pembayaran zakat fitrah dan lain-lain bayaran yang dikenakan oleh ugama Islam yang dibayar oleh individu Islam termasuk sebuah syarikat boleh mendapat potongan dari cukai pendapatan tetapi mengikut Akta Cukai yang ada sekarang ini hanya bayaran zakat dan fitrah yang dibayar oleh individu Islam dapat diberi potongan dari cukai pendapatan. Syarikat-syarikat yang dimiliki 100% oleh orang Islam yang membayar zakat perniagaannya tidak lagi mendapat kemudahan potongan ini. Saya mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan agar mengambil tindakan meminda seksyen 6 *(a)* Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi membolehkan syarikat-syarikat yang dimiliki 100% oleh orang Islam yang membayar zakat kepada Jabatan Ugama Islam mendapat potongan daripada cukai pendapatan mereka. Cadangan saya ini adalah wajar memandangkan bahawa ugama Islam adalah ugama rasmi negara ini dan adanya potongan cukai ini akan menggalakkan syarikat-syarikat Melayu dan Islam membayar zakat perniagaan mereka kepada Jabatan Ugama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan rancangan Kementerian Pengangkutan mengadakan beberapa Pejabat RIMV yang baru di bandar dalam Rancangan Malaysia Keempat bagi mengatasi masalah kesesakan sekarang ini, bagaimanapun, rancangan ini akan mengambil masa yang panjang bagi pelaksanaannya. Sebagai usaha jangka pendek bagi mengatasi kesesakan ini sebelum pejabat-pejabat baru dibubuhkan, saya mencadangkan supaya RIMV mengadakan pejabat bergerak yang serupa perjalanannya dengan post office bergerak yang akan melawat di kawasan-kawasan bandar-bandar kecil dan di luar bandar, termasuk estet-estet bagi memudahkan rakyat yang berpendapatan rendah membaharui lesen-lesen memandu dan lesen-lesen kereta.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya, saya menyokong Belanjawan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan.

*5.05 ptg.*

Tuan Abdul Ghani bin Misfcah (Kinabatangan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama dengan rakan-rakan sejawat saya menyokong penuh dasar dan matlamat Ucapan Belanjawan Negara bagi tahun 1981 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 17hb Oktober di Dewan yang mulia ini.

Seperti yang dilafazkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan strategi Belanjawan Negara kita bagi tahun hadapan telah dirancang dan disusun dengan rapinya untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi di taraf yang tinggi dan berterusan untuk menjamin supaya pendapatan rakyat dari segi sebenar akan bertambah tinggi dan serentak dengan itu untuk membendung inflasi dalam negeri supaya dapat memberi manfaat, terutama sekali kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah dan kepada pengusaha-pengusaha kecil seperti pekebun-pekebun kecil getah, pesawah-pesawah padi, peniaga-peniaga kecil dan Iain-lain.

Kerajaan telah mencadangkan dan membelanjakan wang negara bagi tahun hadapan berjumlah $23,077 juta, iaitu $14,600 juta untuk Perbelanjaan Mengurus dan $8,477 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan. Belanjawan 1981 dengan itu akan memberikan keutamaan kepada perkembangan infrastruktur dan keupayaan ekonomi negara yang produktif.

Anggaran Belanjawan tahun 1981 berjumlah $2,805 juta untuk pelajaran, $892 juta untuk kesihatan, $1,700 juta untuk pertanian, $724 juta untuk polis dan $978 juta untuk perkhidmatan ekonomi adalah mencerminkan dengan jelasnya keazaman Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Hussein Onn, membangunkan ekonomi negara yang kokoh, menjaga keselamatan, kesihatan dan perpaduan seluruh rakyat Malaysia yang sejati.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kerana telah merancang dan menyusun dengan rapinya strategi-strategi dan matlamat-matlamat Belanjawan Negara bagi tahun hadapan dengan memperkuatkan lagi keazaman Kerajaan Persekutuan Malaysia membasmi kemiskinan rakyat Malaysia tanpa mengira ugama dan keturunan dan menyusun semula masyarakat Malaysia.

Kami rakyat Malaysia di Sabah sangatlah bergembira dan berterima kasih kerana kami sekali lagi diyakinkan oleh Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri melalui Dasar Belanjawan Negara 1981 ini bahawa Kerajaan Persekutuan akan terus membantu Kerajaan Barisan Nasional di negeri Sabah pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Datuk Harris Salleh, untuk melaksanakan dengan sempurnanya pentadbiran pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan di negeri itu supaya negeri Sabah juga akan dapat mencapai taraf kemajuan pembangunan sosio-ekonomi seperti negeri-negeri lain di Malaysia yang telah lebih maju daripada Sabah dalam bidang pembangunan infrastruktur.

Kami juga berharap dengan bertambah teguhnya hubungan baik, kerjasama persefahaman dan sokongan kuat semua pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan negeri Sabah yang ada sekarang maka matlamat Belanjawan Negara 1981 akan terlaksana dengan sungguh berkesan sekali di negeri Sabah.

Selain daripada meTancang dan melaksanakan matlamat-matlamat Belanjawan Negara yang sangat menggembirakan dan menguntungkan semua laplsan rakyat Malaysia, terutamanya yang berpendapatan rendah, saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menten dan rakan-rakannya dalam Kabinet Kerajaan Persekutuan kerana dengan kebijaksanaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka rakyat Malaysia yang sejati telah dapat menikmati kemakmuran dan kestabilan politik dalam masyarakat Malaysia yang berbilang keturunan dan tidak terdapat dalam mana-mana negara juga yang sedang membangun seperti Malaysia. Keadaan kemakmuran dan perpaduan rakyat yang berbilang kaum ini bukan sahaja menakjubkan rakyat Malaysia sendiri bahkan dunia antarabangsa juga turut kagum melihat hasil usaha-usaha pemimpin-pemiimpin dan rakyat Malaysia mempercepat dan memperteguhkan lagi asimilasi dan integrasi nasional, rakyat dan negara Malaysia semoga segala bentuk usaha kita di masa-masa yang akan datang mestilah kita rancang dan laksanakan untuk mengekalkan suasana ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan ucapan Belanjawan ini3 sukalah saya mengemukakan beberapa pandangan dan cadangan untuk pertimbangan pihak-pihak yang berkuasa Kerajaan Persekutuan. Negara kita Malaysia telah merdeka selama 23 tahun dan negeri Sabah dan Sarawak telah juga merdeka melalui penubuhan Persekutuan Malaysia selama 17 tahun. Sejak kita mencapai kemerdekaan negara kita dahulu, kita telah sama-sama bersetuju secara sukarela untuk memaktubkan dalam Perlembagaan Negara Malaysia bahawa Bahasa Malaysia mestilah menjadi bahasa rasmi dalam semua urusan pentadbiran negara kita. Tetapi sejak mula lagi negeri Sabah dan Sarawak merdeka melalui ~ Malaysia, Kerajaan Persekutuan telah memberikan pertimbangan khas untuk Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Neeara dari Sabah dan Sarawak berucap di kedua-dua Dewan Perundangan itu dalam bahasa Inggeris tertakluk kepada keizinan Speaker Dewan Rakyat dan Presiden Dewan Negara.

Semenjak pertimbangan khas mengenai penggunaan bahasa Inggeris di dalam ucapan-ucapan di kedua-dua Dewan Perundangan Tertinggi negara ini diberikan 17 tahun yang lalu, saya rasa telah terlalu banyak masa dan peluang yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara dari Sabah dan Sarawak untuk mempelajari Bahasa Malaysia dan membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat itu berucap dalam Bahasa Malaysia di kedua-dua Dewan Perundangan itu. Oleh itu, saya mencadangkan supaya pertimbangan khas kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara dari Sabah dan Sarawak untuk berucap dalam Bahasa Inggeris di Dewan Rakyat dan Dewan Negara hendaklah dimansuhkan dengan serta-merta dan mereka mulailah berucap di kedua-dua Dewan ini dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, jika betul ingatan saya hanya terdapat sebuah syarikat ataupun agensi Kerajaan Persekutuan sahaja iaitu Sistem Penerbangan Malaysia yang melantik seorang wakil dari negeri Sabah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah MAS. Saya rasa keadaan ini nampaknya kurang menyenangkan rakyat Malaysia di Sabah kerana keadaan ini nampaknya kurang membantu mengekalkan persefahaman dan perkenalan yang lebih mesra di antara pentadbir-pentadbir syarikat-syarikat dan agensi-agensi Kerajaan Pusat yang ada di Semenanjung Malaysia serta di Sabah dan Sarawak.

Terlalu banyak badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan Pusat seperti MARA, FELDA, FELCRA, MIDA, MAJUTERNAK, MAJUIKAN, UDA dan sebagainya dan ada juga bank-bank Kerajaan senerti Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Malayan Bankmo; Berhad, Bank Pertanian dan Bank Pembangunan Malaysia. Hampir semua badan-badan berkanun dan bank-bank ini yang telahpun turut sama dalam usaha-usaha sektor awam dan swasta dalam membantu rancangan-rancangan di Sabah dan Sarawak.

FELDA misalnya telah mempero^ehi tanah pertanian seluas 247,000 ekar darinada Kerajaan Negeri Sabah untuk tanaman koko dan kelapa sawit. Kerajaan Sabah juga telah menerima permohonan tanah pertanian seluas 338,700 ekar daripada FELDA untuk tanaman koko dan kelapa sawit. Saya sungguh gembira dan berterima kasih kepada pihak FELDA kerana daripada kawasan seluas 585,700 ekar tanah pertanian itu tidak kurang daripada 352,250 ekar akan dibuka

sebagai rancangan penempatan untuk tanaman koko dan kelapa sawit dalam kawasan pilihanraya saya. Maka rayuan saya di sini ialah supaya Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan untuk melantik rakyat Malaysia dari Sabah dan Sarawak yang berkelayakan dan berpengalaman untuk berkhidmat dalam Lembaga-lembaga Pengarah, badan-badan berkanun dan bank-bank Kerajaan Persekutuan itu supaya bukan sahaja integrasi nasional dan semangat persaudaraan itu sentiasa wujud dan teguh dalam semua aspek pentadbiran negara, tetapi kami dari Sabah dan Sarawak berpeluang juga mendapat pengalaman untuk mentadbir pula badan-badan berkanun dan bank-bank yang ditubuhkan oleh Kerajaan Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan doktor di hospital-hospital di seluruh Malaysia adalah satu masalah negara yang amat besar dan dihadapi juga oleh semua negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia.

Di Bahagian Sandakan, Sabah dalam mana kawasan pilihanraya saya juga termasuk dalam lingkungan pentadbiran Bahagian Sandakan mempunyai tidak kurang daripada 500,000 orang penduduk yang tinggal dalam tiga buah daerah pentadbiran iaitu Daerah Sandakan, Kinabatangan dan Labuk Sugut.

Dalam Bahagian Sandakan yang mempunyai tiga buah daerah pentadbiran hanya terdapat sebuah Hospital Besar di bandar Sandakan sendiri yang mempunyai 393 buah katil pesakit, seorang Penguasa Perubatan sebagai Ketua Pentadbir Hospital Besar itu dan beliau juga sebagai salah seorang Pegawai Perubatan dan beliau hanya dibantu oleh seorang Clinical Specialist in Surgery dan lima orang doktor perubatan serta tidak lebih daripada lima orang kakitangan perubatan.

Di Daerah Labuk Sugut juga dalam Bahagian Sandakan hanya mempunyai sebuah Hospital Kecil Daerah bertempat di Beluran yang diketuai oleh seorang doktor perubatan dari Burma dan dibantu oleh tidak lebih daripada 20 orang kakitangan perubatan. Di kawasan pilihanraya saya pula hanya terdarat sebuah dispensary dan dua orang kakitangan perubatan. Walau bagaimanapun, saya telah mendapat bisikan secara perlahan-lahan bahawa ada cadangan untuk membina sebuah Hospital **Daerah di situ bertempat di** Kinabatangan tetapi entah bilalah agaknya bangunan itu akan dimulakan.

Di sektor swasta pula, di bandar Sandakan ada terdapat 22 orang doktor perubatan dalam 22 buah klinik yang berasingan. Di kalangan 22 orang doktor swasta ini pula terdapat seorang pakar perubatan (physician) dan seorang pakar perubatan kanak-kanak. Sepanjang yang saya ketahui Malaysia memerlukan seorang doktor bagi tiap-tiap 10,000 orang penduduk.

Saya juga sedar tentang usaha-usaha Kerajaan Persekutuan mendapatkan doktor-doktor dari luar negeri untuk berkhidmat di hospital-hospital di seluruh negara untuk mengatasi masalah kekurangan doktor ini, tetapi usaha-usaha gigih Kerajaan Pusat ini belum begitu berhasil kerana negara-negara lain di dunia juga kekurangan doktor. Oleh itu, sukalah saya mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan mendapatkan khidmat-nasihat dari pakar-pakar perubatan swasta atau doktor-doktor yang berpengalaman dari pihak swasta juga untuk membantu para doktor kita di Hospital-hospital Besar Kerajaan. Caranya ialah melantik doktor-doktor swasta ini sebagai perunding perubatan kehormat untuk memberikan khidmat mereka di hospital-hospital pada jangka waktu yang ditetapkan dan juga dengan kadar bayaran honorarium yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sidang Dewan yang mulia ini pada 16hb Jun tahun ini, Kerajaan Pusat telah meminta kelulusan peruntukan sebanyak 5117.464,366 untuk membina beberapa mini hydro generator untuk menyampaikan bekalan elektrik ke beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia. Pada 31hb Oktober yang lalu kita terbaca di dalam surat-suratkhabar mengenai pengumuman Kerajaan untuk menaikkan lagi bayaran harga bekalan elektrik mulai dari lhb Disember, 1980 bagi mencuba menghapuskan kerugian Lembaga Letrik Nesara yang berjumlah $1 juta setiap hari. Antara lain sebab yang diberikan oleh Kerajaan bersabit dengan kerugian harian Lembaga Letrik Negara yane begitu besar ia^h kenaikan harga minvak untuk men^hidimkan generator-generator bekalan elektrik kita. Kenaikan bavaran bekalan eiektnk ini bukan sahaia mengsreK<^hkan sebahamsn daripada rakvat kita, b^hkan rfatihan-rintihan daripada pengusaha-pengusaha indusfri besar di negara ini telah mulai dapat kita baca di

surat-suratkhabar terutamanya di ***The Business Times*** terbitan dalam Malaysia sendiri.

Saya berpendapat ada cara jangka panjang lagi yang mampu kita laksanakan untuk mengatasi kenaikan kos bekalan elektrik ini. Di Malaysia banyak terdapat sungai-sungai yang lebar dan panjang yang boleh dibinakan ampangan untuk digunakan sebagai punca bekalan hydro electricity. Umpamanya, di kawasan pilihanraya saya iaitu Sungai Kinabatangan ialah sungai yang paling panjang dan lebar di Malaysia dan juga di Asia Tenggara iaitu sepanjang 350 batu. Dengan itu, sukalah saya mengulangi rayuan saya dalam Dewan yang mulia ini pada 16hb Jun yang lalu supaya Kerajaan Persekutuan membina ampangan besar di pertengahan Sungai Kinabatangan bagi memperolehi tiga hasil yang besar.

(1) Menggunakan ampangan itu untuk membina haidro-letrik jenerator bagi menampung bekalan elektrik, bukan sahaja bagi kawasan Pantai Timur negeri Sabah tetapi mungkin boleh juga membekalkan tenaga elektrik untuk seluruh negeri Sabah.

Saya tahu bahawa pembekalan tenaga letrik bagi negeri Sabah adalah tanggungjawab Lembaga Letrik Sabah tetapi Lembaga Letrik Negara juga mempunyai kekurangan kewangan dan kakitangan professionalnya sendiri dan dalam keadaan beginilah saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya dapat memberikan peruntukan kewangan yang cukup untuk melaksanakan pembinaan ampangan besar di Sungai Kinabatangan itu bagi mencapai faedah yang telah saya sebutkan awal tadi.

Kerajaan Negeri Sabah telah mengenakan kuota eksport kayu balak ke luar negeri dan akhirnya mungkin mengharamkan sama sekali eksport kayu balak Sabah di pasaran antarabangsa dengan tujuan untuk mewujudkan wood-based dan agro-based industry yang besar di Sabah. Kerajaan Sabah juga bercadang mendirikan beberapa processing plants yang besar untuk memproses hasil tanaman koko dan kelapa sawit dari pekebun-pekebun kecil yang luas tanah pertanian mereka akhirnya akan meningkat berjuta-juta ekar.

Selain daripada itu, industri-industri besar binaan kapal bermuatan jutaan tan sedang memulakan kerja-kerja mereka di Sabah terutamanya di Pulau Labuan. Di sinilah keadaan mendesak sekali keperluan tenaga elektrik yang banyak di Sabah. Kita di Sabah penuh yakin walaupun pembinaan ampangan Sungai Kinabatangan itu akan menelan yang besar dan akan memakan masa yang agak lama melaksanakannya tetapi dengan terlaksananya projek ini maka kos bekalan elektrik di Sabah tentu sekali akan menjadi murah dan dapat pula memenuhi keperluan-keperluan pertumbuhan ekonomi Negeri Sabah dalam sektor pertanian dan perindustrian untuk beberapa dekad yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan bahawa lebuhraya Sandakan/Lahad Datu akan dibubuh tar dalam Rancangan Malaysia Keempat memandangkan bahawa terdapat ratusan ribu ekar tanah pertanian sama ada milik pekebun-pekebun kecil, FELDA atau pelabur swasta terletak di sepanjang lebuhraya ini. Oleh itu inginlah saya mengulangi rayuan saya dalam Dewan yang mulia ini pada 16hb Jun, 1980 supaya sebatang jambatan besi akan dibina untuk menghubungi Lebuhraya Sandakan / Lahad Datu dan mengelakkan peristiwa kehilangan jiwa ketika feri yang ada sekarang ini terbalik di pertengahan Sungai Kinabatangan. Pembinaan jambatan ini juga akan membolehkan pengguna-pengguna lebuhraya itu menggunakan lebuhraya itu setiap masa kerana dalam keadaan sekarang ketika feri itu rosak atau Sungai Kinabatangan banjir, maka perhubungan antara Tawau/Lahad Datu/Sandakan dan Kota Kinabalu yang semuanya nielintasi Sungai Kinabatangan dengan menggunakan feri itu akan terputus berminggu-minggu dan kadang-kadang berbulan-bulan lamanya.

Saya juga tahu bahawa Kerajaan akan menggunakan air dari Sungai Maliau untuk punca bekalan air bagi Bahagian Sandakan. Saya rasa langkah ini hanya merupakan langkah jangka pendek kerana Sungai Maliau hanya boleh membekalkan air kepada kawasan Bahagian Sandakan sahaja. Air dari Sungai Kinabatangan bukan sahaja boleh membekalkan air untuk Bahagian Sandakan dan pantai Timur Sabah tetapi Sungai Kinabatangan mungkin juga boleh membekalkan air ke seluruh negeri Sabah.

Di sini saya sekali lagi mohon bantuan Kerajaan Pusat untuk melaksanakan rancangan jangka panjang bekalan air ini. Selain

daripada air Sungai Kinabatangan itu digimakan untuk keperluan harian di rumah-rumah, air itu juga boleh digunakan olch berbagai kompleks-kompleks perindustrian yang besar-besar yang sedang berjalan sekarang dan yang sedang didirikan serta yang sedang dirancangkan untuk wood-based and agro-based industries di Sabah.

Dengan terbinanya ampangan Sungai Kinabatangan itu maka semua kawasan Kuala Kinabatangan seluas beratus ribu ekar itu akan terselamat daripada banjir dan bolehlah kemudiannya dibangunkan untuk pertanian dan perindustrian sama ada oleh pihak Kerajaan atau pelabur dalam dan luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sabah ini kadang-kadang bernasib baik dan beruntung dan ada kalanya pula berkeadaan runsing sedikit. Saya katakan bernasib baik ialah kerana Sabah adalah salah sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia yang menikmati keamanan hidup, kemakmuran dan kestabilan politik hasil bimbingan dan tunjuk ajar pemimpin-pemimpin Kerajaan Persekutuan, terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Negeri Sabah beruntung kerana jarang benar Kerajaan Persekutuan menolak permintaan-permintaan kami mendapatkan bantuan kewangan dan kemahiran tenaga manusia untuk memajukan lagi negeri Sabah setaraf. . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Saya benarkan Ahli Yang Berhormat bercakap satu minit lagi.

**Tuan Abdul Ghani bin Misbah:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya habiskan point ini sahaja dan yang lain akan saya bawa dalam Jawatankuasa, saya minta satu minit lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah.

**Tuan Abdul Ghani bin Misbah:** ...... setaraf dengan negeri-negeri lain di Malaysia yang telah lebih maju daripada negeri Sabah.

Hanya satu perkara yang agak merunsingkan kami pada masa ini ialah ancaman kecil yang mungkin menimpa pembangunan pertanian secara besar-besaran yang sedang berjalan sekarang di Sabab, terutamanya tanamari koko. Seperti yang saya nyatakan dalam awal ucapan saya ini, Kerajaan Barisan Nasional di Sabah pimpina'n Y'ang Amat Berhormat Datuk Harris Salleh telah menubuhkan beberapa agensi Kerajaan untuk memajukan pertanian dan belifau telah menggubal dasar pembahagian tanah supaya setiap rakyat yang tidak mempunyai tanah pertanian afcan memperolehi sekurang-kurangnya 15 ekar tanah pertanian sekeluarga untuk kegunaan pertanian. Kerajaan Pusat pula melalui FELDA telah juga membantu negeri Sabah membuka ratusan ribu ekar tanah pertanian yang kebanyakannya akan ditanam dengan koko.

Pada perhitungan awal Kerajaan negeri Sabah setakat ini telah membenkan kira-kira satu juta ekar tanah pertanian kepada pekebun-pekebun kecil. FELDA telah memperolehi 585,700 ekar dan Koperasi Pembangunan Desa, sebuah agensi Kerajaan Sabah telah memiliki tanah pertanian tanaman koko seluas 60,000 ekar. Perhutungan ini tidak termasuk beberapa ratus ribu ekar tanah yang telah diberikan kepada peiabur-pelabur swasta sama ada dari Malaysia sendiri atau dari luar negeri seperti dari negara-negara sahabat di Timur Tengah. Kira-kira 70% daripada tanah pertanian yang telah diberikan oleh Kerajaan Sabah itu akan ditanam dengan koko dan selebihnya ialah untuk tanaman kelapa sawit dan getah.

**Tuan** (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat dari Ulu Muda.

*5.28 ptg.*

Tuan Hashim bin Eisdut **(Ulu Muda):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dalam Dewan yang mulia ini sama juga seperti dengan rakan-rakan saya terdahulu kerana memberikan sokongan atas ucapan anggaran Belanjawan 1981 yang telah dlbentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Malaysia pada 17hb Oktober, 1980 baru lalu. Jumlah anggaran Belanjawan yang dicadangkan ini ialah sebanyak $23,077 billion bagi anggaran Belanja mengurus dan Anggaran Belanja Pembangunan. Ini adalah satu angka yang terbesar sekali pernah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Ini membuktikan betapa jujur dan ikhlasnya Kerajaan Barisan Nasional hendak menjadikan rakyat di negara ini sebagai negara

aman, makmur dan pesat dengan pembangunan dan menjaminkan keselamatan seluruh rakyat jelata dari berbagai kaum.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia semenjak merdeka sungguh sangat bertuah kerana rakyatnya bijak memilih satu Kerajaan yang stabil, dinamis lagi bertanggungjawab kepada rakyat dalam berbagai bidang aktiviti seperti keselamatan, pembangunan, perkembangan ekonomi, sosial dan kebebasan ugama walaupiin ugama Islam sebagai ugama rasmi negara.

Malaysia yang luasnya cuma 330,434 km persegi dan ramai penduduknya 13.6 juta prang dengan tambahan purata penduduknya begitu stabil sebanyak 2.68% berbilang bangsa kaum adalah sebuah negara yang aman, makmur lagi berdaulat. Ekonomi Malaysia dengan Keluaran Negara Kasar berkembang sebanyak 8% dan dijangka berkembang dengan pesat dalam tahun 1980an ini, mpskipun terdapat kemerosotan ekonomi antarabangsa di seluruh dunia dalam jangka masa yang sama, tekanan inflasi dijangka bertambah disebabkan oleh perkembangan ekonomi antarabangsa dan juga ekonomi dalam negeri tetapi walaupun begitu imbangan pembayaran akan terns kukuh dan kuat. Bersyukurlah kita kepada Allah s.w.t. yang inflasi kita ini masih lagi di antara yang paling rendah di dunia dan di samping itu ekonomi kita di antara yang paling pesat kadar pembangunannya.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kerana kepercayaan rakyat kepada parti pemerintah, kepada Kerajaan Barisan Nasional yang mempunyai sebuah Kabinet, Kerajaan yang berjiwa rakyat yang sentiasa mementingkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan diri sendiri. Kenyataan ini dapat dibuktikan secara menyeluruh dalam ucapan Belanjawan tahun 1981 yang dibuat oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Menteri Kewangan Malaysia dalam Dewan yang mulia ini tempoh hari.

Saya dan juga seluruh rakyat dari kawasan Ulu Muda ingin merakamkan penghargaan yang tinggi kepada Yang Berhormat Mulia kerana dapat membuat rangka Belanjawan tahun 1981 sebagai satu Anggaran Belanjawan yang agak lapang dada semua orang. Bagi rakyat yang berpendapatan rendah terutama sekali kepada kaum tani, kaum buruh, pekebun-pekebun kecil dan juga kaum-kaum nelayan yang terdiri kebanyakannya daripada kaum bumipulra belaka. Adalah menjadikewajipan Ko*ajaan membaiki kedudukan sosio ekonomi, meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk luar bandar yang masih lagi di bawah paras kemiskinan kepada pendapatan yang melebihi paras tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya membuatkan beberapa komen di dalam ucapan dasar yang dibuat oleh Yang Berhormat Mulia itu. Seluruh rakyat boleh kata terutama sekali pegawai-pegawai Kerajaan termasuLah Wakil-wakil Rakyat berasa gembira kerana dengan adanya Laporan Kabinet, dengan adanya Akta-akta baru di dalam Dewan ini kita semua dapat nikmat durian runtuh daripada Kerajaan iaitu kita semua akan dapat naik gaji, tetapi ada juga sungutan-sungutan mengatakan dengan kenaikan gaji baru ini ada juga golongan-golongan seperti Polis dan Askar, kalau dahulu mereka yang berpangkat koperal ke bawah boleh juga masuk 2nd Class, tetapi dengan adanya kenaikan gaji baru ini kononnya pegawai-pegawai Polis dan Askar berpangkat koperal ini ke bawah ditempatkan di Kelas Tiga di dalam hospital. Ini adalah satu perkara yang perlu bagi pihak yang berkenaan mengkaji semula kerana ketokohan Polis dan Askar adalah sangat penting kepada negara dan pihak Kerajaan mestilah mengambil berat, berikanlah keistimewaan kepada mereka ini, kalau mereka ini private sekalipun berikanlah 2nd Class apabila mereka naik keretapi ataupun mereka ini masuk di dalam hospital.

Tuan Yang di-Pertua, banyak rakan-rakan saya telah bercakap berkenaan dengan dasar perumahan negara dan sebagainya. Kalaulah kadar tambahan penduduk seperti yang saya maksudkan tadi 2.68% maka sudah tentu masalah perumahan ini tidak dapat diselesaikan dengan begitu mudah dan senang. Oleh yang demikian saya agak adalah elok kalau satu perbadanan ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah-masalah perumahan negara ini supaya tiap-tiap rakyat boleh dapat nikmat daripada rancangan Kerajaan itu.

Saya ingin mengesyorkan kalau boleh di dalam Dewan yang mulia ini kerana rumah-rumah yang dibinakan oleh swasta ataupun pihak Kerajaan begitu banyak, tetapi sampai bilapun tidak mencukupi kerana kita kurang ada dasarnya. Kalau boleh satu Akta mestilah diwujudkan iaitu tiap-tiap seorang mestilah iangan merriiliki lebih daripada dua buah. Bagi orang-orang berugama Islam, orang Melayu macam kita semua ini bolehlah jangan lebih daripada etnpat kerana orang Islam boleh kawin empat—benarkan

mereka meiripimyai emf>at buah rumah kerana mempunyai empat isteri jadi empat buah rumah. Kalaulah Akta itu diwujudkan, kita hadkan fcemacam itu kepada mereka^ maka orang-orang yang hendak mengambil kesempatan hendak mencari untung daripada pemilikan rumah ini dimiliki sekejap dijual-fiya spekulasi itu dan ini tidak akan timbul lagi. Ini adalah sangat perlu dan mustahak supaya masalah perumahan negara ini bukan-lah masalah kita sahaja malah seluruh negara, seluruh dunia masalah ini adalah datang begitu kuat, mendadak begitu kuat sekali yang mana sukaf bagi Kerajaan untuk menye-lesaikannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru balik dari Kedah dua hafi yang lepas, saya sempat juga melaWat ke hospital kerana ada orang kawasan saya masuk hospital. Pada masa dahulu kita dapati sangat sukar orang-orang kampung hendak percaya bahawa hospital itu bagus dan baik dan ada juga rungutan-rungutan mengatakan doktor sombong, juru-rawatnya bengis dan sebagainya. Tetapi se-baliknya bukanlah perkara-perkara itu se-ngaja dijadikan begitu, kadang-kadang doktof dan jururawat-jururawat terpaksa bekerja lebih daripada masa biasa. Kita ticapkan syabas kepada mereka kerana sanggup mem-bebankan tenaga memberi khidmat kepada rakyat terutama sekali rakyat di kawasan luar bandar.

Saya sungguh sedih melihat keadaan di Hospital Alor Setar dalam dua hari yang lepaS. Sebuah Wad yang boleh mengisi dalam 30 pesakit ditempatkan sehingga 40 atau 50 orang pesakit. Ini sungguh mendukacitakan dan inilah sebabnya yang menyebabkan pe-sakit-pesakit apabila datang ke hospital di-periksa sambil lewa sahaja cJeh doktor kerana doktoi* takut kalau dimasukkan beliau ke dalam hospital maka tidak ada tefnpat untuk pesakit itu boleh berubat. Malah keadaan tiap-tiap Wad terutama sekali Wad Bersalin di Alor Setar nampaknya melempah-lempah ke-luar, bukan duduk di dalam wad tstapi di luar wad, di kaki-kaki lima. Ini perlulah saya minta kerjasama Kementerian Kesihatan supaya bangunan-bangunan wad Hospital di Alor Setar yang mana terdirinya sebelum saya wujud dalam dunia ini perlulah diganti-kan dengan segera supaya dengan adanya tambahan wad-wad baru itu kita percaya lebih ramailah pesakit-pesakit dapat hikniat daripada hospital ini, ataupun pihak Kemen-teriarit italaulah agak susah sangat hendak buat hospital tambahan, Wad-wad tambahan di Alor Setar maka perlulah juga Kemente-rian Kesihatan ini memikif di kawasan luar daripada Alor Setar seperti di Kuala Nerang, di Pendang, di Jitra dan sebagainya perlu kita wujudkan feeberapa buah hospital lagi supaya kesesakan di Hospital Besar Alor Setaf itu tidak akan timbul lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang agak penting yang kita tengok akhir-akhir ini kebanyakan projek-projek peni-bangunan Kerajaan seperti membuat sekolah, membuat kliiiik-kiinik, membuat hospital banyak tergendala. Ramai rakan-rakan saya terdahulu daripada saya mengatakan Kemen-terian Buruh dan Tenaga Rakyat patutlali memberi latihan kepada pekefja-pekerja mahir. Yang sebenarnya kita ada cukup tenaga mahir di dalam negara kita, tetapi malangnya segala tenaga-tenaga mahir ini mengalir keluar ke negara jiran, kerana mereka percaya pendapatan di negara itu lebih sedikit. Oleh yang demikian. kerana hendak menjayakan projek pembangunan di dalam negara kita sendiri kita patutlah menghalangkan ataupun mengintroducekan satu sistem buruh-buruh kasar ini, kalaulah pergi ke negara jiran bekerja janganlah pergi lebih daripada dua tahun, mereka mesti balik bertugas ataupun bekerja di dalam negara kita sendiri, insya-AUah saya percaya kalau-lah pihak Imigeresen menahan mereka ini daripada berhijrah ke negarasnegara jiiran membuat kerja-kerja buruhan seperti buruh kasar dan sebagainya ataupun pekerja-f>e-kerja mahir di Singapura dan sebagainya, maka dengan jalan itu kita mendapat ke*-mudahan bagi pihak pemborong-pemborong senang boleh dapat pekerja-pekerja di dalam negara ini yang maiia pada hari ini itulah yang menjadi soal pdkbk mengapa pem-borong-pemborong buiriiputra gagal kerana tidak ada pekerja mahir di dalam negeri sendiri, tetapi kita latih mereka ini begitu banyak sekali, MARA beri latihan, Kemen-terian Buruh beri latihan dan Iain-lain badan lagi memberi latihan, tetapi setelah berlatih mereka pergi berhijrah ke negara jiran. Mereka makan gaji tidak hendak balik ke sini, ini kalau boleh kita hadkan kepada mereka boleh pergi tetapi janganlah duduk lama di sana.

SemaSa saya berada di Tanah Suci Mekah saya dapat berita mengatakan Balai Polis di B&tti Pahat diserang oleh orang-orang tak tentu hala, orang-orang yang diaiigga^ sebagai gila-gila, dari mana datanghya mereka ini waallahu ^alam, saya tidak tahii,

tetapi saya sendiri berasa gelisah kerana ini adalah kejadian yang kedua yang datangnya secara mendadak. Kejadian yang pertama di Wisma Negeri, Alor Setar secara mendadak, tunjuk perasa&n berlaku, baru-baru ini di Batu Pahat beberapa orang gila telah masuk melanggar Balai Polis. Yang eedih sekali saya agak pihak Polis patutlah ambil ingatan bahawa patutlah kuatkan lagi pihak Perisik, kalaulah pihak Perisik Polis atau Special Branch betul-betul bertugas mengikut lunas seperti mana dikehendaki perkara-perkara yang seumpama ini tidak akan berlaku di mana-mana ataupun bila-bila masa juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati kepada ucapan rakan saya dari Kota Setar. Dalam ucapan beliau 3 hari yang lepas beliau ada menyait'akan: Mengapa mereka ini di luar hendak hentam kita, di dalam Dewan inipun hendak hentam kita! Dia marah kita attack PAS. PAS mengatakan yang kita ini kafir mengkafir—itu ada cerita lama. Memang benar cerita lama kerana Parti PAS ini memang bawa lagu-lagu lama maka sebab itulah kita bangkitkan masalah itu. Mungkin juga Wakil dari Kota Setar itii tidak kata dirinya tetapi leftenannya, mejarnya, privatenya di kampung masih mengkafirkan orang. Ini adalah satu perkara yang mana perlu, kalau boleh pihak Jabatan Ugama dan Jabatan Polis patut sangat mereka itu, kalau betul mel&mpau sangat, tahanlah mereka di bawah ISA sekejap sepertimana yang berlaku dahulu.

Beliau membangkitkan dapatnya subsidi padi adalah hasil perjuangan daripada pak tani. Yang sebenarnya dia hendak kata Parti PASlah yang berjuang. Hari ini heboh di Alor Setar mengatakan kerana PAS tunjuk perasaanlah yang dapat subsidi lebih. Itu adalah satu perkara yang dusta. Sebenarnya Kerajaan kita ada cukup wang dan Kerajaan kita sanggup hendak memberi kepada rakyat yang miskin seperti pak tani. Ini adalah kewajipan. Tunjuk perasaan di Wisma Negeri itu yang sebenarnya bukanlah menuntut harga padi tetapi itu hanya hendak try kekuatan PAS yang ada sedikit itu. Dan apa yang diakui oleh setengah dari orang-orang mereka yang ditangkap itu jelas sekali bahawa tnereka inilah yang jadi penghasut, pengacau yang menyebabkan terjadinya pergaduhan ataupun tunjuk perasaan di Wisma Negeri di Alor Setar jfada awal tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Kedah perkara ini sungguh sangat berkesan sekali kerana beberapa orang pemimpin-pemimpin PAS yang gagal di dalam pilihanraya dengan begitu lincah dan begitu rancak sekali pergi ke kampung mengkafirkan orang itu dan ini dan saya menafikan apa yang dikatakan oleh Wakil dari Kota Setar itu bahawa parti beliau tidak mengatakan ini. Ini adalah jelas sekali, inilah permainan mereka dan insya Allah kalaulah ini permainan mereka, kita tunggu bila sahaja ada pilihanraya, kita tengok sama ada mereka kuaitkah aitaupun kita. Kita boleh cuba dan tengok pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak memadailah kalau saya bercakap setakat itu kerana ramai lagi rakan-rakan saya di sebelah kiri kanan ini hendak bercakap. Kalau saya memakan masa yang lebih, mereka akan marah kepada saya, jadi memadailah ucapan saya seberapa yang ringkas ini dan pada keseluruhannya, saya sokong ku'at di aitas Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Malaysia, seorang yang betul-betul bijak sejak beliau mengambil alih sebagai Menteri Kewangan Malaysia dan kita nampak Belanjawan yang dibentangkan oleh beliau itu adalah satu jenis Belanjawan yang tidak membebankan sesiapa.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Gerik.

*5.44 pig.*

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain untuk menyokong ucapan Belanjawan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan dasar Kerajaan hendak membasmi kemiskinan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan oleh kerana lebih banyak lagi kawasan-kawasan akan dibuka dan akan diusahakan di bawah rancangaii pembangunan tanah.

Di dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Mulia Menteri ada menyatakan bahawa 165,000 ekar tanah lagi akan dibuka dan 27,000 ekar lagi akaii dipulihkto dan

kira-kira $111 juta telah disediakan untuk membina kemudahan-kemudahan infrastruktur sosial untuk memudahkan pembangunan di kawasan-kawasan ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat)*

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan oleh kerana pada masa ini pihak FELDA juga sedang dalam proses membuka kawasan seluas 23,300 ekar di Lawin di dalam kawasan Parlimen Gerik untuk tanaman getah. Mengikut satu kajian yang telah dibuat oleh seorang siswazah Ph.D yang juga seorang pensyarah di Universiti Kebangsaan, pendapatan purata seorang peneroka di FELDA Bersia, Gerik dengan tanaman getah adalah lebih kurang $550 sebulan bagi keluarga yang mendapat pendapatan paling rendah dan yang mendapat pendapatan yang paling banyak ialah $1,250 sebulan.

Saya mempunyai keyakinan bahawa pembukaan tanah secara besar-besaran oleh FELDA di kawasan-kawasan yang baru, yang jauh daripada kampung-kampung traditional tidak akan melibatkan kebimbangan kepada masyamkat di sekeliling kawasan FELDA itu oleh kerana letaknya kawasan-kawasan FELDA itu begitu jauh dari kampung-kampung traditional. Malahan pembukaan kawasan-kawasan FELDA ini akan memberi nikmat kepada penduduk-penduduk yang terpencil dari segi ekonomi oleh kerana adanya peningkatan aktiviti ekonomi di kawasan yang berkenaan.

Penduduk tempatan akan merasai nikmat kenaikan harga barang-barang keluaran pertanian mereka hasil dari pembukaan-pembukaan tanah di sekitar kawasan mereka iitu. Belia-belia dan beliawanis-beliawanis di kawasan-kawasan yang berkenaan akan diambil bekerja di dalam ladang-ladang FELDA dan ini akan mengurangkan pengangguran di kalangan belia di luar bandar dan akan meningkatkan lagi aktiviti ekonomi di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, jikalau FELDA mengambil tanah-tanah ataupun FELDA membuka tanah-tanah di kawasan yang berhampiran dengan kampung-kampung traditional dan jikalau pihak FELDA pula tidak memberikan keutamaan kepada penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran dengan kawasan-kawasan yang hendak dibuka itu untuk memasuki FELDA, maka sudah tentulah satu masalah sosio-ekonomi akan timbul di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Misalnya hari ini di kawasan Lawin,. FELDA akan membuka satu kawasan seluas 23,300 ekar tetapi hari ini penduduk-penduduk di kawasan ini tertanya-tanya sama ada mereka yang layak untuk masuk menjadi peneroka FELDA akan diambil ataupun tidak. Jikalau mereka ini tidak diambil untuk masuk ke rancangan-rancangan FELDA, maka mereka ini akan menghadapi satu masa hadapan yang begitu gelap sekali oleh kerana tanah-tanah di sekitar kampung mereka ini telahpun diambil oleh pihak FELDA dan sudah tentulah mereka ini tidak akan mendapat tanah di sekitar kawasan kampung mereka untuk dibuka ataupun diteroka.

Oleh itu saya berharaplah kepada pihak FELDA di masa-masa yang akan datang jikalau satu-satu kawasan itu hendak dibuka dan jikalau kawasan-kawasan ini berhampiran dengan kampung-kampung traditional yang sedia ada miaka pihak FELDA mestilah memberi keutamaan kepada penduduk-penduduk di kampung-kampung traditional ini untuk memasuki sebagai peserta di dalam rancangan FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan FELDA ini bukan sahaja mendapat sanjungan daripada pihak Ahli-ahli Kerajaan tetapi kejayaan FELDA ini telah juga mendapat sanjungan dasipida pihak Pembangkang. Kejayaan-kejayaan di bawah rancangan-rancangan yang telah dijalankan oleh Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru hari ini bukan sahaja mendapat sanjungan daripada pihak anggota Kerajaan, tetapi juga telah menimbulkan irihati di pihak parti-parti Pembangkang. Kejayaan Kerajaan hari ini untuk meningkatkan lagi penyertaan bumiputra di dalam ekonomi negara bukan sahaja mendapat sanjungan daripada pihak Kerajaan tetapi juga hari ini mendapat sanjungan secara sinis daripada pihak-pihak Pembangkang; sehinggakan ada pihak-pihak Pembangkang yang hari ini sanggup bangun dan mengaku diri mereka sebagai bumiputra walaupun mereka sebenarnya bukan bumiputra.

Say a mengucapkan tahniah kepada pihak Pembangkang yang sanggup mengaku diri mereka bumiputra semata-mata untuk mencapai hasrat dan cita-cita untuk sama-sama mengecap kejayaan Dasar Ekonomi Baru.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah bangun dan mengaku dirinya Bumiputra. Kepada saya pengakuan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu bukanlah satu perkara baru. Ahli Yang Berhormat itu pernah melompat daripada satu parti ke satu parti di dalam politik negara kita ini. Ahli Yang Berhormat pernah men jadi ahli Parti Buruh, ahli Front Socialist, ahli PfiKEMAS dan di akhir-akKir ini menjadi ahli DAP, dan hari ini pula kita mendengar Ahli Yang Berhormat itu ingin menjadi seorang bumiputra semata-mata untuk mengecap nikmat Dasar Ekonomi Bam.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini juga dalam masa negara kita sedang membangun kita mendengar daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa negara kita akan kekurangan tenaga pekerja sama ada di bidang pembinaan mahupun di bidang perladangan dan hari ini juga kita mendengar pihak Pembangkang meminta Kerajaan kita mengadakan National Service ataupun Perkhidmatan Negara di negara kita ini. Bagi pihak sebilangan besar belia-belia di kawasan Parlimen Gerik dan belia-belia yang ada di Negeri Perak hari ini, kami di Negeri Perak menolak sama sekali diadakan National Service di negara kita ini. Oleh kerana hari ini kejayaan Dasar Ekonomi Baru tidak akan mencapai matlamat yang sebenarnya 4anpa ada satu penyertaan yang berkesan dari pihak belia dan dalam masa Dasar Ekonomi Baru hendak mencapai matlamatnya kita berkehendakkan segenap tenaga belia diitumpukan untuk mencapai matlamat ini. Oleh itu, saya menolak dengan sekeras-kerasnya saranan yang dibuat oleh pihak Pembangkang supaya diadakan National Service d^ negara kita ini.

Sebaliknya, saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya tentera-tentera kita diperbesarkan, kalau hari ini kita mempunyai 100,000 lebih tentera kita perbesarkan kepada 300,000 dalam lima tahun yang akan datang. Kalau hari ini kita mempunyai pasukan Polis 100,000 lebih kita perbesarkan menjadi 300,000 orang. Kepada tiap-tiap anggota tentera ini kita adakan pula Askar Wataniah, kepada tiap-tiap seorang tentera kita ada empat orang Askar Wataniah. Kepada tiap-tiap anggota Polis kita adakan empat anggota Relawan supaya jumlah ini akan menjadi 1.2 juta Wataniah dan 1.2 juta Relawan. Ini akan menjadikan tentera kita, polis kita, dan pasukan-pasukan sukarela kita yang terlatih kepada 3 juta orang. Dengan cara ini negara kita tidak akan menanggung beban kerana Tentera Wataniah dan anggota-anggota Rela kita ini tidak akan dibayar gaji. Mereka hamya diberi elaun apabila dipanggil bertugas.

Saya juga ingin mencadangkan supaya pegawai-pegawai kita yang ada di daerah-daerah memasuki pasukan Relawan ini sama ada menjadi anggota RELA ataupun Wataniah. Dengan cara ini, kita akan dapat menyiapkan diri kita untuk mempertahankaii negara kita ini jikalau ada serangan ataupun jikalau negara kita berada di dalam keadaan kecemasan dan dengan cara ini juga belia-belia kita hari ini diperlukan oleh negara, tidak akan terusik. Hari ini kalau kifca adakan Nasional Service kemungkinan ada anak-anak bumiputra yang hari ini sedang menuntut di luar negeri terpaksa dipanggil balik semata-mata untuk bertugas sebagai seorang anggota tentera di dalam pasukan National Service dan sebagainya. Hari ini kalau misalnya ada anak-anak muda kita yang sedang mengambil ilmu kedoktoran di universiti-universiti, mereka juga terpaksa dipanggil untuk berkhidmat di dalam National Service ini. Kita tidak dapat dan kita tidak merelakan anak-anak muda kita ini dipaksa untuk berkhidmat kepada negara dalam tentera ataupun polis kerana hari ini masih ramai anak-anak muda kita yang tinggal di luar-luar bandar ingin menjadi anggota tentera dan juga anggota polis.

Hari ini kita tidak kekurangan tenaga, kita mempunyai ramai sekali belia-belia yang sanggup berkorban untuk mempertahankan Kemerdekaan dan juga kedaulatan negara kita ini. Kita tidak perlu kepada National Service pada hari ini. Tetapi kalau ke$elamatan negara terancam, saya percaya belia-belia yang hari ini tinggal di luar-luar bandar, saya percaya mereka ini tidak akan teragak-agak menawarkan diri untuk mempertahankan negara ini dan pada masa itu saya rasa mereka tidak akan teragak-agak untuk merinikul senjata, bukan kerana kewangan tetapi demi untuk mempertahankan negara ini.,

Kami belia-belia Malaysia hari ini tidak merelakan negara ini dijajah sekali lagi oleh mana-mana pihak kerana hari ini belia-belia yang tinggal di negara kita ini percaya kepada sebuah Kerajaan yang demokratik. Kita percaya sebuah Kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan kita tidak akan teragak-agak untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini juga saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan iaitu sebagaimana yang telah saya katakan tadi matlamat Dasar Ekonomi Baru tidak akan tercapai tanpa adanya penyertaan yang intensif yang berkesan daripada pihak belia. Dengan itu saya ingin mencadangkan supaya peruntukan yang telah diberi kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang hanya diberi sebanyak $17 juta itu dipertingkatkan lagi sekurang-kurangnya menjadi $50 juta. Saya menyarankan perkara ini ialah kerana pada hari ini pertumbuhan industri hanya berada di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan bandar. Saya mencadangkan supaya pihak Kementerian menjalankan satu kajian bersama-sama dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mengadakan "cottage industries" di kawasan-kawasan luar bandar dan saya mencadangkan kepada Kementerian Perdagangan supaya memberi insentif-insentif sama ada dari segi cukai atau daripada galakan pelaburan untuk menibolehkan industri-industri yang kecil ini diadakan di kawasan-kawasan luar bandar.

Saya juga ingin mencadangkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengadakan satu kajian untuk mengadakan cottage industry ini di kawasan luar bandar dan mereka juga hams mendirikan kilang-kilang di kawasan luar bandar memberi latihan kepada belia-belia di kawasan luar bandar dan mereka juga harus memberi modal kepada kilang-kilang ini dan apabila projek-projek ini didapati viable dan sudah memberi keuntungan yang memuaskan, maka projek-projek ini hendaklah dipindahmilikkan kepada belia-belia yang ada di kawasan luar bandar. Dengan cara ini saya percaya hasrat dan cita-cita kita untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru di mana pihak bumiputra akan mendapat sekurang-kurangnya 30% penyertaan dalam ekonomi negara akan mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang in sin saya bangkitkan ialah berkenaan dengan kekurangan daging di negara kita ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian kenapakah hari ini Kerajaan hanya menjual daging yang murah di kawasan Kuala Lumpur dan juga di Johor Bahru. Misalnya, pada Hari Raya yang lepas daging-daging yang dijual oleh Majuternak hanya dijual di kawtasan Lembali Kelang dan di Johor Bahru. Adakah ini bermakna Kerajaan hanya menjual daging di kawasan* kawasan di mana rakyat mampu membeli daging. Bagaimanakah dengan kawasan* kawasan di luar bandar, bagaimanakah dengan kawasan misalnya di Parit, kawasan-kawasan di sekitar Ipoh, kawasan-kawasan lain misalnya di Seremban, di Melaka dan sebagainya.

Saya ingin mencadangkan kepada Majuternak supaya Majuternak juga dapat membekalkan daging ke seluruh negara dan selain daripada itu hari ini dengan cara Majuternak menjual daging, Majuternak merupakan sebagai saingan kepada mereka yang menjadi penternak di negara kita ini. Saya ingin mencadangkan kepada Majuternak supaya mereka membuka lebih banyak lagi ladang-ladang untuk memb Ja lembu dan di sekitar ladang-ladang ini diberi pula cara pawah, misalnya, sepuluh ekar kepada tiap-tiap satu keluarga untuk memtela lsmbu di sekitar kawasan di mana Majuternak membeli lembu. Dengan cara ini Majuternak dalam masa mereka mengadakan ladang-ladang untuk membela lembu ini mereka juga dapat memberikan kemahiran kpada penduduk-penduduk yang ada di sekitar kawasan di mana mereka membela lembu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kata Menteri Kewangan, kita akan kekurangan tenaga pekerja dalam binaan sebanyak 35,000 orang dan kita juga akan ada kekurangan tenaga pekerja di bidang perladangan sebanyak 68,000 orang pada tahun 1981. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya satu rancangan untuk memodenkan Dertanian di negara kita ini dilancarkan dengan berkesan sekali. Misalnya hari ini kita mendapat tahu kita dimaklumkan yang harga padi akan meningkat kepada $40 sepikul dengan adanya subsidi kupon yang diberi oleh Kerajaan. Tetapi hari ini petani-petani kita yang tinggal di kawasan-kawasan Jelapang Padi mempunyai masalah yang besar. Sungguhpun mereka boleh menanam padi di atas kawasan lima ekar misalnya, tetapi mereka menghadapi masalah

untuk menuai padi oleh kerana adanya kekurangan pekerja-pekerja ataupun penuai-penuai di musim menuai. Dan begitu juga dengan tanah-tanah pekebun-pekebun kecil. Sungguhpun hari ini Kerajaan memberi satu $ubsidi sebanyak $2,200 pada tiap-tiap seekar, tetapi hari ini b^iiyak sekali pekebuix-pekebun kecil di kawasan-kawasan lu#r jbandar yang mana kebun-kebun getah mereka fid^ lagi ditoreh <?leh Jcerana tidak ada prang yang hendak menorsh getah, kerana Eamai sekali psnduduk-pend^uk luar bandar hjari ini telahpun berhijrah ke bandar. Oleh Jtu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin men-<p$dangkan kepada pihak Kerajaan supay$ s^tu solusi untuk mengatasi masalah-masglah ini dapat dicari oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya imgin-iah sekali lagi menyokong usul Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Ber* hormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Raub.

£.0/ *ptg.*

Tuap Tan Koon Swan (Raub): Tuan Yang jdi-Pertua, saya bangun untuk menyokong UJSUI mengenai Belanjawan 1981 yang di" ipadangkan oleh Menteri Kewangan Yang Berhormat Mulia Tengku Tan JSri Razalejgl Hamzah.

Bersaijia-sama dengap negara, saya ingin memuji Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan pegawai-pegawainya atas Belanjawan yang innovative dan compassionate yang boleh menjadi tauladan sebagai usaha yang mengandungi kemahiran dan pandangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa suka hati perhatikan bahawa Belanjawan 1981 mengandungi satu dimension baru dalam strateginya. Selain dari memajukan perkembangan ekonomi dan mengawal inflasi strategi Belanjawan juga ditujukan bagi membantu rakyat-rakyat kecil. Strategi serampang tiga mata ini menunjukkan kehendak-kehendak Kerajaan untuk memperkembangkan ekonomi negara kita supaya mempastikan bahawa selaras dengan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru, peluang-peluang adalah meneukupi bagi semua rakyat Malaysia. Dia juga menunjukkan kesedaran Kerajaan tentang masalah-masalah rakyat kecil dalam pernfogaaii yang disebabkan oleh inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang kesusahan dalam membentuk belanjawan yang bertujuan untuk mendorong perkembangan ekonomi dan juga mengawal inflasi. Mereka adalah strategi yang berlawanan. Langkah-langkah yang dapat mendorong perkembangan dan pembangunan akaij menyebabkan inflasi sementara langkah-langkah untuk mengawal inflasi akan menyekat perkembangan ekonomi.

Oleh yang demikian, langkah-langkah fizikal dan kewangan yang diambil oleh Kerajaan untuk mencapai kedua-dua objektif pada masa yang sama memang bertentangaa. Sementara saya menghargai kesusahan ini, saya ingin memberi beberapa pandangan di mana contradictions adalah serious jika <fe biarkan sahaja.

Kita mengenali bahawa inflasi adalah mu$uh ekonomi utama kita. Inflasi akan menyebabkan kehidupan rakyat kecil lebih susah. Inflasi akan menjadikan rumah-rumah •lebih susah dibeli, lebih susah untuk berniaga 4an untuk menikmati taraf kehidupan yang menasabah. Inflasi bukan sahaja satu masalah ekonomi dia juga adalah satu social $core. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengawal inflasi. Satu strategi ialah untuk menyekat bekalan wang melalui mengeringkan liquidity yang melebihi. Langkah ini bersama-sama dengan kawalan yang telah menghasilkan sekatan kredit di mana kadar-kadar faedah sedang meningkat di jiegara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekatan kredit ini telah menghasilkan satu dilemma ekonomi. Kerajaan bertujuan untuk memajukan perkembangan ekonomi oleh kerana hany^ melalui perkembangan dapatlah pembahagian semula selaras dengan Dasar Ekonomi Baru dicapai. Sebaliknya, Dasar Kewangan Kerajaan dengan menyekat kredit melambatkan perkembangan. Oleh itu beberapa soal berbangkit sama ada sekatan kredit' itu disebabkan oleh kekurangan liquidity yang sebenar atau dihasil dari campuran Kerajaan artificial dalam pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya menyokong cubaan-cubaan Kerajaan dalam mengawal inflasi, satu objektif yang mustahak dengan sendirinya saya menyoal kaedah-kaedah yang digunakan khasnya pada masa critical ini dalam pembangunan nasional kita. Ini bukan satu soal yang senang dijawab

sementara prinsip-prinsip ekonomi kewangan seperti yang dikemukakan oleh ahli-ahli ekonomi kewangan seperti Milton FRIEDMAN dan Sir Keith Joseph di Britain menyatakan bahawa perubatan yang baik bagi mengawal inflasi ialah untuk menyekat perbekalan wang. Orang-orang lain bersetuju bahawa cara seperti ini adalah kejam, menyakitkan dan tidak bertanggungjawab dari segi sosial.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan am ialah inflasi boleh disekat melalui mechanism pasaran di mana pertandingan yang membenarkan permintaan dan perbekalan untuk menentukan harga pasaran. Oleh yang demikian, saya berasa bahawa Kerajaan patut mengambil sekatan langkah-langkah untuk menambahkan perbekalan dan bukan melalui kredit supaiya menyekat permintaan. Kes perindustrian perumahan adalah satu contoh. Hanya melalui menambah perbekalan rumah-rumah dapatlah permintaan pasaran ditemui dan kenaikan harga artificial dikawalkan. Inflasi tidak dapat dikawal dengan menyekat permintaan khasnya dalam industri perumahan. Perumahan adalah satu daripada keperluan asas manusia, menyekatnya hanya menanggungkan masalah ini. Dia tidak menyelesaikannya dan apabila sekatan ini dibebaskan masalah ini akan menjadi lebih besar dalam negara dan dimensionnya. Penyelesaian kepada masalah ini adalah perancang sistematik yang boleh membenarkan perkembangan dalam perbekalan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang mengawal kelulusan tanah. Keputusan arbitrary atau sekatan-sekatan yang tidak patut dikenakan ke atas kelulusan-kelulusan tanah hanya membesarkan masalah ini. Saya berasa bahawa satu kajian semula ke atas perkara ini adalah perlu.

Kerajaan mesti elak dari satu suasana di mana rakyatnya melihat tindakan-tindakan sebagai contradictory dari matlamat-matlamatnya, jurang kepercayaan ini hendaklah disempitkan. Bersekutu dengan soal sekatan kredit adalah soal berkenaan dengan kadar faedah yang sedang naik, ini bukan sahaja akan menyebabkan keadaan yang tidak stabil dalam sistem kewangan kita tetapi juga akan memberi bahan api kepada inflasi, satu musuh ekonomi yang kita cuba mengawalnya. Saya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya membantu menurunkan kadar-kadar faedah; jika tidak, industri-industri kita akan berhenti dan perkembangan yang kita harap-harapkan tidak akan menjadi.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga satu contradiction besar yang lain. Ini berhubung dengan objektif-objektif sosial kita dalam Kerajaan dan latihan. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bahawa negara kita memerlukan 500,000 pekerja yang terlatih dalam berbagai-bagai bidang bagi tempoh 10 tahun yang akan datang. Ini adalah perlu untuk mehemui keperluan ekonomi kita yang sedang berkembang. Pada masa yang sama Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa institusi-institusi Kerajaan hanya dapat melatih 220,000 orang dalam tempoh ini. Dengan lain perkataan terdapat kekurangan sebanyak 280,000 pekerja terlatih bagi tempoh 10 tahun yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham bagaimana negara yang makmur seperti Malaysia boleh menghadajri masalah seperti ini. Kita mengalami kekurangan tenaga rakyat yang terlatih tetapi terdapat beribu-ribu penuntut yang berkelayakan dan ingin mendapat pelajaran dan peluahg-peluang latihan. Sebaliknya kita mempunyai berjuta-juta ringgit dalam akaun kelebihan tetapi universiti-universiti dan kolej-kolej kita tidak dibesarkan untuk melatih mereka-mereka yang berkelayakari. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu contradiction dalam dasar Kerajaan yang mesti dikaji semula dengan segera supaya menghapuskan jurang kepercayaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kitk mempunyai punca-punca kewangan *dm* tenaga latihan untuk membesarkan institusi-institusi latihan kita. Wang yang telah didapati dari minyak boleh digunakan untuk perkembangan universiti-universiti, kolej-kolej dan institusi-institusi latihan. Minyak adalah satu bahan mentah yang boleh dihabiskan, ianya hendaklah diganti oleh punca-punca lain dan punca ini adalah tenaga rakyat. Oleh kerana kekuatan sesebuah negara, organisasi atau syarikat adalah orang-orangnya.

Langkah Belanjawan untuk memperbaiki kehidupan rakyat kecil sangat dipujikan. Langkah-langkah ini mencerminkan risau dan perhatian Kerajaan bagi rakyatnya dan adalah selaras dengan matlamat nasional ;kita untuk menghapuskan kemiskinan. Sementara

cara-cara Belanjawan untuk membaiki taraf kehidupan orang-orang miskin hendaklah diberikan pujian. Jentera-jentera Kerajaan untuk melaksanakannya hendaklah mempastikan bahawa masalah tidak akan befbangkit dalam pelaksanaannya. Kerapkali ini adalah di mana kesukaran bermula dan kehendak-kehendak Kerajaan salah difahamkan dan garis-garis panduan yang terang hendaklah diberikan oleh Kerajaan.

Berkenaan dengan skim pinjaman khas bagi peniaga-peniaga kecil yang dijamin oleh C.G.C., beberapa soal telah berbangkit, sama ada pinjaman ini static di mana jumlah tetap adalah diperuntukkan bagi tujuan ini. Jika betul apabila jumlah ini habis dipinjamkan, adakah ini bermakna bahawa orang-orang lain tidak dapat menggunakan kemudahan ini? Adakah satu had atas tabung ini? Bolehkah setiap - peniaga kecil termasuk orang penjaja yang berkelayakan dapat pinjaman ini secara otomatik? Adakah kuota mengikut bangsa? Ini adalah beberapa soalan yang saya berharap akan dijawab oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sementara: masih dalam perkara mengenai rakyat kecil, saya ingin merujuk kepada satu bidang lain yang memerlukan tindakan segera dibincangkan. Saya mencadangkan Kerajaan hendaklah membentuk satu dasar nasional mengenai peniaga-peniaga bergerak (itinary traders) supaya satu rancangan comprehensive untuk membaiki kehidupan penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil dapat dilancarkan. Garis-garis panduan hendaklah dibentuk supaya satu rangka bagi penyertaannya yang bermakna oleh penjaja-penjaja dan peniaga-pen'aga kecil dalam ekonomi nasional dapat dipecahi. Dan juga saya ingin menyeru Kerajaan supaya menyenangkan pemberian lesen-lesen penjaja dan menunjukkan sama risau dan perhatian yang telah ditunjukkan dalam usahanya untuk menghapuskan kemiskinan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul Belanjawan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Mtenglembu,

*6.18 ptg.*

Tuan P. Patto (Menglembu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di atas Belanjawan 1981 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 17hb Oktober ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah salah satu daripada negara-negara yang kaya dengan sumber alam semula jadi, dan salah satu daripada sumber-sumber alam semula jadi yang baharu sahaja dijumpai dalam negara kita adalah minyak. Tuan Yang di-Pertua, minyak telah mendapatkan Malaysia berjuta-juta ringgit (petrol-dollars) yang mengalir masuk seperti on-stream oil. Dengan hakikat ini hasil daripada minyak dengan cara royalty ataupun cash payment diperolehi oleh Kerajaan Pusat dalam tahun 1979 adalah lebih kurang $166 juta dan ia telah dianggar meningkat kepada satu angka iaitu $295 juta dalam tahun 1980 dan diramalkan akan meningkat lagi kepada $366 juta dalam tahun 1981 bensamaan dengan duti eksport atas petroleum mentah yang berjumlah $657 juta dalam tahun 1980 dan yang akan meningkat ke $1067 juta. Dengan ini ia bererti bahawa petroleum ditempatkan sebagai "the number one revenue earner for Malaysia."

Tuan Yang di-Pertua, daripada pengeluaran minyak sebanyak 1,000 tong sehari dalam tahun 1967 Malaysia hari ini adalah dalam satu kedudukan untuk mengeluarkan minyak sebanyak 400,000 tong hingga setengah juta tong sehari.

Tuan Speaker, pengeluaran minyak dan pendapatan daripada minyak telah meningl&t setiap tahun dan ia telah membawa lebih banyak lagi petrodollars kepada Kerajaan untuk dibelanjakan tetapi adakah langkah-langkah "precautionary" telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk mempastikan bahawa sumber-sumber kita ini tidak "deplete" dan sumber-sumber kita seperti minyak ini tidak dieksploit oleh golongan-golongan lain khususnya syarikat-syarikat minyak yang kaya yang beroperasi di merata tempat di seluruh dunia.

Saya pasti bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menteri lain tentu akan menyatakan bahawa kita mempunyai PETRONAS sebagai agensi kita untuk menjaga kepentingan negara dalam hal ini dan Akta Kemajuan Petroleum (The Petroleum Development Act) 1974 memberi hak pemilikan dalam petroleum kepada

PETRONAS, iaitu satu syarikat yang didaftar di bawah Akta Syarikat dan ini dengan sendirinya menjadikan ia sepenuh bebas daripada kawalan, penyeliaan dan persoalan Parlimen. PETRONAS telah diamanahkan dengan tanggungjawab dan tugas untuk menjalankan kawalan penuh mengenai "exploration and exploitation of petroleum" dan juga untuk menjalankan operasi-operasi "downstream", termasuk penapisaa petroleum dan juga pengeluaran "petroleum products" untuk mempastikan bafaawa Kerajaan dan rakyat biasa mempunyai "rightful sfoare" atas kekayaan minyak aegara kita ini.

Tuan Speaker, dalam 6 tahaa yang lalu Ahli-ahli Parlimen dan juga rakyat Malaysia tidak Jcetahui deagaa terang daa jelasnya tentang aktiviti-aktiviti PETRONAS dan juga syarikat-syarikat aiinyak, *mt*® gergasi-gergasi dalani bidang perindustrian petn> leum. PETRONAS diamanahkan dengan tugas untuk menjaga oil reserves negara kita 4an ia sepatutnya disoalkan sama ada ia mejapunyai keupayaan, kecekapaa„ "brainy" dalani organisasinya yaag memjpunyai pengetahuan expert dalam petroleum daa y#ag boleh "detect" sebarang penyelewengan daripada peraturan-peraturaa yang telah ditetap-*Xw* oleh PETRONAS bagi kontmktor-koatraktor dalam "oil exploration dan production". Kalau sekiraaya PETRONAS -mempunyai, maka bolehkah Yang Atnat Berhormat Perdana Meateri aismberitahu negara kita sama ada Pegawai-pegawai PETRONAS Tertinggi cukup competent dalam hal ini dan sama ada the top brass dalam organisasi PETRONAS mempunyai kelayakan-kelayakan yang cukup daa yang setanding dengan pakar-pakar yang diupah oleh kontraktor-kontraktor asing jai.

Saya telah membaca Laporan Ekonomi dalam beberapa tahun yang lalu yang dikeluarkan oleh Kerajaan tentang dasar Malaysia mengenai oil reserves. Dengan izin, Tuan Speaker, saya petik daripada Economic Report Kerajaan.

> "The oil reserves revolves around balancing the need to make good use of petroleum revenue to finance economic growth and the need to conserve a depleting resource that is non-renewable."

Jadi adakah PETRONAS berkebolehan iuntuk menjaga dengan jayanya "the conservation aspect" sumber "depleting" ini? Baa adakah ia mempunyai kebolehan untuk monitor dengan jayanya kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam pengeluaran minyak sama ada ia di Pantai Timur Semenanjung ataupun Sabah dan Sarawak supaya mempastikan mereka mengeluarkan minyak sepertimana dalam perjanjian.

Tuan Speaker, terdapat banyak high-level secrecy dalam hal ini. Saya tidak tahu mengapakah perlunya secrecy berada dalam perkara-perkara ini sekiranya tidak ada apa-apa yang patut daa perlu disembunyikan. Tidakkah rakyat Malaysia dan Ahli-ahli Parlimen mempunyai hak untuk mendapat tahp apakah oil re#ery<es yaag ada dalam aegara kita, khususaya di Pantai Timur Semenaajung Malaysia, Sabah dan Sarawak?

Tuaa Speaker, PETRONAS telah mengupah dua daripada "Seven Sisters'W-iaitu syarikat-syarikat minyak yang besar $ekali dalam dunia—iaitu Ess© dan Shell sebagai kontraktor untuk explore dan mengeluarkan minyak. Esso telah diupah untuk mengeluarkan minyak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan juga Sabah manakala Shell beroperasi di Sabah dan Sarawak. Sebelum Esso menjalankan usaha-psa&a mengeluarkan aiinyak, Esso tentu ada menjalankan exploratioa $epanjaag Paatai Timur Semenanjung Malaysia yang biasanya dibuat oleh syarikat-syarikat awayak. Apa yaag kita hendak tahu ialah berapa banyakkah reserves yang telah dijumpai oleh Esso di Pantai Timur Trengganu dan juga laia-lain tempat sepanjang Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Apakah "estimated total yolume of oil that is recoverable" dalam kawasan ini? Tentulah perkara-perkara macam ini bukan menjadi rahsia resmi yang tidak boleh diberitahu kepada Ahli-ahli Parlimen dalam Parlimen. Saya tidak tahu sama ada PETRONAS mempunyai pakar-pakar untuk mengesah ataupun tidak tentang estimation yang dibuat oleh Esso mengenai jumlah isi padu minyak atau "total volume of oil that is recoverable".

Tuan Speaker, soalnya sekarang sama ada PETRONAS mempunyai "skilled professionals" seperti "engineers, geologists, geophysicists, finance expert^" dan Iain-lain yang Esso daa Shell tentu mempunyai untuk

mempastikan bahawa laporan yang dike^ mukakan oleh Esso dan Shell mengenai "discovery" mereka atas "reserves" adalah benar ataupun tidak dan ia sebenar-benarnya membayangkan "estimated volume of oil" di Pantai-pantai Trengganu, Sabah dan Sarawak.

Tuan Speaker, tentu sekali Esso telah menjalankan preliminary explorations di Pantai Trengganu sebelum ia diberi kontrak oleh PETRONAS untuk mengeluarkan minyak yang telah disenaraikan kepada 3 bahagian. Dengan izin, Tuan Speaker, saya baca dalam bahasa Inggeris petikan dari-pada . . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Petikan daripada Laporan Ekonomi?

Tuan P. Patto: Bukan, daripada satu article yang dikelukrkan di mana oil reserves ini ada dibahagi-bahagikan,

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan!

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Weaker, tetapi saya akan gunakan juga Bahasa Malaysia di mana-mana yang saya boleh.

Tuan Speaker, 3 jenis oil reserves:

(1) *Proven Reservm~-im* adalah berkenaan dengan isi padu minyak mentah, condensate dan natural gas yang mana maklumat-maklumat geology dan kejiiruteraan menunjukkan dengan reasonable certainty, to be recoverable in the future from oil or gas reservoirs dalam keadaan operating dan economic yang wujud dan which are not knowingly influenced by either conservatism or optimism.

(2) *Probable Reserves*—ini adalah berkenaan dengan undeveloped reserves of crude oil, condensate and natural gas considered to be recoverable from formations on drilled structures which have favourable indications of fluid content ard reductibility, but about which sufficient information is lacking as to geological conditions, reservoir characteristics or economic factors to warrant the classification "proved". Probable reserves may also be assigned to crude oil and condensate that may become available by conventional secondary recovery methods from reservoirs judged to have desirable characteristics.

(3) *Possible Reserves—mi* adalah ber* kenaan dengan undeveloped reserves minyak mentah, condensate dan natural gas yang boleh direcover dari:

*(a)* Formation on undrilled structures or stratigraphic traps within the geological province or area adjacent to the project under consideration.

*(by* Formations below presently driled depths.

dc) Untested formation behind well casing on drilled structures* about which so little is known as; to geological conditions, resetvw characteristics or economic f actors that the classification of "probable** is not warranted. Reserves of this category are limited to include only future discoveries considered to be within reasonable economic reach subject to the knowledge and application of current production, drilling and geophysical techniques.

Tuan Speaker, jadi Esso tentuiah ada menyediakan laporan atau 3 jenis oil reserves ini di Pantai Trengganu, Apa yang saya ingin bortanya adalah sama ada PETRONAS boleh mengumumkan kepada rakyat Malaysia apakah estimated "volume of oil** yang ada dalam ketiga-tiga reserves ini.

Tuan Speaker, PETRONAS di bawah Perkongsian Pengeluaran (Production Sharing Agreement) dengan kontraktor-kontraktor asing seperti Esso dan Shell adalah bertanggungjawab untuk scrutinise the Work Programmes and Budget termasuk Field Development Plans yang dikemukakan oleh kontraktor-kontraktor ini sebelum kelulusan dibcri oleh PETRONAS dan tanpa kelulusan ini daripada PETRONAS, Esso mahupun Shell tidak dibenar untuk explore ataupun mengeluarkan minyak.

Apa yang saya ingin mendapat tahu ialah sama ada syarat-syarat yang dikenakan oleh PETRONAS itu dipatuhi oleh Esso dan Shell dan sekiranya ya, adakah PETRONAS mempunyai technological expert untuk menentukan bahawa program dan plan yang dikemukakan adalah selaras dengan dasar

minyak Kerajaan dan oleh kerana keputusan-keputusan atas perkara-perkara ini adalah "highly technical", ia tentu tidak boleh dibuat oleh satu dua orang birokrat atau Menteri.

Tuan Speaker, bolehkah PETRONAS memberi tahu bagaimanakah ia menjalankan "inspection" atas "transportation and storage facilities to avoid any losses of oil?" Ini terdapat dalam Laporan Ekonomi. Soalan ini hendaklah dijawab supaya memberi keyakinan kepada rakyat terhadap kegiatan-kegiatan PETRONAS.

Tuan Speaker, k>'ta juga telah difahamkan bahawa PETRONAS telah mengeluarkan satu set peraturan (a set of rules) "guiding" kontraktor-kontraktor minyak atas pengeluaran minyak optima (optimum oil production) dan "reduction of wastage of the associated petrol gas in oil fields."

Tuan Speaker, dengan izin, saya petik daripada Laporan Ekonomi:

> "Production rates of the contractor work programmes are subject to Annual Review by PETRONAS. PETRONAS has also instructed that meters be installed in old and new production areas to monitor the rate of production."

Ini adalah di dalam Laporan Ekonomi 1979/1980 yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kewangan, saya rasa Treasury.

Tuan Speaker, saya hairan mengapa baru sahaja dalam tahun 1979/1980 PETRONAS mengeluarkan satu arahan bahawa meter-meter hendaklah dipasang untuk monitor kadar pengeluaran petroleum in oil field dekat Trengganu dan juga di tempat-tempat lain. Soalnya sekarang ialah apakah sebabnya PETRONAS tiba-tiba mengarahkan supaya meter-meter dipasang? Adakah kita "to assume" bahawa sehingga arahan ini dikeluarkan tidak ada sebarang kawalan atas kadar pengeluaran oleh Esso di Pantai Timur Trengganu dan sekiranya tidak ada sebarang kawalan apakah jaminan (guarantee) bahawa Syarikat Esso ini tidak mengeluarkan minyak dengan berlebihan daripada apa yang ia sepatutnya mengeluarkan.

Tuan Speaker, kalau pihak Kerajaan menuntut bahawa semuanya "all right" mengenai pengeluaran minyak dalam oil field kita, maka apakah sebabnya arahan ini untuk memasang meter-meter ini dikeluarkan? Perkembangan baru ini .mengenai kawalan atas pengeluaran minyak mentah tentulah di-prompt oleh kerana kemungkinannya ada berlaku deviation di dalam stipulated production rates oleh kontraktor-kontraktor asing.

Tuan Speaker, Esso pada 27hb Oktober* 1980 telah mengeluarkan satu iklan dalam Straits Times, hampir separuh muka sural mengatakan ia telah membelanjakan $1.9 billion sehingga tahun 1979 tetapi Esso tidak memberitahu kepada rakyat berapakah basil ia telah mendapat daripada minyak *(a)* upstream dan *(b)* downstream melalui aktiviti-aktiviti di negara kita sendiri. Cara atau approach terbaru Esso ini untuk menyakinkan rakyat bahawa ia patut disympathise oleh kerana ia telah membelanjakan $1.9 billion sehingga tahun 1979 bukanlah satu-satu yang baru dilakukan oleh syarikat-syarikat minyak yang kaya. Saya beri sedikit contoh, Tuan Speaker, petikan daripada buku The Seven Sisters oleh Anthony Samson.

Tuan Speaker, dalam tahun 1973 hampir kesemua syarikat-syarikat minyak terkaya dalam dunia mendapat keuntungan terbesar dan sebilangan daripada mereka "frantically advertised" untuk mengadilkaii keunmngan mereka dalam akhbar-akhbar tempatan besar di Amerika Syarikat. Umpamanya, New York Times dalam tahun 1973 mengeluarkan advertisement yang menerangkan bahawa Shell, Texaco dan Gulf memerlukan pelaburan baru yang luas untuk memajukaa sumber-sumber tenaga dan Shell dengan izin: "went to the extent of stating that their profits were too low", yang telah mengambil advertisement dalam New York Times dan "insisted that the consumer has to pay for the new development". Ini adalah dalam buku ini, muka surat 279.

Tuan Speaker, kita telah juga dapat tahu bahawa dalam tahun 1972 di antara koperasi-koperasi atau manufacturing corporation yang. terbesar dalam dunia, Essolah yang menduduki tempat pertama dengan assetnya US$21,558 billion pada tahun itu.

Tuan Speaker, kita bukanlah orang-orang bodoh (fools) untuk menelan "pathetic stories" daripada Esso bahawa ia perlu membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk mencari minyak.

Tuan Speaker, negara kita tidak boleh takut kepada Esso walaupun kita dapat tahu mungkin parti pemerintah mempunyai alasan-alasan.tertentu untuk mengelak antagonising

gergasi tainyak ini yang diketahui telah membuat sumbangan-sumbangan kewangan yang banyak dalam pilihanraya presiden di Amerika beberapa tahun dahulu. Dalam tahun 1972 dalam presidential campaign in United . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

*6.37 ptg.*

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 dan buat permulaannya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang tersebut.

Belanjawan 1981 dikatakan sebagai Belanjawan untuk orang kecil ataupun dalam bahasa Inggeris, dengan izin: small man's Budget. Adalah amat memberangsangkan meneliti bahawa Kerajaan telah mengambil langkah yang tidak traditional dengan menitikberatkan dasar-dasar dan strateginya kepada usaha-usaha yang gigih membantu secara terus kumpulan rakyat di peringkat rendah dan pertengahan di sektor-sektor pertanian dan perikanan, peniaga-peniaga kecil dan seumpamanya. Manakala negara-negara yang telah membangun menggunakan dasar physical dari juga kewangan mempu-tingkatkan ekonominya di samping membendung inflasi Kerajaan Malaysia telah mengatur langkah-langkah yang tidak conventional dan yakin sesungguhnya cara ini sudah tentu dapat memperbaiki kedudukan rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah dan selari dengan itu melalui dasar pemberian subsidi serta pertambahan daya pengeluarannya inflasi akan dapat dibendung kepada kadar yang tidak melebihi 7% pada tahun 1981.

Satu aspek dari strategi Belanjawan yang amat dialu-alukan ialah mengenai tawaran package deal yang diberikan terhadap usaha-usaha membantu peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha kecil yang ratusan ribunya tersibar di seluruh negara. Memang amat bijak langkah yang diambil memandangkan bahawa suatu ciri yang amat nyata dari kejayaan Dasar Ekonomi Baru ialah bertambah ramainya golongan rakyat yang telah berani meninggalkan sektor yang rendah pendapatannya pada sektor perniagaan dan perusahaan yang lebih terjamin.

Mengikut rekod yang tidak rasmi ada kira-kira 300,000 peniaga-peniaga kecil di seluruh negara dan ini bermakna bahawa hampir 1.5 juta dari rakyat Malaysia bergantung nasib dan masa depan mereka kepada bidang perniagaan yang kecil yang amat mencabar ini.

Mengikut Belanjawan 1981 yang dicadangkan itu, seseorang pengusaha atau peniaga-peniaga kecil adalah peniaga-peniaga yang mempunyai modal tidak melebihi $250,000. Di bawah skim yang dicadangkan, sesuatu skim pinjaman khas ditawarkan oleh bank-bank perdagangan kepada peniaga-peniaga kecil yang layak termasuk pinjaman bank sehingga $50,000 tanpa sebarang cagaran dengan kadar faedah 7.5% setahun dan skim ini sudah tentu dijamin oleh Perbadanan-p^rbadanan Jaminan Kredit

Di samping itu bank-bank perdagangan yang menyertai dalam skim ini akan mendapat rebate cukai dua mata peratusan ke atas pinjaman yang diberikan. Sesungguhnya skim ini akan hanya memberi faedah kepada peniaga-peniaga kecil sekiranya Bank Negara dapat mempastik&n sokongan yang kuat dari bank-bank perdagangan untuk menyertai skim ini. Tidak dapat dinafikan bahawa di bawah Skim CGC yang lama masih banyak bank-bank perdagangan tempatan dan asing yang merasakan bahawa rancangan CGC ini melibatkan kerja pentadbiran yang lebih dan memakan masa. Justeru itu ada setengah-setengah bank, terutama bank-bank asing yang mengenepikan usaha-usaha membantu peniaga-peniaga kecil, terutama kaum bumiputra, bahkan suka menasihatkan kaum-kaum peniaga kita untuk pergi ke Bank Bumiputra ataupun Malayan Banking kerana di situlah sebenarnya, mereka mengatakan, bank untuk bumiputra. Sikap seperti inilah yang masih diamalkan oleh bank-bank tersebut dan sekiranya ini diteruskan, saya tidak yakin rancangan skim pinjaman khas yang diutarakan itu akan dapat memberi faedah kepada peniaga-peniaga kecil. Bank Negara mestilah bersikap tegas di dalam memastikan agar bank-bank perdagangan di negara ini menyusun dasar pinjamannya selaras dengan kehendak dasar Kerajaan itu. Saya mencadangkan supaya bank-bank perdagangan

disyaratkan untuk mempastikan sekurang» kurangnya 30% dari jumlah pinjaman untuk melaksanakan skim pinjaman khas ini.

Suka juga diingatkan iaitu ada setengah* setengah bank asing yang akan berpendapat bahawa rebate cukai 2 peratus bagi setiap pinjaman di bawah skim ini tidak sebegitu menarik jika dibandingkan dengan faedah yang mereka perolehi dari pinjaman-pinjaman besar yang diberikan kepada syarikat-syarikat besar ataupun multi-national.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya masa depan bagi peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha kecil kita amatlah cerah, tetapi walaupun begitu sehingga pada hari ini belum ada suatu dasar yang tertentu yang telahpun digubal untuk melindungi sektor-sektor psrniagaan dam perusahaan-perusahaan kecil itu. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan melaksanakan konsep payung (the umbrella concept), Tuan Yang di-Pertua, iaitu untuk melindungi perniagaan-perniagaan dan perusahaan-perusahaan kecil di seluruh negara, bahkan di dalam konsep itu Kerajaan periulah menimbangkan untuk menggubal satu undang-undang yang benar-benar dapat mengawal untuk memberi perlindungan kepada usahatisaha yang dijalankan oleh rakyat kita dalam perusahaan dan perniagaan kecil itu. Ini adalah disebabkan dalam keadaan pasaran pada hari ini adanya sikap monopolistik dan juga diskriminasi yang diamalkan oleh syarikat-syarikat besar di dalam pjengedaran, penjualan dan syarat-syarat yang dikenakan bagi agensi dan juga cara-cara lain yang menyusahkan peniaga-peniaga kecil.

Selain daripada itu, terdapat juga pertandingan yang tidak sihat yang diamalkan oleh peniaga-peniaga yang sudah established dan ini sudah pasti akan memberikan kesan terhadap pertumbuhan yang sihat di kalangan peniaga-peniaga kecil.

Tuan Yang di-Pertua, skim galakan melalui skim pinjaman khas ini sudah tentu tidak dapat membantu secara terus golongan peniaga kecil ini, kecuali bank-bank perdagangan di negara ini mempunyai sikap yang jujur dan ikhlas di dalam melaksanakannya. Perusahaan-perusahaan dan perniagaan kecil merupakan sumber utama kepada tidak kurang daripada 300,000 peniaga kecil di seluruh negara kita. Oleh yang demikian suatu undang-undang dan juga suatu dasar yang tegas periulah diadakan bagi memelihara dan juga membimbing perkembangan yang sihat di dalam sektor perniagaan kecil itu.

Tuan Yang di-Pertua, peranan bank-bank perdagangan di dalam membantu perkemba* ngan dan kemajuan pengusaha-pengusaha kecil tidak dapat dinafikan. Mengikut Laporan Bank Negara, 1979 yang terakhir yang telahpun diedarkan, jumlah harta bank telah bertambah 6 kali ganda pada kadar purata sebanyak 20% di dalam tahun 1970an dan simpanan dengan sistem bank telah juga meningkat pada kadar purata 20.2%. Sementara itu kredit bank juga telah bertambah dengan lebih cepat sebanyak 22.5% setahun. Bank asing disyaratkan untuk mengumpulkan wang kerja tidak kurang daripada $2 juta tiap-tiap satu bank dan ini tidak menjadi masalah tetapi menjadi kebiasaan bagi sebahagian besar daripada sumber ini dibawa ke luar dari sistem ini melalui penyimpanan kumpulanwang dengan institusi kewangan yang lain di luar Malaysia. Mereka bergamtung kepada pas'aran wang antara bank dalam negeri bagi membiayai urusan pinjaman mereka di negara ini dan akibat daripada sikap bank perdagangan asing ini ad& kalanya menjadikan bukan sahaja sumber bagi ketidak-sttabilan dalam pasaran wang dalam negeri* tetapi juga kadangkala telah menjadi sumber tekanan yang tidak dimgini di atas kadar bunga di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah dapat dinafikan bank-bank perdagangan telah memberikan sumbangan terhadap pembangunan ekonomi, namun begitu selepas hampir 10 tahun Dasar Ekonomi Baru itu dirumus dan dilaksanakan masih terdapat bank-bank perdagangan, terutama bank-bank asing yang tidak mengindahkan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Dasar-dasar diskriminasi yang sinis, yang halus masih lagi diamalkan oleh sebahagian besar pegawai-pegawai expatriate di peringkat pengurusan tinggi di bank-bank perdagangan asing. Cara-cara bank-bank ini amatlah halus dilakukan terutama terhadap peniaga-peniaga khasnya peniaga-peniaga bumiputra. Mereka menyarankan untuk memberikan peluang latihan di dalam dan di luar negeri kepada pegawai dan kakitangan bumiputra hanya untuk mengabui mata sahaja dan sebenarnya ia tidak merupakan satu skim yang dapat membantu peniaga-peniaga ataupun pegawai-pegawai tersebut, bahkan meneruskan atau propagate kawalan, oleh golongan expatriate di dalam bank-hank

tersebut. Oleh yang demikiari, saya ingiti niencadangkan supaya Bank Negara mengambil tindakan yang tegas terhadap mana* maiaa bank asing supaya menyusun scmula (restructure) bentuk equitinya dan mensyaratkan sekurang-kurangnya 40% daripada saham yang dimiliki di dalam operasi di dalam negeri ini adalah dimiliki oleh warganegara Malaysia.

Selain daripada itu, sikap dan juga amalan diskriminasi yang diamalkan oleh bank-bank asing perlu juga diubah. Saya juga ingin mencadangkan supaya Bank Negara meneliti kedudukan susunan Lembaga Pengurus di dalam bank-bank asing yang boleh mencerminkan hasrat Kerajaan dalam mencapai matlamat Dasar Ekondmi Baru dan tindakan tegas perlulah diambil oleh Bank Negara terhadap mana-mana bank asing yang tidak menjalankan urusannya selaras dengan memberikan kemudahan kepada golongan rakyat yang dipentingkan sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Dasar Ekonomi Baru itu. Dan adanya "lip service" yang diamalkan perlulah dihapuskan supaya matlamat utama kita untuk memberi kemudahan kepada sektor-sektor yang ditekankan oleh Kerajaan itu akan tefeapai dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi kita juga mencadangkan supaya satu dasar yang tegas diwujudkan bagi melindungi perniagaan-perniagaan kecil disebabkan pada masa ini tidak ada undang-undang yang tertentu yang dapat diselaraskan bagi meiindungi perusahaan-perusahaan di s&ktor perniagaan kecil itu. Kebanyakan daripada "by-law" atau undang-undang kecil yang digunakan sebagai panduan oleh Majlis-majlis dan Penguasa-penguasa Tempatan adalah telah usang dan tidak menggalakkan perkembangan bahkan menyekat perkembangan sektor perniagaan kecil itu.

Selain daripada itu di dalam sistem pasaran bebas ia tidak dapat menjamin perkembangan pesat sektor perindustrian atau perusahaan kecil ini kerana ia hanya memberi kesempatan yang lebih kepada yang punya harta dan modal untuk memperluaskan pengaruhnya dalam kekuasaan ekonomi negara ini. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan memberikan perhatian yang berat di dalam usaha untuk mengadakan peraturan-peraturan yang tertentu dan undang-undang yang lebih rapi bagi meiindungi perniagaan-perniagaan kecil dan juga perusahaan kecil di dalam negara ini.

Akhirftya saya mengalu-alukan usaha dan langkah Kerajaan baru-baru ini menubuhkaa suatu jawatankuasa kecil bagi mengkaji dan meneliti usaha-usaha untuk meiindungi ataupun mengadakan peraturan-peraturan bagi meiindungi peniaga-peniaga kecil di seluruh negara ini yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan pada akhirnya saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang dan Yang Berhormat dari Jelutong saya akan beri peluang dalam masa Jawatankuasa.

*6.52 ptg.*

Tuan Sibat Miyut anak Tagong (U2« Rajang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1981 dengan sepenuh-penuhnya yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 17hb Oktober* 1980. Di sini saya hendak menyentuh satu dua perkara yang saya anggap penting di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini perbelanjaan kita sudahpun bertambah seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri kepada kita semua. Sekarang ini patutlah Kerajaan kita menubuhkan sebuah kilang gula di Sarawak untuk kemudahan dan keuntungan rakyat semua. Sekarang ini kekurangan gula di Sarawak sudah teruk dan susah masalahnya, oleh itu saya merayu kepada Kerajaan supaya kilang gula itu diadakan dengan segera supaya masalah ke* kurangan gula dapat diatasi pada masa yang akan datang.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, selepas kenaikan harga minyak, sepatutnya keadaan kekurangan minyak tidak akan wujud lagi, akan tetapi di kawasan luar bandar di seluruh Malaysia masih ada lagi masalah kekurangan minyak terutama di tempat-tempat luar bandar di negeri Sarawak. Ini telah menyebabkan pelawat-pelawat dari Jabatan atau Kementerian dan Kerajaan serta segala peniaga-peniaga kecil tergendala di Situ selama beberapa hari, oleh kerana tidak dapat membeli minyak di tempat-tempat luar bandar di negeri Sarawak. Di samping itu, ini telah menyebabkan anasir-anasir yang tidak diingini mengambil kesempatan untuk menjual minyak dengan

secara pasar gelap. Sekiranya masalah ini diteruskan, maka masalah kemiskinan akan bertambah teruk kepada kaum tani luar bandar, lebih-lebih lagi, ini akan menyebabkan kaum petani menghadapi masalah yang rumit, bukan sahaja minyak petrol, bahkan pula minyak gas dan diesel juga menghadapi masalah yang sama. Dengan itu, saya menyeru kepada Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengatasi masalah ini dengan serta-merta.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, orang-orang di Sarawak kebanyakannya bergantung kepada lada sebagai sara hidup terutama kaum Dayak. Sekarang ini harga baja meningkat naik sedangkan harga lada sudah merosot. Dengan itu, kami harap Kementerian Perusahaan Utama akan mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki pasaran lada kerana ini adalah secucuk dengan Dasar Ekonomi Baru.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua, di samping harga barang-barang jualan yang lain pula sudah melambung naik dan keadaan ini telah menyebabkan beberapa masalah rumit timbul. Dengan itu, diharap Kerajaan menyeru peniaga-peniaga mempertimbangkan masalah ini serta mengawal supaya harga tidak akan dinaikkan secara tidak menasabah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

*6.57 ptg.*

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, saya bangun mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan tahun 1981.

Tuan Speaker, saya mengucapkan tahniah di atas pertimbangan Tuan Speaker membenarkan perbincangan lebar berkenaan aktiviti-aktiviti produksinya oleh Syarikat Esso Production di perairan Trengganu. Demi kepentingan rakyat, perkara ini patut dibincangkan secara bebas di Parlimen, perbincangan-perbincangan di Dewan Rakyat tidak patut dalam apa-apa jua carapun dipertahankan. Minyak adalah komoditi yang penting dalam bidang ekonomi kita.

Rakan saya Ahli dari Petaling telah berucap dengan panjang lebar terhadap pengeIuaran minyak berlebihan yang sulit ini. Sekiranya tuduhan beliau itu adalah benar* maka tidak ada sebab ditolak kata-kata Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Ahli Yang Berhormat itu telah mendesak Kerajaan menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan terhadap perkara ini.

Tuan Speaker, perkara ini jadi satu perkara penting dan kami ada bukti dalam negara lain dan saya quote.

Tuan Speaker, saya quote dalam buku yang ada baru-baru ini direferkan . . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Apa nama buku itu?

Tuan Karpal Singh: Nama buku itu "The Seven Sisters" by Anthony Samson. Jikalau saya boleh baca di dalam bahasa Inggeris apa yang terkandung dalam buku itu. . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Boleh selagi waktu mengizinkan.

Tuan Karpal Singh: *(Dengan izin)*

> "In the 1972 Presidential Campaign, a sum of US$217,747 was given by top EXXON (Esso) officials to the Republican Party whose candidate was Richard Nixon. Other oil giants also gave such donations."

Tuan Speaker, ada bukti company-company seperti Esso dan EXXON ada buat apa yang ada dalam buku yang baru-baru ini saya baca.

Ibu Syarikat Esso Production Malaysia Incorporated (EXXON) tidak boleh dianggap sebagai syarikat yang sebaik-baiknya jujur di negara kita, tuduhan-tuduhan sekeluarga EXXON didapati menguasai beberapa Kerajaan, mereka pernah diketahui memberi sumbangan-sumbangan secara sulit kepada beberapa parti politik di mana letaknya kepentingan mereka supaya ianya sentiasa dapat dikekalkan, tetapi tidak boleh. . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Tuan Karpal Singh: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, Selasa, 4hb November, 1980.

*Dewan ditangguhkan pacta pukul 7.00 malam.*